

**KOLEKSI JAWAPAN
SOALAN SIDANG
DEWAN RAKYAT
DAN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KE-14
(2018 - 2019)**

ISI KANDUNGAN

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT PERTAMA, 16 JULAI HINGGA 16 OGOS 2018					
1	19 Julai 2018 (Khamis) (LISAN)	23	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah strategi Kerajaan bagi memupuk semangat Rukun Negara yang kelihatan semakin pudar terutamanya di kalangan generasi muda.	TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN]	1
2	23 Julai 2018 (Isnin) (LISAN)	58	minta PERDANA MENTERI menyatakan pertimbangan untuk meletakkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan-Persatuan Penduduk ini di bawah kuasa dan seliaan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan agar fungsi mereka lebih terurus dan terjamin.	TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]	6
3	6 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	32	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan kini bercadang untuk memperkenalkan undang-undang spesifik untuk memberikan definisi kepada perkauman (<i>racism</i>) dan juga untuk mengharamkan masalah perkauman.	TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]	9
4	6 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	33	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia agar kesejahteraan negara kekal	DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]	12

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			terjamin.		
5	6 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	55	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung budaya menghina institusi raja-raja.	DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]	17
6	6 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	64	minta PERDANA MENTERI menjelaskan perancangan Kerajaan untuk memupuk dan mewujudkan integrasi nasional.	DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]	20
7	7 Ogos 2018 (Selasa) (LISAN)	33	minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mempertahankan Institusi Raja-Raja ekoran serangan demi serangan serta provokasi terhadap institusi berkenaan sejak dari awal Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tumpukan pemerintahan.	TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]	24
8	15 Ogos 2018 (Rabu) (LISAN)	51	minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana Kerajaan mendukung konsep 'Malaysian Malaysia' dan apakah tindakan bagi terus menjaga kepentingan dan survival bangsa Melayu.	TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]	27

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN NEGARA YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT PERTAMA, 20 OGOS, 27 OGOS HINGGA 10 SEPTEMBER 2018					
1	20 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	1	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk memelihara perpaduan dan keharmonian antara kaum sedang Kerajaan sebelum ini telah menolak ketiga-tiga Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara dan juga tidak bersedia untuk melaksanakan syor lain yang terkandung dalam Laporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.	TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH	30
2	27 Ogos 2018 (Isnin) (LISAN)	26	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang bagi rakyat Malaysia mendalami agama masing-masing dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.	TUAN AKNAN EHTOOK	33
3	30 Ogos 2018 (Khamis) (LISAN)	9	minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan pelan tindakan untuk mengintegrasikan kaum di Malaysia dengan cabaran sikap netizen dan media terbuka pada hari ini.	PUAN ASMAK BINTI HUSIN	36
4	30 Ogos 2018 (Khamis) (LISAN)	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan memberikan sesi taklimat mengenai penggubalan Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan	DATUK LEE TIAN SING	41

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			Pendamaian untuk menjaga perpaduan pelbagai kaum.		
5	30 Ogos 2018 (Khamis) (LISAN)	45	<p>minta PERDANA MENTERI menyatakan:-</p> <p>(a) apakah ukuran skala (1 hingga terbaik, 10) yang boleh diberikan untuk tahap perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini; dan</p> <p>(b) adakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini dan apakah perancangan untuk menambah baik program-program ini.</p>	TUAN AKNAN EHTOOK	44
6	4 September 2018 (Selasa) (LISAN)	24	<p>minta PERDANA MENTERI menyatakan:-</p> <p>(a) apakah indeks pencapaian ketegangan hubungan etnik atau perpaduan kaum di Malaysia sehingga kini; dan</p> <p>(b) adakah Rang Undang-undang Harmoni Kebangsaan, Rang Undang-undang Perpaduan Negara dibincangkan dengan ahli-ahli Parlimen sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan bagi kelulusan Parlimen.</p>	DATUK LIM PAY HEN	49
7	6 September 2018 (Khamis) (LISAN)	22	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh	DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDAR AM	53

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			Kerajaan untuk memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.		
8	12 September 2018 (Rabu) (LISAN)	34	minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah komitmen Kerajaan untuk memastikan perpaduan kaum dan menghormati perbezaan agama dapat diperkuuhkan bersesuaian dengan ketetapan Perlembagaan Malaysia.	DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM	59
9	BUKAN LISAN	31	minta PERDANA MENTERI menyatakan fokus Kerajaan dalam memastikan perpaduan kaum terus dipelihara dan memastikan setiap anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menggugat agama Islam dan Bahasa Melayu.	DATUK RABIYAH BINTI ALI	63

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT KEDUA, 15 OKTOBER HINGGA 11 DISEMBER 2018

1	21 Nov 2018 (Rabu) (LISAN)	33	minta PERDANA MENTERI menyatakan inisiatif jangka pendek dan panjang Kementerian untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat.	PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]	65
2	BUKAN LISAN	118	minta PERDANA MENTERI menyatakan visi dan perancangan Kementerian dalam meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya peranan badan-badan dan agensi di bawah Kementerian.	DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]	70

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN NEGARA YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT KEDUA, 3 HINGGA 20 DISEMBER 2018					
1	3 Dis 2018 (Iasnin) (LISAN)	55	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Malaysia menerima tekanan yang serius daripada PBB untuk meratifikasi International Convention on Elimination of All Racial Discrimination (ICERD).	DATO' DR. MOHD NOR BIN HAJI MONUTTY	75
2	4 Dis 2018 (Selasa) (LISAN)	22	minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan terakhir dan status terkini mengenai cadangan memperkenalkan Akta Anti Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Perdamaian.	TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH	77
3	5 Dis 2018 (Rabu) (LISAN)	23	minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dan implikasi meratifikasi International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) di negara ini.	DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG	79
4	6 Dis 2018 (Khamis) (LISAN)	70	minta PERDANA MENTERI menyatakan hasrat dan pendirian Kerajaan untuk menandatangani baki enam konvensyen hak asasi manusia di mana antara lain ialah meratifikasi ICERD (International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination).	DATO' ISA BIN AB. HAMID	81
5	11 Dis 2018 (Selasa)	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menandatangani (ratify) Konvensyen-konvensyen	DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @ ABBAS	83

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	(LISAN)		Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang selain daripada CEDAW dan CRC. Apakah Kerajaan akan meneruskan hasrat untuk menandatangani ICERD.		
6	11 Dis 2018 (Selasa) (LISAN)	49	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menandatangani perjanjian untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kepentingan Bumiputera dapat dijamin dan dijaga melalui Perlembagaan sedia ada selepas menandatangani perjanjian ini.	PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH	85
7	13 Dis 2018 (Khamis) (LISAN)	58	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah diskriminasi kaum menjadi konflik bagi membentuk perpaduan kaum di Malaysia.	PUAN ASMAK BINTI HUSIN	87
8	13 Dis 2018 (Khamis) (LISAN)	67	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah asas yang menyebabkan Kerajaan perlu menandatangani ratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi kaum (ICERD).	DATUK JAMILAH SULAIMAN	90
9	17 Dis 2018 (Isnin) (LISAN)	48	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah ada keperluan menggabungkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT)	DATUK RAZALI BIN IDRIS	92

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			dengan Skim Rondaan Sukarela (SRS) supaya lebih mantap dan mampan.		
10	18 Dis 2018 (Selasa) (LISAN)	50	minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan kepada ratifikasi Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Adakah Kerajaan telah didesak oleh mana-mana Kerajaan luar untuk menandatangani konvensyen ini. Jika ada, nyatakan negara tersebut dan sebab desakan tersebut dibuat.	PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS	94
11	20 Dis 2018 (Khamis) (LISAN)	14	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kaedah lain yang dirancang oleh Kerajaan, selain mewujudkan jawatan Penggerak Perpaduan, dalam usaha untuk meningkatkan inklusiviti kumpulan minoriti seperti Siam dan Portugis dalam program-program Kerajaan.	TUAN AKNAN EHTOOK	96
12	20 Dis 2018 (Khamis) (LISAN)	26	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kerajaan sebelum ratifikasi International Convention of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dan inisiatif Kerajaan dalam memastikan apa juga diskriminasi dihapuskan selaras dengan falsafah Pakatan Harapan untuk membina satu Bangsa Malaysia.	DATO' SRI TI LIAN KER	100
13	BUKAN LISAN	9	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasional	DATUK HAJI ISMAIL BIN	102

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			tindakan yang dibuat oleh Kerajaan dalam memenuhi hasrat segelintir kumpulan masyarakat agar Malaysia menandatangani Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).	IBRAHIM	
14	BUKAN LISAN	117	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan PH hendak melaksanakan ICERD sedangkan ianya bercanggah dengan perlembagaan negara Malaysia.	PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT	
15	BUKAN LISAN	128	minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Apakah rancangan selanjutnya Kerajaan untuk mendapatkan pandangan daripada semua warga Malaysia sebelum membuat keputusan.	DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE	
16	BUKAN LISAN	17	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah yang telah dikenalpasti sebagai kelemahan dan kelebihan dasar perpaduan yang sedia ada yang mendorong ke arah pengubalan dasar perpaduan yang baharu. Apakah jaminan bahawa nilai setiap segmen rakyat Malaysia diambil kira untuk mengelakkan berlakunya nilai sesuatu segmen masyarakat itu mendominasi yang lain yang akan	TUAN AKNAN EHTOOK	105

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			menyebabkan segmen lain dalam masyarakat menolak dasar, program serta langkah yang bakal diperkenalkan dalam dasar baharu.		
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA, 12 MAC HINGGA 11 APRIL 2019					
1	18 Mac 2019 (Isnin) (LISAN)	31	minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan pelan perpaduan rakyat oleh Kementerian dalam masa 5 tahun akan datang.	DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]	110
2	18 Mac 2019 (Isnin) (LISAN)	48	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan dalam memperkasakan inisiatif perpaduan masyarakat berbilang kaum dalam negara.	DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN]	115
3	18 Mac 2019 (Isnin) (LISAN)	50	minta PERDANA MENTERI menyatakan pegangan atas jawapan Menteri Perpaduan terhadap isu rusuhan di kuil Seafield, Subang Jaya bagi menjaga keharmonian dan keamanan di Malaysia.	TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]	121
4	19 Mac 2019 (Selasa) (LISAN)	30	minta PERDANA MENTERI menyatakan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 kedudukan dan keadaan perpaduan negara nampak semakin longgar dan rapuh. Apakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki situasi ini.	DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]	124

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
5	19 Mac 2019 (Selasa) (LISAN)	41	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa ahli politik tidak akan menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik sehingga mengorbankan keharmonian kaum dan agama.	TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]	129
6	20 Mac 2019 (Rabu) (LISAN)	32	minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan hubungan kaum dan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan rakyat yang bersatu padu.	DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]	132
7	26 Mac 2019 (Selasa) (LISAN)	16	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan serta mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.	TUAN RAMLI BIN MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS]	138
8	9 April 2019 (Selasa) (LISAN)	55	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perpaduan dan integrasi nasional menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat Malaysia dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.	DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD [MERSING]	142
9	11 April 2019 (Khamis) (LISAN)	25	minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah keharmonian pelbagai kaum di negara ini masa kini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan keharmonian ini	DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]	146

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			terus terjamin dari setiap sudut kepada semua kaum supaya setiap rakyat saling memahami serta menghormati hak, kepercayaan dan amalan agama masing-masing walaupun dari pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama yang berbeza.		
10	11 April 2019 (Khamis) (LISAN)	47	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada peruntukan geran tahunan RM6,000 kepada setiap KRT akan ditingkatkan memandangkan kos sara hidup telah meningkat dengan kadar yang ketara.	TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]	151
11	BUKAN LISAN	61	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengembalikan kegemilangan dasar perpaduan dan integrasi nasional ketika tahun 1970an hingga 1990an di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kaum yang mana ketika itu rakyat menuju ke arah pembangunan negara secara bersama kini telah dibiarkan terurai hingga timbul kesangsian antara kaum dan agama.	DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]	153
12	BUKAN LISAN	403	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memupuk sikap toleransi dan perpaduan kaum di Malaysia.	TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]	159

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
13	BUKAN LISAN	431	minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap integrasi nasional yang telah dicapai oleh negara kita. Apakah tindakan-tindakan yang wajar diambil terhadap mana-mana pihak yang mengungkit sentimen perkauman dalam usaha merosakkan perpaduan, keharmonian dan keselamatan negara.	TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJ U NAIDU [BATU GAJAH]	163
DEWAN NEGARA YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT PERTAMA, 22 APRIL HINGGA 9 MEI 2019					
1	23 Apr 2019 (Selasa) (LISAN)	14	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan dan program-program sedia ada oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan apakah impak dan kejayaannya setakat ini.	DATUK PAUL IGAI	167
2	23 Apr 2019 (Selasa) (LISAN)	39	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam sektor pendidikan, sektor swasta dan juga sektor perkhidmatan awam untuk memupuk semangat muhibah dan integrasi pelbagai kaum bagi mewujudkan hubungan etnik yang lebih mesra dan harmoni.	PUAN LIM HUI YING	173
3	23 Apr 2019 (Selasa) (LISAN)	70	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan strategik Kerajaan dalam memastikan perpaduan kaum dapat dijadikan agenda segar membumi, pada masa yang sama	PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU	178

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			sebarang unsur yang menggugat perpaduan ini ditangani secara tegas.		
4	24 Apr 2019 (Rabu) (LISAN)	28	minta PERDANA MENTERI menyatakan atas sebab apa Malaysia tidak mengesahkan ICERD. Apakah sebab-sebab keputusan tersebut. Apakah kesan negatif dan positif kepada Malaysia dengan tidak mengesahkan konvensyen ini.	DR. NUING JELUING	184
5	25 Apr 2019 (Khamis) (LISAN)	52	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan dan mengeratkan perpaduan antara etnik/masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.	DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR	186
6	25 Apr 2019 (Khamis) (LISAN)	58	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan memelihara perpaduan dalam negara ini memandangkan hari ini semakin ramai memiliki pemikiran ekstremis disebabkan media social dan sebagainya.	DATO' ONG CHONG SWEN	190
7	25 Apr 2019 (Khamis) (LISAN)	83	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah jawatankuasa khas dan baru mempromosikan keamanan, perpaduan antara kaum serta agama ini juga mempunyai ruang memberi pandangan atau nasihat mengenai perkara keharmonian kaum termasuk fatwa bagi agama Islam serta agama lain.	DATUK LIM PAY HEN	195

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
8	25 Apr 2019 (Khamis) (LISAN)	93	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah skor ataupun indeks perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia pada tahun ini dan perbandingannya dengan tahun-tahun sebelum ini.	TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN	199
9	29 Apr 2019 (Isnin) (LISAN)	39	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan merangka sebarang pelan tindakan untuk mengembalikan keharmonian serta perpaduan di antara kaum yang kini semakin tegang dan apakah status penubuhan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat.	DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDAR AM	202
10	30 Apr 2019 (Selasa) (LISAN)	50	minta PERDANA MENTERI menyatakan prinsip yang dijadikan asas bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan sesama kaum dan antara kaum di negara ini.	DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG	207
11	30 Apr 2019 (Selasa) (LISAN)	83	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil dan sejauh manakah kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan serta badan-badan swasta dan penduduk amnya telah menggunakan aktiviti sukan sebagai saluran untuk memupuk perpaduan kaum di negara ini. Jika ada, sejauh manakah keberkesanannya.	DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR	211
12	6 Mei 2019	17	minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian terhadap konsep "Malaysia for Malaysian"	DATO' DR. ANANTHAN A/L	214

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	(Isnin) (LISAN)		kerana isu perkauman dan diskriminasi semakin meruncing dalam kalangan anggota masyarakat di negara kita.	SOMASUNDAR AM	
13	6 Mei 2019 (Isnin) (LISAN)	29	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kementerian dalam mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat negara ini yang kelihatan semakin renggang.	DATO' ZAHARI BIN SARIP	216
14	8 Mei 2019 (Rabu) (LISAN)	5	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan integrasi kaum di kalangan komuniti maya di Malaysia.	PUAN ASMAK BINTI HUSIN	221
15	9 Mei 2019 (Khamis) (LISAN)	14	minta PERDANA MENTERI menyatakan strategi dan usaha yang dilakukan Kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang dilihat semakin rapuh.	DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @ ABBAS	226
16	BUKAN LISAN	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan, aktiviti dan reformasi yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam usaha memperkuatkan perpaduan dan keharmonian negara di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan.	TUAN ALAN LING SIE KIONG	231

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KEDUA, 1 HINGGA 18 JULAI 2019					
1	1 Julai 2019 (Isnin) (LISAN)	69	minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku.	DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]	236
2	1 Julai 2019 (Isnin) (LISAN)	77	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mendidik masyarakat berbilang kaum dan agama terutamanya di kalangan warga maya bagi mencegah perbuatan menghina agama selain daripada penubuhan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM.	DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]	241
3	4 Julai 2019 (Khamis) (LISAN)	11	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan bagaimanakah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara berjaya mengurangkan isu-isu perkauman dan agama.	TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]	246
4	4 Julai 2019 (Khamis) (LISAN)	52	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memastikan perpaduan di antara kaum di negara ini tidak terjejas disebabkan oleh tindakan individu-individu tidak bertanggungjawab yang dengan	DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [PADANG TERAP]	250

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan hak Bumiputera yang telah termaktub di dalam Perlembagaan negara.		
5	10 Julai 2019 (Rabu) (LISAN)	95	minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan lebih lanjut sejauh manakah prinsip keterbukaan dan ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan mampu menjamin perkembangan Negara dan khususnya rakyat dari pelbagai latar belakang secara inklusif, oleh Kerajaan PH akan menjamin perkembangan ekonomi negara, keselamatan rakyat (<i>public order</i>) dan perkembangan sosial serta memastikan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia akan terjamin.	DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]	255
6	10 Julai 2019 (Rabu) (LISAN)	108	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan serta usaha Kementerian bagi memastikan keharmonian dan perpaduan kaum terus terjamin.	DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]	260
7	16 Julai 2019 (Selasa) (LISAN)	31	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menggubal undang-undang untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama, seperti Akta Keharmonian Sosial.	TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]	265
8	16 Julai 2019 (Selasa)	47	minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal satu undang-	TUAN RAMKARPAL SINGH A/L	267

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	(LISAN)		undang anti perkauman memandangkan isu-isu perkauman semakin berleluasa di kalangan rakyat Malaysia dan sekiranya ya, bilakah ia akan digubal.	KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]	
9	16 Julai 2019 (Selasa) (LISAN)	88	minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini dalam usaha memupuk integrasi nasional mutlak.	DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]	269
10	16 Julai 2019 (Selasa) (LISAN)	95	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini di mana masyarakat berbilang kaum berhadapan perpecahan atas pelbagai isu dan dasar Kerajaan.	TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]	275
DEWAN NEGARA YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KEDUA, 22 HINGGA 31 JULAI 2019					
1	22 Jul 2019 (Isnin) (LISAN)	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan mendukung manifesto kebebasan bersuara namun pada masa yang sama bertanggung jawab menjaga sensitiviti dan keharmonian masyarakat majmuk memandangkan kes salah guna media sosial sehingga ke tahap menghina agama kian meningkat. <i>(input KKMM)</i>	TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN	277

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
2	23 Jul 2019 (Selasa) (LISAN)	69	minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah baharu yang diambil bagi memupuk semangat perpaduan kaum dalam kalangan pelbagai bangsa di Malaysia, dan adakah pihak Kerajaan melihat perpaduan antara kaum di Malaysia berada pada tahap yang baik.	DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF	281
3	25 Jul 2019 (Khamis) (LISAN)	122	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menjamin perpaduan di antara penduduk negara yang berbilang kaum dan agama.	DATUK THEODORE DOUGLAS LIND	286
4	29 Jul 2019 (Isnin) (LISAN)	64	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan yang dimainkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam mengekalkan perpaduan di kalangan penduduk dan masyarakat.	DATO' ZAHARI BIN SARIP	291
5	29 Jul 2019 (Isnin) (LISAN)	119	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan di Malaysia kerana Kerajaan dilihat gagal dalam mempromosikan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat susulan dengan pelbagai isu persepsi perbezaan bangsa yang semakin meruncing.	TUAN ISMAIL BIN YUSOP	296

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
6	BUKAN LISAN	37	minta PERDANA MENTERI menyatakan hala tuju dan fokus lebih terarah Kerajaan agar isu perpaduan kaum dan menghormati Agama Islam oleh penganut-penganut lain dapat ditingkatkan menjelang 2020.	DATUK RABIYAH BINTI ALI	301
7	BUKAN LISAN	156	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia memandangkan isu keretakan perpaduan semakin hari semakin jelas.	DATUK MOHAN A/L THANGARASU	307
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA, 7 OKTOBER HINGGA 5 DISEMBER 2019					
1	7 Okt 2019 (Isnin) LISAN	41	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendekatan baru yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan isu sentitif 3R (<i>race, religion, royalty</i>) akan kekal dihormati oleh masyarakat berbilang kaum bagi mengekalkan keharmonian di Malaysia.	DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]	312
2	7 Okt 2019 (Isnin) LISAN	43	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor yang menjadi penghalang Kerajaan dalam merangka mekanisme dan inisiatif bagi memupuk perpaduan berbilang kaum yang makin meruncing di dalam negara.	DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]	319

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
3	10 Okt 2019 (Khamis) LISAN	38	minta Perdana Menteri menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku sehingga boleh mengganggu gugat keharmonian yang telah dipelihara selama ini.	DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN [TAPAH]	323
4	22 Okt 2019 (Selasa) LISAN	9	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam proses integrasi rakyat yang sering kali terancam akibat isu-isu perkauman yang amat sensitif yang boleh membinasakan negara jika tidak terkawal. Sejauh manakah program-program integrasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan diterima oleh rakyat di peringkat akar umbi.	TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJ U NAIDU [BATU GAJAH]	328
5	22 Okt 2019 (Selasa) LISAN	25	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani isu perpaduan dan keharmonian dalam negara yang sejak kebelakangan ini dilihat tidak diurus dengan baik sehingga prejudis dan prasangka berleluasa dan apakah langkah Kerajaan untuk menyuntik naratif baru bagi mewujudkan Malaysia yang bertoleransi.	TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI]	332
6	29 Okt 2019 (Selasa)	1	minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah segera yang diambil Kerajaan bagi menangani	DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM	338

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
	LISAN		dan mengendurkan ketegangan berikutan kian meluasnya isu-isu sensitif perkauman dan keagamaan yang boleh menjurus kepada malapetaka nasional jika ianya gagal ditangani.	[PORT DICKSON]	
7	29 Okt 2019 (Selasa) LISAN	17	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia, memandangkan banyak isu berkenaan kaum dan agama dibincangkan sekarang dan apakah strategi terkini untuk meningkatkan perpaduan antara kaum di Malaysia.	DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]	342
8	4 Nov 2019 (Isnin) LISAN	25	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum khususnya ahli-ahli politik dan pemimpin negara yang membuat kenyataan berunsur perkauman dan agama.	PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR]	348
9	13 Nov 2019 (Rabu) LISAN	13	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosi oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam di kalangan masyarakat.	DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]	351

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
10	19 Nov 2019 (Selasa) LISAN	23	minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum khususnya ahli-ahli politik dan pemimpin negara yang membuat kenyataan berunsur perkauman dan agama.	TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]	354
11	25 Nov 2019 (Isnin) LISAN	7	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara serta apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain.	TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]	357
12	25 Nov 2019 (Isnin) LISAN	25	minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian dan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan-ucapan serta kenyataan-kenyataan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum oleh ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan aktivis-aktivis pelbagai jenis.	DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]	361
13	28 Nov 2019 (Khamis) LISAN	5	minta PERDANA MENTERI menyatakan bila Kerajaan akan menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian bagi menyekat polemik berkaitan agama dan kaum yang dilihat semakin	TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]	366

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			meruncing di negara ini.		
14	4 Dis 2019 (Rabu) LISAN	7	minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana Malaysia merancang untuk mewujudkan perpaduan antara kaum dengan lebih erat. Apakah strategi dan langkah taktikal yang telah diambil.	DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]	368
15	4 Dis 2019 (Rabu) LISAN	21	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menggubal suatu akta khusus untuk membendung ekstremisme dan fahaman perkauman sempit, di samping membina masyarakat yang bersatu padu dan hidup berharmoni.	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]	372
16	4 Dis 2019 (Rabu) LISAN	37	minta PERDANA MENTERI menyatakan berdasarkan suhu politik semasa yang sering dieksplorasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, perlukah Kerajaan meminda atau memperkuuhkan lagi Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta751), khususnya Seksyen 8 (a)-(d) mengenai peranan Mediator Komuniti dalam menyelesaikan masalah sensitif di peringkat akar umbi.	DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]	374
17	BUKAN LISAN	10	minta PERDANA MENTERI menyatakan status Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat dan apakah kesediaan Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-Undang	DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]	377

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			Keharmonian Nasional yang mampu menyekat penularan sentimen perkauman dan ekstremis di negara ini, jika tidak, mengapa.		
18	BUKAN LISAN	85	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah tambahan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki perpaduan antara kaum di Malaysia yang dilihat semakin goyah.	DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]	380
19	BUKAN LISAN	140	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang bagi menyatukan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia daripada segi politik, ekonomi dan sosial yang sekarang ini semakin rapuh.	TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]	386
20	BUKAN LISAN	465	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian telah memotong peruntukan bagi KRT daripada RM6000 setahun kepada RM3500, di mana pembayaran pertama berjumlah RM1400 dan dikhabarkan setiap KRT akan menerima RM2100 lagi dalam masa terdekat.	TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWA RAN [BATU]	392
DEWAN NEGARA YANG KEEMPAT BELAS PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA, 9 HINGGA 19 DISEMBER 2019					
1	9 Dis 2019 (Isnin) LISAN	14	minta PERDANA MENTERI menyatakan bila penubuhan suruhanjaya keharmonian dan	DATUK PAUL IGAI	396

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			rekonsiliasi nasional akan menjadi kenyataan memandangkan agak perlunya ditubuhkan masa kini.		
2	10 Dis 2019 (Selasa) LISAN	12	minta PERDANA MENTERI menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan setakat ini untuk membendung masalah perkauman yang semakin melarat sejak kebelakangan ini.	DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDAR AM	398
3	10 Dis 2019 (Selasa) LISAN	24	minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan 'Mediator Community' dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan apakah bentuk imbuhan yang diberikan.	DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH	403
4	10 Dis 2019 (Selasa) LISAN	35	minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan satu akta baru bagi mengatasi salah guna isu perkauman dan agama yang semakin membimbangkan dan dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan politik mereka, sekali gus mengancam perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama sekiranya tidak dikawal di peringkat awal.	DATUK THEODORE DOUGLAS LIND	407
5	11 Dis 2019 (Rabu) LISAN	46	minta PERDANA MENTERI menyatakan :- (a) apakah tahap pencapaian indeks ketegangan etnik di	DATUK LIM PAY HEN	409

BIL	TARIKH	NO SOALAN	SOALAN	YB	M/S
			<p>Malaysia sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14; dan</p> <p>(b) adakah Kementerian akan melibatkan sesi konsultasi bersama Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang dalam penggubalan akta-akta baharu seperti Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian.</p>		
6	17 Dis 2019 (Selasa) LISAN	51	minta PERDANA MENTERI menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memupuk kesejahteraan masyarakat dan perpaduan di antara kaum (bagi tahun ini) dan jelaskan kesan/impaknya dalam mengurangkan jurang perkauman.	DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE	414
7	18 Dis 2019 (Rabu) LISAN	70	minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosikan oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.	DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN	419

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
(PENSIANGAN)**

TARIKH : 19 JULAI 2018 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 23

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan bagi memupuk semangat Rukun Negara yang kelihatan semakin pudar terutamanya di kalangan generasi muda.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 11 Ogos 2004 telah membuka laluan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan PERPADUAN bagi menukuhkan **Kelab Rukun Negara (KRN)** di **sekolah rendah dan menengah** serta seterusnya telah diperluaskan kepada **Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.**

Matlamat utama penubuhan kelab/sekretariat ini adalah untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa menjunjung perlembagaan dan menjadikan Rukun Negara sebagai landasan hidup yang menyatukan seluruh rakyat agar kestabilan dan keharmonian negara

dapat dikekalkan. PERPADUAN telah dan akan terus melaksana, memantau dan mengukur keberkesanan pelbagai program, khasnya untuk golongan muda, melalui penubuhan 6,458 Kelab Rukun Negara (**KRN**) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (**SRN**) di Institusi Pengajian Tinggi. Sehingga kini, penubuhan KRN telah mencapai 63% daripada jumlah 10,180 buah sekolah dan penubuhan SRN telah mencapai 23% daripada sejumlah 709 IPTA/IPTS di seluruh negara. KRN dan SRN merupakan jentera utama Jabatan untuk menyebarluaskan pendidikan perpaduan serta meningkatkan amalan dan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan untuk menyemai rasa cinta akan negara dan memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan generasi muda. Pelaksanaan program **My Rukun Negara** merupakan satu mekanisme untuk membantu proses integrasi pelajar pelbagai kaum. Program-program KRN, SRN dan program-program perpaduan anjuran Jabatan mempunyai elemen-elemen kenegaraan bagi memastikan ahli-ahli KRN menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. Di samping itu, penerapan prinsip Rukun Negara juga ditekankan dalam kalangan **kanak-kanak pra-sekolah** di 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Bagi memupuk semangat cintakan negara melalui Rukun Negara, KRN yang diwujudkan di sekolah-sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti yang berteraskan kepada pengukuhan **pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P)** Rukun Negara dalam kalangan murid melalui pendekatan pendidikan dalam kurikulum. Selain

daripada matlamat untuk memperkenal dan menyedarkan murid tentang kepentingan Rukun Negara, ia juga akan dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid pelbagai kaum. Kerajaan melalui PERPADUAN terus berusaha untuk mempertingkat dan memperkasakan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara terutamanya dalam kalangan generasi muda dan bercadang melaksanakan satu hari iaitu **Hari Bacaan Ikrar Rukun Negara** di seluruh negara.

Selain daripada program yang dilaksanakan, aktiviti silang budaya juga dilaksanakan bagi memberi pendedahan secara praktikal kepada generasi muda melalui **Modul Silang Budaya** yang digubal bagi menjadikan aktiviti yang dijalankan lebih berkesan dan memberi impak dari sudut Kenegaraan, Moral, Sivik dan Patriotisme.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1971 telah menegaskan mengenai Rukun Negara yang mana pihak sekolah perlu mananamkan cita-cita unggul ke dalam jiwa kanak-kanak di sekolah. Semangat dan amalan lima prinsip ditegaskan melalui kurikulum dan kokurikulum.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6/1994 dikeluarkan untuk menegaskan lagi akan perlunya usaha menanam semangat patriotisme dalam kalangan murid. Semangat patriotisme yang merupakan intipati keutuhan negara dan kesejahteraan rakyat ditanam dalam kalangan murid semasa aktiviti sekolah dijalankan contohnya melalui perhimpunan dan lain-lain aktiviti.

KPM juga sentiasa mendokong dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang dapat memperkuuhkan lagi amalan dan penghayatan prinsip-prinsip

Rukun Negara. Melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan dan Pendidikan Luar, elemen Rukun Negara turut diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan contohnya semasa perkhemahan Pasukan Badan Beruniform dan Kem Kepimpinan Kelab/Persatuan.

KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menekankan kepada pembinaan Aspirasi Murid melalui Identiti Nasional yang bertujuan untuk mengukuhkan penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, Pelan ini turut menggariskan pembinaan perpaduan melalui pendidikan dengan penerapan elemen patriotisme dan jati diri.

Melalui kerjasama Jabatan dengan pihak KPM, pelbagai aktiviti telah dijalankan. Antaranya ialah ceramah, kem Kelab Rukun Negara, lawatan sambil belajar, aktiviti khidmat masyarakat melalui Kelab Rukun Negara sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan sebagai usaha menyemai dan memupuk lima prinsip Rukun Negara dalam kalangan murid.

Penghayatan dan pengamalan Prinsip Rukun Negara dalam kalangan belia adalah diharapkan bertambah semakin baik melalui aktiviti yang dijalankan oleh KRN di sekolah dan SRN di IPT sebagai mekanisme pemupukan perpaduan dalam kalangan belia pelbagai kaum melalui penerapan nilai-nilai murni dalam Rukun Negara.

Setakat ini, rakyat Malaysia dapat menerima konsep dan semangat Rukun Negara itu dengan baik. Penerimaan ini boleh dilihat melalui persefahaman dan pergaulan seharian tanpa berlaku insiden-insiden yang mencetuskan pergeseran serius. Walaupun tiada pengukuran

khusus dan saintifik yang dibuat setakat ini, namun kerajaan percaya bahawa konsep itu telah dapat diterima dengan baik oleh rakyat keseluruhannya. Ini kerana prinsip-prinsip Rukun Negara inilah yang telah menjadi batu asas untuk kita menikmati keamanan Malaysia yang terbina sehingga ke hari ini. Tidak dapat dinafikan bahawa disebabkan dasar keamanan dan kestabilan negara yang terbina inilah, Malaysia dapat mengecapi pembangunan selari dengan peredaran zaman serta melahirkan generasi muda yang bersatu padu dan bersikap terbuka terhadap kepelbagaian cara hidup dan latar belakang masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
(TEBRAU)**

TARIKH : 23 JULAI 2018 (ISNIN)

NO SOALAN : 58

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan untuk meletakkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan-Persatuan Penduduk ini di bawah kuasa dan seliaan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan agar fungsi mereka lebih terurus dan terjamin.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penggabungan tersebut difikirkan adalah tidak bersesuaian kerana terdapat beberapa perkara yang jelas berbeza khususnya dari segi struktur dan objektif penubuhan antara kedua-dua entiti tersebut.

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (PERPADUAN) iaitu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Persatuan-Persatuan Penduduk pula diselia oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di bawah tanggungjawab Kementerian

Dalam Negeri (KDN). Manakala Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dicadangkan sebagai agensi untuk menyelia kedua-dua pertubuhan ini, kini tidak lagi bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) berdasarkan keputusan Kerajaan membubarkan Jawatankuasa tersebut pada 23 Mei 2018 yang lalu.

Dari segi objektif penubuhan, KRT ditubuhkan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 yang bertindak sebagai ejen perpaduan di peringkat akar umbi dengan tanggungjawab memelihara, meningkat serta mengukuhkan perpaduan dan kesejahteraan komuniti. Penubuhan KRT ditetapkan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga dan bernaung di bawah penyeliaan seorang Menteri Kabinet. Manakala dari segi struktur organisasinya, KRT digerakkan oleh 25 orang ahli jawatankuasa (AJK) di peringkat komuniti yang melaksanakan pengoperasian dengan sokongan keahlian yang terdiri daripada pemastautin dalam kawasan persempadanan penubuhan KRT. Manakala Persatuan Penduduk pula ditubuhkan oleh sekurang-kurangnya 7 orang ahli jawatankuasa (AJK) dan keahlian hanya melibatkan individu yang berdaftar dalam persatuan tersebut dengan matlamat penubuhan secara khusus bergantung kepada keperluan setiap persatuan berkenaan. Setakat ini, berdasarkan rekod penubuhannya, terdapat sejumlah 8,039 KRT manakala Persatuan Penduduk adalah berjumlah 7,081 di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dahulunya adalah di bawah kawal selia Bahagian Kesejahteraan Bandar, KP KT. Susulan daripada keputusan Kerajaan terkini, fungsi kesejahteraan bandar akan diletakkan di bawah bidang

kuasa Kementerian Wilayah. Sehubungan itu, adalah tidak bersetujuan bagi cadangan untuk KRT dan Persatuan Penduduk diletakkan di bawah penyeliaan KPKT.

Namun demikian, sekiranya pada masa akan datang pihak kerajaan melihat akan keperluan untuk penggabungan ini maka satu kajian secara terperinci dan menyeluruh perlu dilaksanakan khususnya melibatkan agensi-agensi yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang komprehensif tanpa pertindihan tugas antara kementerian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH**
(BUKIT GELUGOR)

TARIKH : **6 OGOS 2018 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **32**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan kini bercadang untuk memperkenalkan undang-undang spesifik untuk memberikan definisi kepada perkauman (*racism*) dan juga untuk mengharamkan masalah perkauman.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Hal ini boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang secara tegas, adil dan saksama.

Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan

dan keharmonian. Kerajaan sesungguhnya mempunyai undang-undang sedia ada yang mampu menangani isu perkauman dan sensitiviti agama ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sesungguhnya cadangan YB Bukit Gelugor agar Kerajaan memperkenalkan suatu undang-undang spesifik untuk memberikan definisi kepada perkauman (*racism*) dan juga untuk mengharamkan masalah perkauman ini sememangnya mempunyai merit. Cadangan penggubalan suatu undang-undang yang lebih spesifik membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ke atas sesiapa saja yang sengaja memecahbelahkan perpaduan rakyat Malaysia dengan menggunakan alasan perkauman untuk menimbulkan kebencian di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Selaku Menteri bertanggungjawab kepada hal ehwal perpaduan negara dan kesejahteraan sosial, saya akan merundingkan cadangan YB Bukit Bendera bersama rakan-rakan di Kabinet agar suatu mandat diperolehi untuk Kerajaan menggubal suatu undang-undang khas dan spesifik yang pasti memberi manfaat kepada perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Ketiadaan undang-undang spesifik ketika ini tidaklah bermakna usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya, usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan secara berterusan melalui pendidikan di peringkat anak-anak kecil hingga kepada golongan dewasa dan meningkatkan peluang berinteraksi dan memperkasakan kemahiran pendamaian di kalangan pemimpin masyarakat supaya segala persengketaan atau

konflik yang timbul di peringkat akar umbi berjaya ditenteramkan dan diselesaikan.

Tuan Yang di Pertua,

Tanggungjawab mendidik masyarakat bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ahli - Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama, turut diseru bersama-sama memainkan peranan memupuk perpaduan kaum melalui penyaluran maklumat berguna dan menjadikan rakyat negara ini sebagai masyarakat yang bertamadun dan berilmu, yang mengutamakan kesepakatan dan perpaduan sebagai agenda perjuangan, agar rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini dapat hidup harmoni, aman dan sejahtera selaras dengan tema “Perpaduan Negara Tanggungjawab Bersama”.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI HAJI SALLEH**
[PASIR PUTEH]

TARIKH : **6 OGOS 2018 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **33**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia agar kesejahteraan negara kekal terjamin.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- a) Penubuhan **Jawatankuasa Rukun Tetangga (RT)** sebagai satu gerakan di peringkat akar umbi yang bertindak membantu kerajaan menyelaras dan mengendalikan isu-isu dan masalah berkait

perkauman di peringkat komuniti **berlandaskan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)**. Kekuatan gerakan RT sebagai jentera Kerajaan disokong dengan jumlah 8,039 Kawasan RT sehingga Jun 2018. Ini menjadikan RT sebagai entiti terbesar di peringkat akar umbi dalam membantu Kerajaan mengurus hal ehwal perpaduan sekaligus meningkat dan memperkuatkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

- b) Pewujudan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** pada tahun 2010 yang bertujuan mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia mengikut kepercayaan agama masing-masing.
- c) Melaksanakan program dan aktiviti bersama pelbagai kumpulan penganut agama berdasarkan **Pelan Strategik yang telah digubal** oleh JKMPKA bagi meningkatkan lagi keberkesanan program dan aktiviti yang dilaksanakan.
- d) Menyebarkan mesej keharmonian antara agama dan memupuk semangat muhibah melalui program **World Interfaith Harmony Week** pada bulan Februari setiap tahun.
- e) Menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat melalui pendekatan **mediasi komuniti**.
- f) Memupuk semangat toleransi, kesederhanaan dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang etnik dan agama

melalui penganjuran **Hari Toleransi Sedunia**. Contohnya, amalan toleransi boleh dilihat semasa kejadian banjir besar pada tahun lepas seperti kes bilal surau di Pulau Pinang dan perkongsian tempat parkir kereta oleh masjid dan geraja di Miri, Sarawak.

Perpaduan dan keharmonian negara hanya akan terbentuk dan kekal sekiranya lahir semangat patriotisme dan cinta kepada negara di dalam jiwa setiap warganegara khasnya dalam kalangan belia. Menyedari hakikat ini, Jabatan aktif mengadakan program-program seperti berikut:

- a) Melaksanakan Aktiviti **Penggalakan Perpaduan di peringkat komuniti** selaras dengan fungsi dan tanggungjawab RT di bawah aktanya iaitu perkara 8 (a) yang menjelaskan RT perlu menjalankan aktiviti meningkat dan memperkuuhkan perpaduan. Terdapat sebanyak 11,889 aktiviti penggalakan perpaduan yang dilaksanakan di peringkat komuniti di seluruh negara sehingga Jun 2018. Aktiviti ini meliputi hampir kesemua bidang berdasarkan keperluan dan kehendak komuniti setempat bagi mewujudkan suasana keharmonian serta menjamin pengukuhan perpaduan sejagat. Antaranya adalah aktiviti-aktiviti melibatkan bidang sosial, ekonomi, pendidikan, sukan dan rekreasi serta lain-lain bidang yang berkaitan dengan melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum seramai 630,000 orang bagi tempoh yang sama.
- b) Pelaksanaan **aktiviti rondaan keselamatan oleh komuniti** secara berterusan melalui Jawatankuasa Skim Rondaan Sukarela (SRS). Secara purata sehingga Jun 2018 aktiviti rondaan yang telah digerakkan oleh sejumlah 5,113 SRS adalah sebanyak

27,013 dengan meliputi Kawasan RT dalam kediaman komuniti. Aktiviti rondaan ini bertujuan memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan kawasan kejiranan sekaligus meningkatkan suasana hharmoni dalam kalangan komuniti.

- c) Mendidik **asas silang budaya** bagi memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan para pelajar. Pendidikan ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain.
- d) Meningkatkan penghayatan Rukun Negara melalui **Program MyRukun Negara** kepada pelajar-pelajar di Tabika Perpaduan, sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi melalui **6,458 Kelab Rukun Negara dan 164 Sekretariat Rukun Negara**.
- e) Memperluaskan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada pelajar universiti untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera dan sebaliknya. Bermula dari 2015 hingga Nov 2017, seramai **3,723 orang pelajar** telah menyertai program.
- f) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar sehingga Jun 2018 yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan mananamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.

- g) Menubuhkan **114 pasukan Skuad Uniti** di peringkat akar umbi di seluruh negara sejak 2015 hingga Jun 2018 yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang menyediakan pelan tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 6 OGOS 2018(ISNIN)

NO. SOALAN : 55

SOALAN 55 : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung budaya menghina institusi raja-raja.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Konsep raja berperlembagaan yang mengimbangi kerajaan demokrasi pilihan rakyat membuatkan Malaysia sebagai negara yang unik dan stabil walaupun terdapat kepelbagaian. Ini kerana Raja dan Perlembagaan Persekutuan adalah dua elemen penting yang menjaga keharmonian kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini sejak merdeka.

Kerajaan akan terus mempertahankan kedaulatan Institusi Raja dan memartabatkan Perlembagaan Persekutuan. Semua rakyat tanpa mengira kaum, latar belakang agama, kebudayaan atau kepercayaan perlu memberi penghormatan dan pengiktirafan yang tinggi terhadap

Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan bahawa Yang Di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat dan merupakan simbol kepada perpaduan.

Sehubungan dengan itu, kefahaman semua pihak berkaitan perpentingnya peranan yang dimainkan Institusi Diraja perlu dipupuk sejak kecil. Melalui kurikulum di peringkat sekolah, usaha bagi meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri pelajar telah dimasukkan ke dalam silibus pembelajaran bagi memperkasakan pemahaman pelajar mengenai kepentingan Institusi Diraja.

Selain penerapan melalui kurikulum, aktiviti kokurikulum juga merupakan landasan untuk pelajar memahami Institusi Diraja. Kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pengajian Tinggi merupakan satu usaha yang menekankan pengamalan dan pembudayaan Prinsip Rukun Negara termasuklah prinsip kedua iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara”. Program yang dilaksanakan oleh KRN dan SRN bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan peserta.

Inisiatif lain untuk mendidik masyarakat menghormati dan menjunjung Institusi Diraja adalah melalui media massa. Media arus perdana dan agensi penerangan digalakkan untuk mendidik masyarakat akan kepentingan Institusi Diraja dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian yang berterusan.

Di samping peningkatan pemahaman masyarakat melalui pendidikan di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan media massa, undang-undang sedia ada boleh digunakan untuk mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah menghina Institusi Diraja.

Suka dinyatakan bahawa Raja Melayu adalah kesinambungan sejarah dan warisan negara dan kewujudannya menjadi sebahagian identiti negara serta dilindungi oleh Perlembagaan. Justeru, Institusi Diraja akan terus dipertahankan kerana pada institusi inilah akan tersematnya kesetiaan kepada negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 6 OGOS 2018 (ISNIN)

NO. SOALAN : 64

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menjelaskan perancangan Kerajaan untuk memupuk dan mewujudkan integrasi nasional.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Integrasi nasional merupakan satu proses dinamik di mana rakyat daripada pelbagai kaum dan etnik yang berbeza sosio-budaya, agama, adat resam, bahasa dan wilayah dapat hidup dalam suasana aman damai, harmoni berteraskan kepada persefahaman, penghayatan kepada Perlembagaan Persekutuan serta menjadikan Rukun Negara sebagai teras budaya dan gaya hidup.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- a) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
- b) Program Aktiviti Modul Silang Budaya
- c) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
- d) Program MyRukun Negara
- e) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan terutamanya rakyat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- a) Program Integrasi Komuniti
 - i) sempena Persidangan Parlimen
 - ii) sempena Hari Kemerdekaan
 - iii) sempena Pesta Kaamatan di Sabah
 - iv) sempena Hari Gawai di Sarawak
- b) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- c) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat

Pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan kementerian lain, pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela

dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menyahut cabaran ini dengan menganjurkan aktiviti kokurikulum dengan penglibatan murid di pelbagai peringkat iaitu peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Ini bertujuan untuk mencungkil bakat terpendam yang ada pada murid di samping memupuk integrasi nasional dalam semua peringkat. Penglibatan pelbagai kaum murid secara aktif ini diperluaskan oleh pihak sekolah dengan menawarkan tiga jenis aktiviti kokurikulum iaitu pasukan badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. Budaya penglibatan murid pelbagai kaum dalam aktiviti kokurikulum dijangka akan memberi kesan positif terhadap integrasi nasional dan perpaduan kaum termasuk dalam kalangan pelbagai etnik dari Sabah dan Sarawak.

KPM juga melaksanakan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) iaitu program memudah cara interaksi murid antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan status sosioekonomi. Program ini bertujuan menghimpunkan murid dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik untuk belajar menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian dari aspek agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Selain itu, pada hari ini kecanggihan teknologi moden berupaya merapatkan hubungan antara masyarakat yang terpisah akibat halangan jarak kedudukan geografi. Melalui teknologi komunikasi, masyarakat dapat berinteraksi dan membina hubungan yang lebih akrab merentasi sempadan lokaliti. Maklumat di hujung jari melalui internet juga

membantu masyarakat meningkatkan pemahaman mengenai adat budaya dan cara hidup kepelbagaian masyarakat di negara ini. Di samping itu, kemajuan sistem pengangkutan turut memudahkan perjalanan dan menghubungkan rakyat antara wilayah bagi merapatkan lagi hubungan integrasi dan saling mengunjungi antara satu sama lain.

Sebagai *way foward*, *Unity Blueprint* yang juga dikenali sebagai “Pelan Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan Malaysia” (PPKPM) telah dirangka oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) 2013-2015 hasil dari beberapa siri sanggar bicara yang telah diadakan. Kini PERPADUAN dengan kerjasama Institut Kajian Etnik (KITA), UKM sedang dalam proses menyediakan Pelan Tindakan yang mengandungi program spesifik dan konkrit merentasi Kementerian dan Agensi bagi tujuan pelaksanaan syor dan cadangan yang terkandung dalam PPKPM (*Unity Blueprint*) sebagai usaha jangka panjang.

Tambahan pula, PERPADUAN juga sedang dalam proses melaksanakan kajian pembangunan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.

Justeru, proses mewujudkan integrasi nasional memerlukan komitmen dan perjuangan yang berterusan oleh semua pihak. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, maka agenda perpaduan dan integrasi nasional negara dapat terus diperkuuhkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI

ANNUAR BIN HAJI MUSA

[KETEREH]

TARIKH : 7 OGOS 2018 (SELASA)

NO. SOALAN : 33

SOALAN 33 : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mempertahankan Institusi Raja-Raja ekoran serangan demi serangan serta provokasi terhadap institusi berkenaan sejak dari awal Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Konsep raja berperlembagaan yang mengimbangi kerajaan demokrasi pilihan rakyat membuatkan Malaysia sebagai negara yang unik dan stabil walaupun terdapat kepelbagaian. Ini kerana Raja dan Perlembagaan Persekutuan adalah dua elemen penting yang menjaga keharmonian kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negara ini sejak merdeka.

Kerajaan akan terus mempertahankan kedaulatan Institusi Raja dan memartabatkan Perlembagaan Persekutuan. Semua rakyat tanpa mengira kaum, latar belakang agama, kebudayaan atau kepercayaan perlu memberi penghormatan dan pengiktirafan yang tinggi terhadap Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan bahawa Yang Di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat dan merupakan simbol kepada perpaduan.

Sehubungan dengan itu, kefahaman semua pihak berkaitan peripentingnya peranan yang dimainkan Institusi Diraja perlu dipupuk sejak kecil. Melalui kurikulum di peringkat sekolah, usaha bagi meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri pelajar telah dimasukkan ke dalam silibus pembelajaran bagi memperkasakan pemahaman pelajar mengenai kepentingan Institusi Diraja.

Selain penerapan melalui kurikulum, aktiviti kokurikulum juga merupakan landasan untuk pelajar memahami Institusi Diraja. Kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pengajian Tinggi merupakan satu usaha yang menekankan pengamalan dan pembudayaan Prinsip Rukun Negara termasuklah prinsip kedua iaitu “Kesetiaan kepada Raja dan Negara”. Program yang dilaksanakan oleh KRN dan SRN bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan peserta.

Inisiatif lain untuk mendidik masyarakat menghormati dan menjunjung Institusi Diraja adalah melalui media massa. Media arus perdana dan agensi penerangan digalakkan untuk mendidik masyarakat akan kepentingan Institusi Diraja dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian yang berterusan.

Di samping peningkatan pemahaman masyarakat melalui pendidikan di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan media massa, undang-undang sedia ada boleh digunakan untuk mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah menghina Institusi Diraja.

Suka dinyatakan bahawa Raja Melayu adalah kesinambungan sejarah dan warisan negara dan kewujudannya menjadi sebahagian identiti negara serta dilindungi oleh Perlembagaan. Justeru, Institusi Diraja akan terus dipertahankan kerana pada institusi inilah akan tersematnya kesetiaan kepada negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : **15 OGOS 2018 (RABU)**

NO. SOALAN : **51**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan mendukung konsep '*Malaysian Malaysia*' dan apakan tindakan bagi terus menjaga kepentingan dan survival bangsa Melayu.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Falsafah pentadbiran Kerajaan semasa adalah berlandaskan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara serta visi yang telah dibawa oleh para pejuang negara sebelum ini yang disesuaikan dengan realiti zaman moden dan mendepani cabaran-cabaran mendatang bagi menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Ini adalah selaras dengan perjuangan Kerajaan semasa untuk membawa Malaysia Baharu yang memberi penekanan kepada demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan menghormati kehendak rakyat melalui urus tadbir negara yang baik, inklusif dan progresif.

Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa, dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab.

Manakala, konsep '*Malaysian Malaysia*' merupakan satu slogan yang cuba menzahirkan kepada kewujudan sebuah negara yang dimiliki oleh semua rakyat Malaysia di mana rakyat perlu meletakkan kepentingan Malaysia dalam pemikiran, pandangan dan tanggapan mereka tanpa mengira bangsa, agama, rantau atau budaya masing-masing sehingga dapat mewujudkan suatu keterangkuman iaitu "*Malaysians, We are all one Family*" yang menekankan hak kesamarataan kepada semua rakyat Malaysia dan tiada kaum yang dilihat sebagai kaum dominan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan semasa masih belum membincangkan mengenai konsep ini dalam mana-mana platform secara formal dan terbuka sehingga kini memandangkan Kerajaan masih sedang meneliti banyak perkara secara mendalam mengikut keutamaannya bagi memastikan tiada implikasi negatif sekiranya dilaksanakan. Justeru, tiada sebarang sokongan secara rasmi oleh Kerajaan semasa terhadap konsep "*Malaysian Malaysia*" pada ketika ini.

Tambahan pula, Kerajaan yang mendukung kepada pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sentiasa berusaha memartabatkan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat Malaysia dan merupakan

simbol kepada perpaduan masyarakat Malaysia selaras dengan Perkara 153 yang akan memastikan kepentingan dan survival bangsa Melayu terus dilindungi dan dijaga.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHANDRA MOHAN A/L S.
THAMBIRAJAH**

TARIKH : **20 OGOS 2018 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **1**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk memelihara perpaduan dan keharmonian antara kaum sedang Kerajaan sebelum ini telah menolak ketiga-tiga Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara dan juga tidak bersedia untuk melaksanakan syor lain yang terkandung dalam Laporan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung perkauman dan diskriminasi kaum ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya, usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Antara usaha-usaha yang akan diambil Kerajaan untuk memelihara perpaduan dan keharmonian antara kaum adalah:

- a) menguatkuaskan undang-undang sedia ada dan mengambil tindakan tegas ke atas pihak-pihak yang sengaja mencetuskan kebimbangan dan tidak bertanggungjawab di kalangan masyarakat pelbagai kaum di bawah undang-undang seperti Kanun Keseksaan di bawah Sek. 298A, 504 dan 505.
- b) memberi nafas baru kepada Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (NUCC) dengan menjenamakannya sebagai Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) dan membuat pelantikan ahli-ahli NUCC yang baharu untuk tempoh 2 tahun mulai 2018 - 2020 yang akan memberi fokus kepada usaha-usaha menyemarakkan dan meneguhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
- c) Merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) melalui kerjasama antara Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dengan perunding individu dari Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia di mana PTPN akan menjadi kayu ukur keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti perpaduan nasional oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan.

- d) menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar dalam Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta mahasiswa dalam Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan menterjemahkan prinsip-prinsip tersebut di dalam kehidupan seharian.
- e) menyokong sebarang usaha memperkasakan PERPADUAN yang telah wujud sejak tahun 1969 sehingga kini dalam menghadapi pelbagai cabaran besar menguruskan isu-isu perpaduan kaum dan keharmonian agama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Pemerkasaan PERPADUAN amat perlu bagi menjadikan Jabatan ini sebagai *focal point* untuk berhadapan dengan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan, kesejahteraan rakyat dan keharmonian negara.

Dengan itu, adalah ditekankan bahawa tanggungjawab mendidik masyarakat bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ahli - Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama, turut diseru bersama-sama memainkan peranan memupuk perpaduan kaum melalui penyaluran maklumat berguna dan menjadikan rakyat negara ini sebagai masyarakat yang bertamadun dan berilmu, yang mengutamakan kesepakatan dan perpaduan negara agar rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini dapat hidup harmoni, aman dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 27 OGOS 2018 (ISNIN)

NO. SOALAN : 26

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang bagi rakyat Malaysia mendalami agama masing-masing dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang bagi rakyat Malaysia mendalami agama masing-masing adalah seperti berikut :

- i) Penyediaan pelbagai kemudahan dan prasarana seperti rumah-rumah ibadat demi keselesaan penganut pelbagai agama. Ini adalah selaras dengan **Perkara 11**, Perlembagaan Persekutuan

yang memperuntukkan bahawa setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing serta menguruskan hal ehwal agamanya sendiri di mana Kerajaan menyediakan bantuan khas kewangan untuk mendirikan tempat ibadat agama lain selain agama Islam;

- ii) Penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang diwakili oleh tujuh (7) agama utama di Malaysia iaitu Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Tao dan Baha'i menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanupulasikan oleh pihak-pihak berkepentingan sehingga boleh menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum. JKMPKA bertindak sebagai satu platform untuk meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan untuk kesejaheraan rakyat.
- iii) Penetapan tiga (3) agensi utama iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai Sekretariat JKMPKA adalah untuk memastikan orang ramai mendapat penjelasan yang sewajarnya mengenai penubuhan JKMPKA yang diwakili oleh penganut pelbagai agama

dan menghindari penyelewengan fakta oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga boleh mengelirukan orang ramai;

- iv) Pelaksanaan siri dialog keharmonian dan penganjuran forum interaksi antara agama membolehkan pemimpin-pemimpin agama untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman antara satu sama lain agar nilai-nilai kebersamaan dan sejagat dari aspek agama masing-masing dapat difahami, diperdalam dan diraikan bersama;
- v) Penganjuran aktiviti yang berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi mengekalkan pegangan rakyat kepada Prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” sebagai ruang dan peluang untuk pengikut pelbagai agama mendalami agama masing-masing;

Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai pendekatan dan inisiatif dari masa ke semasa demi meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan orang ramai untuk mendalami agama masing-masing agar masyarakat Malaysia dapat bersikap terbuka untuk menerima dan menghormati antara satu sama lain walaupun mempunyai pegangan agama yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN

TARIKH : 30 OGOS 2018 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 9

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan untuk mengintegrasikan kaum di Malaysia dengan cabaran sikap netizen dan media terbuka pada hari ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan amat sedar bahawa pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan latar belakang sosio budaya yang berbeza.

Tambahan pula, sikap netizen yang suka menularkan berita palsu dan fitnah menerusi media sosial menjadi cabaran besar dalam mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini. Dalam usaha untuk mengintegrasikan kaum dan menangani cabaran media terbuka pada hari ini, Kerajaan telah menyusun atur beberapa tindakan seperti berikut:

- a) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah merangka Pelan Strategik PERPADUAN 2017-2020 sebagai kerangka strategik jangka panjang yang menyeluruh sebagai panduan untuk memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Pelan ini diwujudkan sejajar dengan RMKe-11, bagi memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholders*) dan pelanggan berdasarkan persekitaran semasa dan jangkaan akan datang. Pelan ini menetapkan 6 teras utama yang mendokong ke arah memelihara dan memantapkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat seperti berikut:-
- **Membudayakan Perpaduan;**
 - **Memperkasakan Khidmat Komuniti;**
 - **Memupuk Semangat Patriotisme;**
 - **Meningkatkan Keselamatan Dan Keharmonian Komuniti;**
 - **Mengukuhkan Integrasi Nasional dan;**
 - **Mengukuhkan Kecekapan Organisasi.**
- b) Anjakan paradigma PERPADUAN dibuat melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti pertubuhan / persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGOs) dan pihak swasta. Kerjasama ini mampu mencetuskan detik-detik perpaduan menerusi program/aktiviti jaringan sosial melalui program *MyHero Awards*, *Unity Run*, *Bicycle Ride in Putrajaya*, *Moments of Unity*.

- c) Pelan Tindakan Pemerksaan KRT dan SRS bertujuan mentransformasi dan meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar usaha mereka selari dengan aspirasi melahirkan masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda yang berdikari, berinovatif dan kreatif.
- d) Memperkenalkan bidang baru untuk diteroka oleh agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi bagi menjana sumber kewangan sendiri melalui penubuhan koperasi. Penglibatan ini akan melahirkan usahawan-usahawan muda di dalam komuniti yang produktif, inovatif dan berdaya saing. Ia seterusnya membina keyakinan, kesejahteraan dan kepuasan masyarakat akar umbi terhadap kehidupan mereka dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan sentimen-sentimen perkauman yang mudah dimanipulasikan oleh golongan tertentu.
- e) PERPADUAN dengan menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) telah melaksanakan pelbagai program seperti berikut:
 - i) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
 - ii) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
 - iii) Program Mempromosikan Keharmonian dan Kesefahaman Antara Penganut Agama
 - iv) Program Modul Silang Budaya
 - v) Program MyRukun Negara
 - vi) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)

- f) Program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan terutamanya rakyat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:
- i) Program Integrasi Komuniti
- * sempena Persidangan Parlimen
 - * sempena Hari Kebangsaan
 - * sempena Pesta Kaamatan di Sabah
 - * sempena Hari Gawai di Sarawak
- ii) Program Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- iii) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat
- g) PERPADUAN juga mengesan dan mengumpul isu-isu sensitif melalui satu sistem atau mekanisme pengesanan isu secara atas talian (*online*) dan maklumat mengenai isu konflik dan manifestasi negatif akan disalurkan kepada agensi yang bertanggungjawab seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya.
- h) Penyediaan Laporan Mengenai Isu-Isu Semasa Perpaduan juga dikemukakan kepada Kabinet setiap suku tahun bagi

memaklumkan tentang segala tindakan dan pendekatan yang telah diambil oleh Jabatan bagi menguruskan isu-isu berkenaan.

Justeru, proses mewujudkan integrasi nasional memerlukan komitmen dan perjuangan yang berterusan oleh semua pihak tanpa noktah. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha gigih dari semua pihak, maka agenda perpaduan dan integrasi nasional negara dapat terus diperkuuhkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK LEE TIAN SING**

TARIKH : **30 OGOS 2018 (KHAMIS)**

NO. SOALAN : **43**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memberikan sesi taklimat mengenai penggubalan Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Pendamaian untuk menjaga perpaduan pelbagai kaum

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Adalah dimaklumkan andaian bahawa Kerajaan akan menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Keharmonian dan Pendamaian Nasional dan Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Pendamaian Nasional yang deraf asal Rang Undang-Undang (RUU) tersebut pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (NUCC) pada tahun 2015 adalah tidak benar kerana ketiga-tiga deraf RUU tersebut tidak diterima oleh Kerajaan ketika itu di atas beberapa sebab seperti berikut:

- i) tiada konsultasi menyeluruh dalam merangka RUU tersebut dan sebaliknya ianya dirangka oleh Majlis Peguam (*Bar Council*);

- ii) terdapat beberapa cadangan peruntukan (*proposed provisions*) dalam RUU tersebut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan;
- iii) ianya mengatasi autoriti pihak berkuasa tertentu seperti peranan Majlis Agama, JAKIM dan beberapa institusi lain; dan
- iv) penggubalan RUU tersebut bertentangan dengan norma penggubalan undang-undang negara kerana hanya melibatkan Majlis Peguam sahaja dan tidak melalui prosedur yang sewajarnya iaitu melibatkan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Namun, Kerajaan semasa sedar bahawa perpaduan rakyat serta keharmonian negara merupakan kunci kemajuan sesebuah negara dan tanpa kedua-duanya, Malaysia tidak boleh mengecapi kestabilan seperti pada hari ini. Justeru, selaku Menteri bertanggungjawab kepada hal ehwal perpaduan negara dan kesejahteraan sosial, saya akan merundingkan bersama rakan-rakan di Kabinet agar suatu mandat diperolehi untuk Kerajaan menggubal suatu undang-undang khas dan spesifik yang pasti memberikan manfaat kepada perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Dalam hal ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sedang meneliti dan mengkaji draf RUU yang pernah disediakan oleh NUCC tersebut untuk menilai semula isi kandungannya agar dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa di dalam akta yang bakal digubal kelak. Ekoran dari ini, sesi taklimat dan penerangan komprehensif bersama pemegang taruh (*stakeholders*) dan pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada agensi Kerajaan, swasta, badan

bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk mendapatkan penglibatan yang lebih ramai khusus dalam kalangan pihak berkepentingan untuk memberikan pandangan dan cadangan terhadap satu undang-undang baharu.

Inisiatif ini bukan sahaja membuktikan keterbukaan Kerajaan dalam melaksanakan sebarang perubahan dasar malah ia juga sebagai langkah untuk memastikan cadangan undang-undang yang berpaksikan rakyat bagi mempromosi dan menggalakkan semangat harmoni serta saling hormat-menghormati dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini terus berada pada standard yang terbaik.

Saya ingin menegaskan bahawa cadangan peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut akan mencerminkan komitmen jitu kerajaan untuk mempertahankan semua agama dan semua kaum yang membentuk negara bangsa Malaysia daripada perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak akan sama sekali membelakangkan semangat Perlembagaan Persekutuan khususnya di bawah Perkara 3(1) yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 30 OGOS 2018 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 45

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) apakah ukuran skala (1 hingga terbaik, 10) yang boleh diberikan untuk tahap perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini dan apakah perancangan untuk menambah baik program-program ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Menggubal satu indeks yang sesuai untuk mengukur dan mencerminkan tahap perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini, mahupun untuk mana-mana negara, sememangnya merupakan satu cabaran yang besar kepada kerajaan.

Ini adalah kerana pengukuran dalam instrumen indeks tersebut melibatkan banyak aspek, seperti perasaan, persepsi dan sensitiviti manusia yang dibentuk dan dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, sosio-budaya, pemikiran serta anutan agama sesuatu kaum itu. Aspek-aspek ini berubah-ubah mengikut persekitaran dan peristiwa yang berlaku, serta dipengaruhi oleh kenyataan pemimpin atau kelakuan golongan tertentu dari masa ke semasa.

Oleh itu, adalah amat sukar untuk menentukan ukuran skala tahap perpaduan di antara 1 hingga 10. Walau demikian cabarannya, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap berusaha memulakan proses mewujudkan suatu petunjuk yang dikenali sebagai **Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)** atau “**Societal Stress Index (SSI)**”.

Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) adalah suatu pengukuran tahap keharmonian dan perpaduan rakyat berdasarkan bilangan kes yang dilaporkan setahun berbanding jumlah penduduk Malaysia.

Setiap petunjuk diberi wajaran meliputi bilangan kes / insiden negatif seperti Keganasan, Rusuhan, Demonstrasi, Protes, Serangan, Pergaduhan Antara Kaum dan Pertelingkahan serta Polemik sesuatu isu semasa yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Pada tahun 2015, IKM merekodkan 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk, 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk pada tahun 2016 dan pada tahun 2017 pula, terdapat sedikit peningkatan iaitu direkod pada tahap 11.5 kes bagi setiap sejuta penduduk iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Peningkatan ini merujuk kepada insiden-insiden yang dilaporkan menjelang suku tahun ke-4 seperti protes dan pertikaian mengenai isu-

isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Isu penyampaian perkhidmatan, isu kerajaan dan isu agama mendominasi isu-isu sepanjang tahun 2017. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL** dan **STABIL**.

IKM membantu pegawai-pegawai PERPADUAN untuk memahami situasi yang berlaku di dalam negara dan kesan jangka panjangnya kepada hubungan etnik dan kestabilan serta kemakmuran negara. Pemantauan yang dilakukan oleh PERPADUAN melalui IKM akan dimaklumkan kepada Kerajaan agar tindakan intervensi dapat diambil untuk meredakan (*defuse*) ketegangan yang berlaku.

Sebagai *way forward*, PERPADUAN dengan kerjasama pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA, UKM) sedang membangunkan satu instrumen indeks yang dikenali sebagai Indeks Perpaduan Nasional (IPN) dan dijangka siap pada tahun 2019. Dengan adanya instrumen ini kelak, adalah diharapkan agar tahap perpaduan negara dapat diukur secara kaedah saintifik dan sistematik pada masa hadapan.

Berhubung dengan perancangan kerajaan untuk meneliti semula program-program yang telah dilaksanakan, PERPADUAN sentiasa merangka program-program yang bersesuaian dengan dasar kerajaan dan perkara-perkara yang menjurus kepada objektif pengukuhan perpaduan negara dari masa ke semasa. Program-program tersebut dirangka selaras dengan tindakan yang ditetapkan bagi mencapai *Outcome Based Budgeting (OBB)* yang selari dengan Teras Strategik 2 iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat di bawah Rancangan

Malaysia ke-11 (RMK11). Program-program yang dilaksanakan menumpukan kepada usaha-usaha membudayakan dan mengukuhkan kesepadan sosial dan perpaduan nasional melalui komuniti sebagai jentera perpaduan di peringkat akar umbi.

Dari sudut penambahbaikan program khususnya di Kawasan Rukun Tetangga (KRT), program tersebut dikemaskini berdasarkan keperluan semasa komuniti dengan objektif memberi perkhidmatan kepada komuniti dan pelaksanaan program penggalakkan perpaduan. Antaranya adalah Program Sayangi Komuniti yang memberi tumpuan kepada kawasan *hotspot* dari aspek isu sosial dalam kalangan komuniti di KRT yang majoritinya adalah golongan berpendapatan rendah B40. Program tersebut berobjektifkan meningkatkan kualiti dan kesejahteraan komuniti melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam menangani isu-isu sosial di peringkat komuniti.

Di samping itu, PERPADUAN juga sentiasa menambah baik program yang dilaksanakan dengan memperkasa dan memperkuuhkan program dengan penglibatan dan pembabitan komuniti, pemimpin masyarakat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya. Anjakan paradigma PERPADUAN dibuat melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti pertubuhan / persatuan sukarela, NGOs dan pihak swasta. Kerjasama ini mampu mencetuskan detik-detik perpaduan menerusi program/aktiviti jaringan sosial melalui program *MyHero Awards, Unity Run, Bicycle Ride in Putrajaya, Moments of Unity*.

Tambahan pula, pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan

Government Linked Companies (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Sejak program ini dilancar dan dilaksanakan mulai tahun 2014, sejumlah lebih dari 1,000 pelajar universiti telah menyertai program ini pada setiap tahun.

PERPADUAN juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama (JKMPKA) turut mengadakan sesi perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion*), Forum Keharmonian, Siri Kajian Akademik, Seminar Agama, Mesyuarat tertutup bersama pemimpin agama dan sebagainya bagi memberi ruang dan peluang kepada pemimpin-pemimpin agama dan wakil-wakil pertubuhan agama untuk berkongsi pandangan, pemikiran, pengalaman masing-masing secara terbuka dan berlapang dada agar mereka dapat membahaskan isu-isu yang menimbulkan sensitiviti agama untuk mencapai kata sepakat ataupun titik pendamaian.

Selain itu, PERPADUAN dari semasa ke semasa akan meneliti kesesuaian program dengan melaksanakan pemantauan dan penilaian terhadap keberkesanan program-program berkenaan dan akan menyelaras setiap program berfokus kepada penyelesaian masalah komuniti demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK LIM PAY HEN**

TARIKH : **4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)**

NO. SOALAN : **24**

SOALAN : **minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

(a) apakah indeks pencapaian ketegangan hubungan etnik atau perpaduan kaum di Malaysia sehingga kini; dan

(b) adakah Rang Undang-undang Harmoni Kebangsaan, Rang Undang-undang Perpaduan Negara dibincangkan dengan ahli-ahli Parlimen sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan bagi kelulusan Parlimen.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjaskan ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diurus dan ditangani dengan sebaiknya.

Menggubal satu indeks yang sesuai untuk mengukur dan mencerminkan tahap perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini, mahupun untuk mana-mana negara, sememangnya merupakan satu cabaran yang besar kepada kerajaan. Ini adalah kerana ia melibatkan banyak aspek, seperti perasaan, persepsi dan sensitiviti manusia yang dibentuk dan dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, sosio-budaya, pemikiran serta anutan agama sesuatu kaum itu. Aspek-aspek ini berubah-ubah mengikut persekitaran dan peristiwa yang berlaku, serta dipengaruhi oleh kenyataan pemimpin atau kelakuan golongan tertentu dari masa ke semasa.

Walau demikian cabarannya, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap berusaha memulakan proses mewujudkan suatu petunjuk yang dikenali sebagai **Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)** atau “*Societal Stress Index (SSI)*”.

IKM yang dibangunkan bertujuan merekodkan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, bilangan pergaduhan dan serangan, bilangan demonstrasi dan protes secara berkumpulan serta bilangan isu-isu polemik yang dibahaskan dan dilaporkan dalam media massa yang diberi penentuan pemberat (*weightage*) tertentu. Jumlah kes ini kemudiannya dibahagi dengan jumlah sejuta penduduk untuk mendapatkan indeks bilangan kes per sejuta penduduk.

Pada tahun 2015, IKM direkodkan pada tahap 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk, tahun 2016 direkodkan pada tahap 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk dan pada tahun 2017 pula, terdapat sedikit peningkatan iaitu

direkod pada tahap 11.5 kes bagi setiap sejuta penduduk iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Peningkatan ini merujuk kepada insiden-insiden yang dilaporkan menjelang suku tahun ke-4 seperti protes dan pertikaian mengenai isu-isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Isu penyampaian perkhidmatan, isu kerajaan dan isu agama mendominasi isu-isu sepanjang tahun 2017. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL dan STABIL**.

Suatu kajian secara empirikal oleh YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), UKM turut mendapati bahawa tahap hubungan kaum di Malaysia berada pada **TAHAP KETEGANGAN YANG STABIL (STABLE TENSION)**. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera melalui kaedah perundingan dengan izin, “***we talk conflict but we walk cohesion***”.

Satu lagi kajian oleh beliau bertajuk ‘*Mamakization’ : Food and Social Cohesion in Multiethnic Malaysia*’ mendapati bahawa bersantai di restoran atau kedai mamak adalah salah satu landasan memupuk kesepadan masyarakat pelbagai kaum, dengan izin, “***Food is a vital social cohesive element and also welding force for the nation. Food is the universal language to bring people together, across age, income, race and even culture***”.

Kepada persoalan kedua YB Senator, sesi taklimat melalui konsultasi awam akan dilaksanakan bersama pemegang taruh (*stakeholders*) dan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi Kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat sivil dan ahli-ahli Parlimen

untuk mendapatkan pandangan dan input bagi mewujudkan suatu undang-undang bertujuan mempromosi dan menggalakkan semangat harmoni serta saling hormat-menghormati dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Kesimpulannya, perlu diakui bahawa mengurus hubungan etnik merupakan satu usaha berterusan dan sentiasa memerlukan pemantauan dan mekanisme yang disesuaikan dengan perubahan persekitaran. Kejayaan hanya boleh dipertahankan jika setiap rakyat Malaysia masing-masing jujur dan ikhlas dalam memastikan perpaduan tidak dikompromi dengan desakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L SOMASUNDARAM

TARIKH : 6 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 22

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan untuk memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat negara ini. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di 54 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang dikenalpasti sebagai *hotspot* dengan kumpulan komuniti miskin bandar dan berisiko (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya,

pelaksanaan PSK di Flat Paya Nahu Damai, di Sungai Petani, Kedah membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

- b) Program-program Detik Detik Kebersatuan (*Moments of Unity*) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling bertoleransi dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum. Program-program sebegini telah berjaya menghimpunkan penyertaan seramai 3,000 hingga 5,000 orang yang terdiri dari segenap lapisan masyarakat Malaysia dan telah menyuntik dan menyemarakkan detik-detik perpaduan supaya semangat setiakawan dan patriotisme terus dipelihara dan diperkuuhkan dalam kalangan penduduk di negara ini.
- c) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan

Government Linked Companies (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Sejak program ini dilancar dan dilaksanakan mulai tahun 2014, sejumlah lebih dari 1,000 pelajar universiti telah menyertai program ini pada setiap tahun.

- d) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui penganjuran program 1 SRN 1 Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:
 - Membaik pulih rumah penduduk yang usang
 - Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
 - Khidmat jagaan warga emas
 - Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
 - Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan
- e) PERPADUAN juga menggalakkan program-program yang mempromosikan *best practices* di mana ia memberi peluang untuk mengetengahkan kisah-kisah masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum dalam membantu kaum-kaum lain seperti keluarga Cina memelihara anak angkat dari kaum Melayu di Pahang, seorang penganut Kristian membantu memberi sumbangan

peribadi kepada anak-anak yatim dan juga dalam membaiki surau di Sabah dan mengadakan gotong-royong bagi menjaga kebersihan dan keceriaan rumah-rumah ibadat, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Johor yang majoritinya terdiri dari kaum Cina melaksanakan program buka puasa untuk umat Islam di kawasan setempat manakala di Pulau Pinang pula, seorang bilal membantu orang-orang Cina semasa kejadian banjir. Dengan itu, adalah menjadi harapan agar melalui promosi kisah-kisah sebegini dapat membuka peluang kepada masyarakat Malaysia menghayati dan mengamalkan *best practices* sebegini di kawasan kediaman masing-masing agar dapat membentuk masyarakat yang lebih berintegrasi di negara ini.

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan sifat toleransi, persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Pengajuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) antara agama. Dialog ini juga merupakan platform bagi penganut pelbagai agama untuk berkongsi pengalaman hidup mengikut pegangan agama masing-masing.
- b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejagat. Melalui sambutan hari tersebut, secara

langsung bukan sahaja menonjolkan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat Malaysia malah lebih dari itu kerana telah mendukung konsep “Penerimaan” antara satu sama lain.

- c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World International Harmony Week*) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan memelihara keamanan sejagat serta memacu masyarakat seluruh dunia ke arah suasana kehidupan yang lebih sejahtera dan makmur, sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- a) Usaha-usaha pendidikan untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Justeru, PERPADUAN sedang melakukan konsultasi bagi mendapatkan pandangan dan input daripada pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan dan masyarakat civil terhadap cadangan menggubal Akta Keharmonian Nasional yang bertujuan membina persefahaman dan rasa saling hormat-menghormati antara pelbagai kaum dan agama berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

- b) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang menyediakan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.
- c) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan secara meluas akibat kekangan peruntukan kewangan yang menyebabkan bilangan peserta yang terlibat agak terhad dan ini mengakibatkan impak program yang dilaksanakan sukar dilihat dalam kalangan keseluruhan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2018 (RABU)

NO. SOALAN : 34

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah komitmen Kerajaan untuk memastikan perpaduan kaum dan menghormati perbezaan agama dapat diperkuuhkan bersesuaian dengan ketetapan Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Semenjak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini, perpaduan telah menjadi kekuatan kepada negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang masyarakatnya adalah majmuk musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan namun bagi Malaysia, kita masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana Kerajaan memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha-usaha memastikan perpaduan terus terpelihara dan perbezaan antara pelbagai penganut agama turut diraikan bersama berlandaskan dengan ketetapan Perlembagaan Persekutuan.

- a) Kerajaan berusaha mempergiatkan promosi keharmonian dan persefahaman antara penganut agama melalui tiga (3) inisiatif utama seperti berikut:-
- i. Melaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) program mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara penganut agama pada setiap tahun;
 - ii. Menganjurkan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama (*World Interfaith Harmony Week*) sepetimana keputusan resolusi *United Nation General Assembly* pada setiap minggu pertama bulan Februari bertujuan meraikan kepelbagaian dan mendidik masyarakat agar sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian dan mewujudkan ketegangan;
 - iii. Menganjurkan sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Day For Tolerance*) di bawah resolusi 51/95 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dalam menyokong usaha mempromosikan amalan toleransi dan moderat sebagai budaya kehidupan masyarakat Malaysia.
- b) Melalui platform Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama (JKMPKA), pelbagai program dan aktiviti dianjurkan yang memberi fokus kepada perpaduan kaum dan menghormati perbezaan agama di peringkat akar umbi seperti berikut :

- Dialog Harmoni sempena sambutan *World Interfaith Harmony Week (WIHW)*;
 - Ceramah Isu-Isu Semasa dan Perlembagaan Persekutuan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Shad Saleem Faruqi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
 - Pertandingan Video Pendek yang bertemakan “Pemahaman antara Agama”;
 - Ceramah bertajuk “Perjanjian 20 Perkara Sabah” oleh Tuan Haji Zainul Abidin bin Sheik Zakaria (Peguam)
 - Perbincangan Meja Bulat (RTD) bersama Pemimpin Penganut Pelbagai Agama;
 - Lawatan Ke Rumah-Rumah Ibadat (*Harmony Walk*);
 - Seminar Integriti dengan tema “Agama sebagai medium memupuk Integriti dan Perpaduan Nasional”;
 - Sambutan Tahun Baharu Hindu 2018; dan
 - Majlis Muhibah Iftar Ramadhan-Wesak *Open House* 2018.
- c) Program Keharmonian Antara Penganut Agama juga dilaksanakan di peringkat negeri-negeri bagi membolehkan pemimpin-pemimpin agama tempatan dapat menggunakan ruang tersebut untuk lebih mengenali dan memahami antara satu sama lain agar isu-isu sensitif antara mereka dapat dikurangkan. Sebanyak 16 program disasarkan di peringkat negeri yang berupaya memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat di peringkat akar umbi.

Justeru, setiap aktiviti anjuran Kerajaan melalui platform JKMPKA adalah bertujuan untuk memperkuatkan jalinan hubungan pelbagai penganut agama yang sememangnya bersandarkan kepada

Perlembagaan Persekutuan sebagai tonggak utama dalam mewujudkan suasana yang aman dan harmoni dalam kalangan rakyat negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN

DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PARLIMEN YANG KE-14

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **Datuk Rabiyah Binti Ali**

NO. SOALAN : **31**

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus Kerajaan dalam memastikan perpaduan kaum terus dipelihara dan memastikan setiap anggota pentadbiran Kerajaan Persekutuan tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menggugat agama Islam dan Bahasa Melayu.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Almarhum Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama mengisyiharkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan bahawa negara Malaysia “**akan kekal menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa.**”

Fokus Kerajaan baharu pada hari ini adalah amat seiring dengan pengisyiharan tersebut iaitu untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib pribumi dan rakyat Malaysia pelbagai bangsa, agar pembangunan dan kesejahteraan

ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama. Kerajaan baharu yang terpilih dalam pilihan raya Umum ke-14 (PRU14) lalu amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat, selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan khasnya terhadap perkara-perkara asas yang telah dimeterai dengan kemas dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh Raja-raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain tetap terjamin dan dipertahankan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Sehubungan itu, semua pihak termasuk Anggota Pentadbiran harus menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan selaras dengan ikrar yang dilafazkan oleh setiap Ahli Parlimen.

Bagi memastikan kemakmuran negara, Kerajaan baru ini akan menggembung tenaga menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang boleh menggugat kestabilan politik dan ketenteraman awam serta berusaha menghapuskan jurang perbezaan fahaman antara kaum. Usaha ini adalah selaras dengan penekanan yang diberikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dalam titah baginda agar elemen-elemen negatif dan tindak-tanduk yang mengganggu-gugat kesepadan dan keharmonian perlu dibanteras dan tidak diungkitkan isu-isu sensitif antara kaum bagi menjamin dan mengekalkan keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG

[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2018 (RABU)

NO. SOALAN : 33

SOALAN : Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif jangka pendek dan panjang Kementerian untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat negara ini. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) sehingga September 2018 bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya, pelaksanaan PSK membolehkan PERPADUAN melaksanakan

pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

- (b) Program-program Detik-Detik Kebersatuan (Moments of Unity) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling bertoleransi dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum.
- (c) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program internship di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga September 2018, seramai 4,573 orang pelajar telah menyertai program ini.
- (d) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui penganjuran program 1SRN 1Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari

institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:

- Membaik pulih rumah penduduk yang usang
- Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
- Khidmat jagaan warga emas
- Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
- Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan sifat toleransi, persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Pengajuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (best practices) antara agama. Dialog ini juga merupakan platform bagi penganut pelbagai agama untuk berkongsi pengalaman hidup mengikut pegangan agama masing-masing.
- (b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (International Tolerance Day) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejagat. Melalui sambutan hari tersebut, secara langsung bukan sahaja menonjolkan sikap toleransi dalam

kalangan masyarakat Malaysia malah lebih dari itu kerana telah mendukung konsep “Penerimaan” antara satu sama lain.

- (c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (World International Harmony Week) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan memelihara keamanan sejagat serta memacu masyarakat seluruh dunia ke arah suasana kehidupan yang lebih sejahtera dan makmur, sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- (a) Usaha-usaha pendidikan untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Justeru, PERPADUAN sedang melakukan konsultasi bagi mendapatkan pandangan dan input daripada pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan dan masyarakat sivil terhadap cadangan menggubal Akta Keharmonian Nasional yang bertujuan membina persefahaman dan rasa saling hormatmenghormati antara pelbagai kaum dan agama berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

- (b) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka Blueprint - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai way forward untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang menyediakan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui Blueprint tersebut.
- (c) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan secara meluas akibat kekangan peruntukan kewangan yang menyebabkan bilangan peserta yang terlibat agak terhad dan ini mengakibatkan impak program yang dilaksanakan sukar dilihat dalam kalangan keseluruhan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]

NO. SOALAN : 118

SOALAN : minta **PERDANA MENTERI** menyatakan visi dan perancangan Kementerian dalam meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya peranan badan-badan dan agensi di bawah Kementerian.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar pembinaan negara bangsa merupakan satu proses yang sangat dinamik dan memerlukan pelbagai pendekatan dan perancangan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah menggunakan jentera dan mekanisme di bawahnya untuk melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- a) Penubuhan **Jawatankuasa Rukun Tetangga (RT)** sebagai satu gerakan di peringkat akar umbi yang bertindak membantu kerajaan menyelaras dan mengendalikan isu-isu dan masalah berkait perkauman di peringkat komuniti **berlandaskan Akta Rukun**

Tetangga 2012 (Akta 751). Kekuatan gerakan RT sebagai jentera Kerajaan disokong dengan jumlah 8,072 Kawasan RT sehingga September 2018. Ini menjadikan RT sebagai entiti terbesar di peringkat akar umbi dalam membantu Kerajaan mengurus hal ehwal perpaduan sekaligus meningkat dan memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

- b) Pewujudan **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** pada tahun 2010 yang bertujuan mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia mengikut kepercayaan agama masing-masing.
- c) Mediator komuniti seramai 1,131 orang di seluruh negara berfungsi menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat.

Perpaduan dan keharmonian negara hanya akan terbentuk dan kekal sekiranya lahir semangat patriotisme dan cinta kepada negara di dalam jiwa setiap warganegara khasnya dalam kalangan belia. Menyedari hakikat ini, Jabatan aktif mengadakan program-program seperti berikut:

- a) Melaksanakan Aktiviti **Penggalakan Perpaduan di peringkat komuniti** selaras dengan fungsi dan tanggungjawab RT di bawah aktanya iaitu perkara 8 (a) yang menjelaskan RT perlu menjalankan aktiviti meningkat dan memperkuuhkan perpaduan. Terdapat sebanyak 32,987 aktiviti penggalakan perpaduan yang

dilaksanakan di peringkat komuniti di seluruh negara sehingga September 2018. Aktiviti ini meliputi hampir kesemua bidang berdasarkan keperluan dan kehendak komuniti setempat bagi mewujudkan suasana keharmonian serta menjamin pengukuhan perpaduan sejagat. Antaranya adalah aktiviti-aktiviti melibatkan bidang sosial, ekonomi, pendidikan, sukan dan rekreasi serta lain-lain bidang yang berkaitan dengan melibatkan penyertaan masyarakat pelbagai kaum seramai 1.8 juta orang bagi tempoh yang sama.

- b) Pelaksanaan **aktiviti rondaan keselamatan oleh komuniti** secara berterusan melalui Jawatankuasa Skim Rondaan Sukarela (SRS). Secara purata sehingga September 2018 aktiviti rondaan yang telah digerakkan oleh sejumlah 5,152 SRS adalah sebanyak 48,446 dengan meliputi Kawasan RT dalam kediaman komuniti. Aktiviti rondaan ini bertujuan memelihara keamanan, kesejahteraan dan keselamatan kawasan kejiranannya sekaligus meningkatkan suasana harmoni dalam kalangan komuniti.
- c) Mendidik **asas silang budaya** bagi memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan kanak-kanak di seluruh negara melalui 1,781 Tabika Perpaduan. Pendidikan ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain.
- d) Meningkatkan penghayatan Rukun Negara melalui **Program MyRukun Negara** kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah,

menengah dan di institusi pengajian tinggi melalui **6,458 Kelab Rukun Negara dan 164 Sekretariat Rukun Negara.**

- e) Memperluaskan **Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)** kepada pelajar universiti untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera dan sebaliknya. Bermula dari 2015 hingga September 2018, seramai **4,573 orang pelajar** telah menyertai program ini.
- f) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar sehingga September 2018 yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- g) Menubuhkan **114 pasukan Skuad Uniti** di peringkat akar umbi di seluruh negara sejak 2015 hingga September 2018 bagi memberikan khidmat bantu mula kepada komuniti setempat ketika mengalami kejadian seperti banjir besar dan tragedi seperti kebakaran dan tanah runtuh yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum terutamanya dalam menghadapi sebarang malapetaka.

Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM)*

sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang menyediakan pelan tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD NOR BIN HAJI
MONUTTY TARikh : 3 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 55

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Malaysia menerima tekanan yang serius daripada PBB untuk meratifikasi International Convention on Elimination of All Racial Discrimination (ICERD).

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat

memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA
S.THAMBIRAJAH

TUAN CHANDRA MOHAN A/L

TARIKH

4 DISEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terakhir dan status terkini mengenai cadangan memperkenalkan Akta Anti Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Perdamaian

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan merancang agar dapat menggubal Akta Keharmonian dan Pendamaian Nasional dan Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Pendamaian Nasional dalam masa terdekat di mana deraf asal Rang Undang-Undang (RUU) tersebut pernah disediakan oleh Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (NUCC) pada tahun 2015. Akta-akta ini adalah bertujuan untuk mengurangkan, meredakan serta membendung masalah yang berkaitan dengan ketegangan dan polarisasi antara kaum dalam negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih belum memuktamadkan Akta-Akta ini dan ia masih dalam penelitian untuk

memastikan kesesuaian serta mendapat input bagi penambahbaikan yang sewajarnya.

Dalam hal ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sedang meneliti dan mengkaji draf RUU yang pernah disediakan oleh NUCC tersebut untuk menilai semula isi kandungannya agar dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa di dalam akta yang bakal digubal kelak.

Sesi taklimat dan penerangan komprehensif bersama pemegang taruh (*stakeholders*) dan pihak yang berkepentingan yang terdiri daripada agensi Kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk mendapatkan penglibatan pelbagai sektor masyarakat khusus bagi memberikan pandangan dan cadangan dalam penggubalan satu undang-undang baharu.

Inisiatif ini bukan sahaja membuktikan keterbukaan dan ketelusan Kerajaan dalam melaksanakan sebarang perubahan dasar malah ia juga sebagai langkah untuk memastikan cadangan undang-undang yang berpaksikan rakyat bagi mempromosi dan menggalakkan semangat harmoni serta saling hormat-menghormati dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini agar terus berada pada tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 5 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 23

Minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dan implikasi meratifikasi International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) di negara ini.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Saya mohon untuk merangkumkan kesemua lapan (8) soalan lisan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator berhubung ICERD kerana mempunyai maksud dan inti pati yang hampir sama.

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 6 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 70

Minta PERDANA MENTERI menyatakan hasrat dan pendirian Kerajaan untuk menandatangani baki enam konvensyen hak asasi manusia di mana antara lain ialah meratifikasi ICERD (*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*).

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Saya mohon untuk merangkumkan kesemua lapan (8) soalan lisan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator berhubung ICERD kerana mempunyai maksud dan inti pati yang hampir sama.

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI YAHAYA BIN MAT GHANI @
ABBAS**

TARIKH : 11 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 43

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menandatangani (ratify) Konvensyen-konvensyen Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang selain daripada CEDAW dan CRC. Apakah Kerajaan akan meneruskan hasrat untuk menandatangani ICERD.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat

memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI DR.
IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**

TARIKH : 11 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 49

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menandatangani perjanjian untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kepentingan Bumiputera dapat dijamin dan dijaga melalui Perlembagaan sedia ada selepas menandatangani perjanjian ini.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat

prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 13 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO.58

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah diskriminasi kaum menjadi konflik bagi membentuk perpaduan kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sememangnya negara Malaysia memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang sedia terjalin sesama kaum ini akan memperkuatkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara.

Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh tentang kesamarataan menyatakan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara Malaysia semata-mata atas alasan agama, ras dan keturunan dalam mana-mana perniagaan, profesi, kerjaya atau pekerjaan.

Diskriminasi ditakrifkan sebagai pandangan, pemikiran dan kepercayaan negatif oleh seseorang atau sekelompok etnik terhadap anggota atau kumpulan etnik lain yang mempengaruhi perilaku pihak yang berpandangan negatif. Dengan kata lain, diskriminasi adalah perbuatan membandingkan seseorang individu atau sesuatu kelompok etnik lain berasaskan ciri-ciri etnik semata-mata.

Diskriminasi diakibatkan oleh manifestasi prasangka yang wujud dalam kalangan sesuatu kumpulan etnik. Ini bermaksud diskriminasi semakin mudah berlaku terutamanya apabila wujud prejudis dan stereotaip dalam sesebuah masyarakat sama ada pada peringkat individu ataupun kumpulan etnik.

Perlakuan diskriminasi dan sikap perkauman dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini semakin membimbangkan berdasarkan kajian oleh Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Data kajian tersebut menunjukkan hubungan etnik di Malaysia masih berada di tahap yang baik, namun perlakuan diskriminasi dan sikap perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan etnik masing-masing dalam tindakan hidup mereka sehingga boleh mengakibatkan konflik dan menjelaskan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini.

Atas faktor ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi nasional sentiasa menggalakkan penyertaaan pelbagai lapisan masyarakat dalam Rukun Tetangga yang merupakan platform yang menjadi pengikat hubungan antara komuniti setempat di peringkat akar umbi

melalui interaksi dan saling bekerjasama bagi memupuk semangat kejiranian ke arah membina perpaduan negara yang kukuh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JAMILAH SULAIMAN

TARIKH : 13 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 67

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas yang menyebabkan Kerajaan perlu menandatangani ratifikasi Konvensyen Antarabangsa mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi kaum (ICERD).

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka

menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 17 DISEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada keperluan menggabungkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dengan Skim Rondaan Sukarela (SRS) supaya lebih mantap dan mampan.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Penubuhan Skim Rondaan Sukarela adalah sememangnya di bawah penubuhan Rukun Tetangga yang termaktub dalam Akta Rukun Tetangga 2012. Berdasarkan kepada Perkara 15, Akta Rukun Tetangga 2012, Pengurus Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk menjalankan Skim Rondaan Sukarela di dalam keseluruhan atau sebahagian Kawasan Rukun Tetangga jika permohonan dibuat kepadanya oleh sekumpulan tidak kurang daripada dua puluh orang pemastautin di kawasan tersebut yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun. Dengan erti kata lain, sekiranya penduduk berhasrat menjalankan Skim Rondaan Sukarela di kawasan kediaman mereka, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah menubuhkan Kawasan Rukun Tetangga, barulah mereka

mempunyai kebenaran untuk memohon penubuhan Skim Rondaan Sukarela berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS

TARIKH : 18 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 50

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan kepada ratifikasi Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Adakah Kerajaan telah didesak oleh mana-mana Kerajaan luar untuk menandatangani konvensyen ini. Jika ada, nyatakan negara tersebut dan sebab desakan tersebut dibuat.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD

demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN ETHOOK
TARIKH : 20 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah lain yang dirancang oleh Kerajaan, selain mewujudkan jawatan Penggerak Perpaduan, dalam usaha untuk meningkatkan inklusiviti kumpulan minoriti seperti Siam dan Portugis dalam program-program Kerajaan.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sentiasa menggalakkan dan memastikan inklusiviti kumpulan minoriti bukan sahaja komuniti masyarakat Siam dan Portugis tetapi semua etnik dan kaum agar dapat menyertai dalam program dan aktiviti Jabatan.

Salah satu kaedah untuk memastikan inklusiviti semua kaum termasuk kumpulan minoriti adalah melalui penubuhan Kawasan Rukun Tetangga. Penubuhan Rukun Tetangga di kawasan kediaman bukan hanya tertumpu kepada kawasan penempatan penduduk mengikut kaum-kaum tertentu sahaja. Malah, penubuhan tersebut turut merangkumi semua jenis penempatan di seluruh Malaysia bergantung kepada permohonan dari mana-mana penduduk dalam sesuatu kawasan penempatan.

Rukun Tetangga menghadapi cabaran untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa masyarakat selaras dengan tuntutan arus perkembangan situasi hubungan kaum pada masa kini. Tambahan pula dengan berleluasanya penyebaran propaganda di dalam media sosial mengenai insiden-insiden yang berlaku dewasa ini sering dikaitkan dengan isi perkauman. Perkara ini menyebabkan kefungsian Rukun Tetangga semakin relevan yang mana Rukun Tetangga perlu menimbalbalik serta memainkan peranan menangani situasi yang kompleks ini. Tanggungjawab dan peranan Rukun Tetangga ini harus diperkasakan sesuai dengan bebanan dan kompleksiti di peringkat akar umbi dengan menyediakan sumber yang mencukupi.

Justeru, jentera Rukun Tetangga di peringkat akar umbi berperanan untuk menyebarluaskan maklumat-maklumat yang berunsur positif yang menekankan nilai-nilai murni yang menjurus ke arah penyatupaduan masyarakat secara keseluruhannya agar dapat menangani propaganda negatif yang disebarluaskan melalui media sosial. Gerakerja Rukun Tetangga ini memerlukan pengembangan ahli daripada pelbagai latarbelakang kaum dan agama, termasuklah kumpulan-kumpulan minoriti agar suara semua diwakili dan tiada golongan yang dipinggirkan dalam perbincangan di peringkat akar umbi.

Ini dibuktikan dengan pelantikan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang terdiri dari pelbagai kaum berdasarkan Laporan Pendaftaran Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJK RT) di dalam Sistem e-IDRT 2018. Menurut laporan tersebut, penglibatan AJK pelbagai kaum **secara sukarela** yang telah bersatu padu mengendalikan Rukun Tetangga di kawasan kediaman mereka di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

- Melayu : 52,076 orang AJK RT (70%)
- Cina : 6,612 orang AJK RT (9.1%)
- India : 2,879 orang AJK RT (3.96%)
- Iban : 2,772 orang AJK RT (3.83%)
- Dusun/Kadazan : 2,062 orang AJK RT (2.85%)
- Bidayuh : 534 orang AJK RT (0.7%)
- Lain-lain: 5,349 orang AJK RT (7.3%)

Selain dari pelantikan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di peringkat pusat dan Rukun Tetangga di peringkat akar umbi akan sentiasa meningkatkan usaha untuk menggalakkan penyertaan pelbagai kaum di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Setiap program yang dijalankan akan sentiasa memberi perhatian kepada komposisi kaum yang terlibat dengan menyediakan kuota penyertaan dan jemputan kepada semua individu dari pelbagai kaum.

Atas dasar usaha ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berjaya mendapat penyertaan dari pelbagai kaum dalam aktiviti yang telah dilaksanakan. Ini dibuktikan melalui Laporan Pelaksanaan Program Aktiviti Rukun Tetangga dari Januari hingga September 2018 yang mendapati bahawa daripada jumlah 1,718,748 peserta yang menyertai Aktiviti Rukun Tetangga, pecahan kaum mengikut penyertaan aktiviti adalah seperti berikut:

- Melayu : 59.7%
- Cina : 9.1%
- India : 4.71%
- Bumiputra Sabah : 19.4%

- Bumiputra Sarawak : 5.05%
- Lain-lain etnik : 1.95%

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan meneruskan kerjasama dengan Jabatan dan Agensi kerajaan yang lain agar sama-sama berusaha untuk menangani isu-isu perkauman yang berlaku secara bersepadu di samping merancang dan berusaha untuk memastikan bahawa penyertaan dalam program perpaduan akan melibatkan semua rakyat Malaysia tanpa meminggirkan mana-mana kumpulan minoriti untuk meraikan kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 20 DISEMBER 2018

SOALAN NO. 26

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kerajaan sebelum ratifikasi International Convention of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dan inisiatif Kerajaan dalam memastikan apa jua diskriminasi dihapuskan selaras dengan falsafah Pakatan Harapan untuk membina satu Bangsa Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang tidak meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka

menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**

SOALAN NO. 9

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional tindakan yang dibuat oleh Kerajaan dalam memenuhi hasrat segelintir kumpulan masyarakat agar Malaysia menandatangani Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

SOALAN NO. 117

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan PH hendak melaksanakan ICERD sedangkan ianya bercanggah dengan perlembagaan negara Malaysia.

SOALAN NO. 128

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Apakah rancangan selanjutnya Kerajaan untuk mendapatkan pandangan daripada semua warga Malaysia sebelum membuat keputusan

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Saya mohon untuk merangkumkan kesemua tiga (3) soalan bukan lisan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim, Puan Hajah Sabani binti Mat dan Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee berhubung ICERD kerana mempunyai maksud dan inti pati yang hampir sama.

ICERD atau singkatan *dari International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang belum meratifikasinya.

Sememangnya, Kerajaan hari ini sentiasa mendengar luahan dan suara hati rakyat melalui pelbagai platform. Kerajaan Pakatan Harapan sangat prihatin dengan kebimbangan dan luahan rakyat dan bersikap terbuka menerima kritikan semua pihak berhubung dengan ratifikasi ICERD demi memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan agar dapat memenuhi harapan serta amanah rakyat selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui Kenyataan Akhbar Pejabat Perdana Menteri pada 23 November 2018 mengesahkan tidak akan meratifikasi konvensyen ICERD dan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana di dalamnya termaktub kontrak

sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

SOALAN NO. 17

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang telah dikenalpasti sebagai kelemahan dan kelebihan dasar perpaduan yang sedia ada yang mendorong ke arah penggubalan dasar perpaduan yang baharu. Apakah jaminan bahawa nilai setiap segmen rakyat Malaysia diambil kira untuk mengelakkan berlakunya nilai sesuatu segmen masyarakat itu mendominasi yang lain yang akan menyebabkan segmen lain dalam masyarakat menolak dasar, program serta langkah yang bakal diperkenalkan dalam dasar baharu.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Perpaduan ialah satu proses yang menyatupadukan anggota masyarakat dan negara keseluruhannya melalui ideologi negara supaya tiap-tiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta satu perasaan kebangsaan bersama dalam kalangan mereka. Perpaduan memainkan peranan penting dalam memacu kestabilan & kemajuan negara. Sejak merdeka lagi, kerajaan telah memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita. Pelbagai dasar telah dijalankan untuk mencapai proses perpaduan ini.

Tanpa perpaduan, kemajuan negara yang ingin dicapai untuk Wawasan 2020 tidak mungkin akan menjadi kenyataan kerana kerjasama diperlukan untuk menjana kemajuan.

Sehingga kini, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar bagi pembangunan negara dari segi ekonomi dan sosio-politik. Antaranya adalah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Kebajikan Masyarakat, Dasar Pembangunan Belia Negara, Dasar Wanita Negara dan Wawasan 2020. Kesemua dasar ini digubal bertujuan memastikan rakyat menikmati kehidupan dalam suasana yang sejahtera dan harmoni di samping mewujudkan negara Malaysia yang benar-benar maju, bersatu dan progresif. Memandangkan hampir kesemua dasar yang digubal oleh kerajaan adalah menjurus kepada pencapaian matlamat akhirnya adalah ke arah perpaduan rakyat berbilang kaum dalam negara yang aman, sejahtera, selamat dan stabil maka tiada satu dasar perpaduan khusus yang sedia ada.

Ini menyebabkan walaupun rakyat negara ini secara umumnya hidup dalam keadaan aman dan damai tetapi tidak dapat dinafikan bahawa insiden-insiden yang mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian negara ini masih berlaku memandangkan terdapat segelintir masyarakat yang masih lagi berfikir dan bertindak dalam kepompong kelompok perkauman dan agama yang sempit. Ekoran dari pemikiran dan tindakan seperti ini menyebabkan wujudnya bibit-bibit perpecahan, prejudis dan stereotaip dalam masyarakat sehingga menimbulkan ketegangan antara masyarakat berbilang etnik di negara ini

Justeru, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat negara ini dalam usaha menangani suasana ketegangan dan berlakunya polarisasi kaum. Mengambil kira isu ini, PERPADUAN melalui kerjasama dengan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA, UKM) telah merangka satu *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) hasil daripada pendampingan awam melalui Dialog Perpaduan, Perbincangan Meja Bulat, Seminar dan Bengkel yang telah diadakan secara mendalam dengan pelbagai pihak berkepentingan di seluruh negara selama dua tahun.

Usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu telah membawa kepada pembentukan cadangan rangka tindakan perpaduan negara melalui *Blueprint* tersebut yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 dengan mengambil kira pendekatan pelbagai dimensi yang sememangnya penting disebabkan komposisi masyarakat pelbagai etnik di Malaysia yang unik.

Mengambil kira aspirasi dan hasrat Kerajaan semasa untuk mewujudkan Malaysia Baharu, PERPADUAN juga baru-baru ini telah memberikan akses awam (*public access*) kepada *Blueprint* Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) bagi membolehkan pelbagai sektor masyarakat memberikan pandangan, komen dan ulasan terhadap dokumen tersebut. Inisiatif ini adalah

sebagai usaha menghormati kehendak dan pandangan rakyat berbilang kaum dalam memastikan urus tadbir negara yang baik, inklusif dan progresif. Pengedaran dan pemakluman awam ini akan membolehkan rakyat merujuk kepadanya untuk memberikan buah fikiran, cadangan, pandangan dan komen untuk dijadikan sebagai input pelengkap kepada penghasilan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang dijangka siap pada akhir tahun ini agar tiada mana-mana komuniti masyarakat di negara ini dipinggirkan dalam Pelan tersebut dan menjamin nilai setiap segmen rakyat Malaysia telah diambil kira bagi memastikan tiada mana-mana segmen masyarakat yang mendominasi segmen masyarakat yang lain.

Selain itu, PERPADUAN telah mengadakan sesi *Townhall* di seluruh negara mengikut 6 zon bagi mendapatkan mendapatkan maklum balas daripada rakyat dan pemegang taruh (*stakeholders*) terhadap *Blueprint* tersebut. Maklumat dan penemuan daripada setiap sektor melalui sesi *Townhall* perlu dikumpul, diteliti, digabung, disaring, diintegrasikan, dianalisis dan dibuat syor yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan merangka Pelan Tindakan tersebut selaras dengan pandangan dan cadangan rakyat bagi membantu PERPADUAN untuk merangka polisi, program dan inisiatif yang dapat memenuhi hasrat, kehendak dan keperluan semua komuniti masyarakat di negara ini termasuk kelompok-kelompok minoriti agar tidak ditolak langkah pembaharuan dan program yang bakal diperkenalkan. Justeru, ini adalah satu proses yang agak panjang dan sememangnya memerlukan tenaga kerja tambahan, kemahiran dan kepakaran intelektual.

Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi portfolio **“PERPADUAN & KESEJAHTERAAN SOSIAL”** akan memastikan bahawa agensi-agensi di bawah tanggungjawab saya akan terus menggalas tanggungjawab bagi melaksanakan usaha-usaha ke arah mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama demi menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama serta membawa Malaysia ke wawasan baru dan seterusnya memacu negara untuk kembali dikagumi oleh dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

KAWASAN : TASEK GELUGOR

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pelan perpaduan rakyat oleh Kementerian dalam masa 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa merancang inisiatif dan strategi tertentu melalui pelan tindakan perpaduan bagi terus memelihara dan mengekalkan keharmonian antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Antara inisiatif dan strategi yang telah dirancangkan adalah seperti berikut:-

- a) Menjenamakan semula Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) di mana ianya akan menjadi satu platform ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam

kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat kerajaan baharu untuk mewujudkan urus tadbir negara yang baik, progresif dan inklusif ke arah menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama;

- b) Cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony Reconciliation Commission*) bagi menangani isu-isu sensitif yang timbul akibat kesalahfahaman antara masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, etnik, agama, keturunan dan budaya. Penubuhan suruhanjaya ini dapat mengatasi isu dan sentimen perkauman yang cuba dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan sendiri bagi memecahbelahkan rakyat;
- c) Pembangunan Instumen Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang meliputi seperti tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa, tadbir urus dan pembangunan, kesepaduan sosial dan lain-lain lagi yang akan

menjadi kayu pengukur kepada tahap perpaduan negara ini. Indeks ini akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak;

- d) Menjadikan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama dengan meningkatkan bilangan mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum;
- e) Pemerkasaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui langkah meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar mereka dapat berkhidmat kepada komuniti tanpa sebarang prejedis dan prasangka sesama mereka agar selari dengan usaha kerajaan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdikari, inovatif dan kreatif. Selain itu, Jabatan juga telah membuat anjakan paradigma dengan mengadakan kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pelbagai pertubuhan, badan bukan kerajaan (NGO), kelab dan sektor swasta, institusi pengajian tinggi bagi memastikan mereka dapat menyumbang dengan melakukan usaha-usaha mempromosikan perpaduan sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka melalui

pelaksanaan pelbagai program seperti dialog antara penganut agama, larian perpaduan, pemberian pengiktirafan terhadap ikon-ikon perpaduan, hari toleransi, anugerah Rukun Tetatangga, MyHero Awards;

- f) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga komited dalam terus menerajui pendidikan perpaduan memandangkan inisiatif-inisiatif pemupukan perpaduan bermula di peringkat pra-sekolah lagi. Jabatan bercadang meningkatkan kualiti guru-guru di Tabika dan Taska Perpaduan melalui latihan yang lebih komprehensif agar mereka dapat mendidik anak-anak kecil sejak di bangku sekolah lagi untuk menghargai perpaduan yang merupakan hadiah yang tidak ternilai terutamanya di negara ini yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai keturunan kaum, agama dan budaya. Ini kerana sekiranya anak-anak dipupuk dengan pengamalan nilai-nilai murni sejak kecil seperti sikap saling hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, bersifat patriotik dan menghargai kepelbagaian masyarakat yang wujud di Malaysia, nescaya sentimen-sentimen perkauman tidak lagi akan menggugat generasi akan datang dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita yang diviralkan dan anasir-anasir yang jahat;
- g) Meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Pelaksanaan PSK telah mencapai sasaran sebanyak 103 lokasi sehingga tahun

2018 dan akan diteruskan di 49 lokasi baru yang disasarkan pada tahun 2019 dan 48 lokasi baru pada tahun 2020 bagi membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial; dan

- h) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) turut diteruskan kerana ia merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'
AZUMU**

KAWASAN : TAMBUN

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju Kerajaan Pakatan Harapan dalam memperkasakan inisiatif perpaduan masyarakat berbilang kaum dalam negara.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sejak merdeka lagi, negara kita telah terbina sebagai sebuah negara yang bertuah kerana memiliki rakyat yang majmuk iaitu kepelbagaian masyarakatnya yang terdiri dari latar belakang keturunan, kaum, agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Para pemimpin negara yang terdahulu telah mentadbir negara ini dengan berteraskan semangat perpaduan bagi menjamin kebebasan, keadilan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk terus memastikan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin melalui penetapan satu hala tuju yang jelas dan terancang.

Mengambil jejak sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan juga tidak terkecuali dalam memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini menjadi agenda utama negara. Ekoran daripada itu, Kerajaan semasa telah melaungkan satu konsep negara baru iaitu Malaysia Baharu yang memberi penekanan kepada demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan menghormati kehendak rakyat melalui urus tadbir negara yang baik, inklusif dan progresif berlandaskan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan serta visi yang dibawa oleh para pejuang negara sebelum ini.

Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab. Lebih penting lagi, Kerajaan semasa bertekad akan memastikan semua rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini dapat berkongsi hasil kemakmuran dan kemajuan negara secara adil dan saksama.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil dan memperkasakan beberapa inisiatif bagi mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan semasa seperti berikut:-

- a) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) sehingga tahun 2018 bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka

hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya, pelaksanaan PSK membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

- b) Program-program Detik-Detik Kebersatuan (*Moments of Unity*) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling bertoleransi dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum.
- c) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.

- d) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui penganjuran program 1SRN 1Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:
- Membaik pulih rumah penduduk yang usang
 - Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
 - Khidmat jagaan warga emas
 - Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
 - Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan sifat toleransi, persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Penganjuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) antara agama;
- b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian

dan keamanan sejagat melalui pengamalan sikap toleransi dan penerimaan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama; dan

- c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World International Harmony Week*) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan memelihara keamanan sejagat dan sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- a) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang memuktamadkan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.
- b) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.

- c) Penjenamaan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) merupakan usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS

KAWASAN : HULU LANGAT

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 50

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pegangan atas jawapan Menteri Perpaduan terhadap isu rusuhan di Kuil Seafield, Subang Jaya bagi menjaga keharmonian dan keamanan di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Pada awal pagi, 26 November 2018, suatu insiden perselisihan faham antara dua kumpulan berhubung isu pemindahan tapak kuil Sri Maha Mariamman yang terletak di USJ 25, Seafield, Subang Jaya telah mengakibatkan punca pergaduhan yang besar.

Selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perpaduan dan kesejahteraan sosial, saya telah menghubungi Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim pada 26 November 2018 bagi menyatakan keprihatinan masyarakat terhadap rusuhan yang menjadi ancaman keamanan dan ketenteraman masyarakat pelbagai kaum dan agama serta menzahirkan ketegangan emosi yang berlaku

dalam kalangan masyarakat serta pelbagai tuduhan liar yang dilemparkan dan meminta pihak polis menyiasat secara menyeluruh mengenai insiden Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor.

Pada 29 November 2018, YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membuat sesi penerangan mengenai insiden di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor di dalam Dewan Rakyat. Kedua-dua pemimpin turut menegaskan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap kejadian tersebut dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mengancam keamanan dan keselamatan awam mengikut undang-undang negara.

Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh saya selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal perpaduan dan oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri ingin menjelaskan bahawa insiden pergaduan di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ, Selangor tiada kaitan sama sekali dengan isu perkauman dan agama. Sebaliknya, pergaduhan tersebut mempunyai unsur jenayah yang melibatkan kerosakan harta benda serta mendatangkan kecederaan parah kepada anggota keselamatan yang bertugas di lapangan.

Saya menyeru kepada semua pihak supaya berfikir dan bertindak secara rasional dalam menangani isu seumpama ini di masa depan dan sebaliknya tidak cuba untuk memanipulasikannya untuk kepentingan pihak tertentu. Rakyat Malaysia telah mengecapi kehidupan yang aman dan harmoni sejak sekian lama. Janganlah disebabkan oleh insiden jenayah yang terpencil ini, kita sanggup merosakkan perpaduan dan

keharmonian rakyat berbilang kaum dan agama yang kita kecapi selama ini seperti kata pepatah, “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.”

Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang sengaja mengganggu-gugat keamanan dan ketenteraman awam, terutamanya dengan mengapi-apikan sentimen perkauman. Tindakan tegas berlandaskan undang-undang akan diambil oleh pihak berkuasa demi mempertahankan perpaduan kaum, keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN

KAWASAN : ROMPIN

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 30

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 kedudukan dan keadaan perpaduan negara nampak semakin longgar dan rapuh. Apakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki situasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun PRU14 telah berlalu dan Kerajaan baharu telah pun dibentuk, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan akan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa

yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik memupuk dan memperteguh perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- c) Mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
 - i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.

- ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- e) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- f) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- g) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- h) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan

mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

- i) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- j) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- k) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Terbentuknya kerajaan baharu sudah pasti membawa harapan dan aspirasi baharu. Namun, kita perlu memberikan masa untuk pentadbiran baru melaksanakannya. Apa yang penting adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik perlu melindungi keamanan dan keharmonian negara dengan mengelak daripada melakukan provokasi dan keganasan yang boleh menimbulkan konflik dan kekacauan. Justeru, tugas paling mendesak untuk semua rakyat

Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan gabungan politik pada masa ini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus dipelihara dan dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

KAWASAN : SARIKEI

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 41

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa ahli politik tidak akan menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik sehingga mengorbankan keharmonian kaum dan agama.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi.

Melihat kepada keadaan semasa di mana polarisasi kaum terus menjadi isu yang serius diperdebatkan, kita tidak sepatutnya membenarkan ahli politik berkempen secara tidak bertanggungjawab untuk memecah-

belahkan rakyat. Kita juga tidak boleh membenarkan hubungan harmoni di antara pelbagai kaum diancam oleh polarisasi perkauman dan politik berlebihan kerana ia boleh membawa kepada pergeseran antara pelbagai kaum di negara ini.

Kerajaan baharu yang dibentuk di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

- a) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.
- b) Menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.
- c) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.

- d) mendakwa di mahkamah mana-mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Walaupun terdapat ideologi politik dan pandangan yang berbeza, kita perlu kekal menghormati dan menghargai antara satu sama lain seperti kebiasaan. Memetik kata-kata seorang aktivis masyarakat yang disegani, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, “apa yang paling diperlukan oleh Malaysia untuk meneutralkan politik kebencian pada masa ini ialah pembina jambatan etnik (bridge builder) dan bukannya wira etnik (ethnic hero)” adalah amat bertepatan sekali untuk kita sama-sama menghayati dan memahami maksud di sebalik kata-kata tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

KAWASAN : PASIR SALAK

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 32

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan hubungan kaum dan menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan rakyat yang bersatu padu.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Hubungan etnik di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik iaanya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan etnik masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.

Kita tidak dapat menafikan bahawa risiko etnik atau sifat perkauman semakin meningkat dalam kempen-kempen pilihan raya oleh parti-parti politik untuk mempertahankan kepentingan mereka sendiri sehingga mampu memusnahkan perpaduan.

Masalah integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan negara yang pernah dijajah. Dasar “pecah dan perintah” yang menjadi polisi British di Tanah Melayu menyebabkan masyarakat berbilang kaum hidup dalam keterasingan. Kesan pelaksanaan dasar ini mempropagandakan idea bangsa sebagai suatu yang semula jadi dan asas kepada perbezaan kemanusiaan.

Hasil kajian beberapa penyelidik daripada universiti-universiti tempatan, merumuskan bahawa hubungan sosial dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia kini mengalami anjakan baharu. Sebelum merdeka, kewujudan pengkhususan ekonomi dan segmentasi tempat tinggal dalam kalangan kumpulan-kumpulan etnik bukan saja mengurangkan peluang-peluang interaksi dan komunikasi antara etnik tetapi telah menimbulkan prasangka etnik, stereotaip dan etnosentrisme dalam kalangan anggota-anggota kumpulan etnik. Pengasingan tempat tinggal mengikut garis kumpulan etnik ini membolehkan anggota tiap-tiap kumpulan memelihara *in-group privacy* daripada kumpulan lain.

Keadaan yang sama dapat dilihat selepas merdeka. Sebahagian besar masyarakat Malaysia masih mempunyai wawasan yang berbelahbahagi (*fragmented vision*) berasaskan kepada perjuangan kaum dan etnik sempit yang boleh menggugat perpaduan dan kesejahteraan hubungan antara kaum.

Senario prejudis antara etnik berlaku apabila sesebuah kumpulan etnik memandang negatif terhadap kumpulan etnik lain. Prejudis yang kuat terhadap kumpulan etnik lain sukar diubah walaupun fakta yang kukuh diberikan bagi membuktikan bahawa pemahaman tersebut adalah tidak benar.

Namun begitu, pasca pilihan raya umum ke-14 (PRU14) membuktikan bahawa blok politik perkauman ini semakin menipis ekoran wujudnya parti politik yang merentasi kepercayaan agama dan sempadan kaum. Banyak parti politik memperjuangkan hak dan membela tiap kaum yang ada di Malaysia. Kesannya, isu-isu sensitif yang timbul kini tidak lagi sekadar menfokuskan terhadap isu agama dan perkauman sepenuhnya, sebaliknya merentasi isu ekonomi dan sosial.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- c) Mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:

- i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataaan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isuisu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- e) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- f) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- g) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164

Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- h) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikatsyarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- i) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanakkanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan mayarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- j) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- k) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanakkanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR

KAWASAN : CAMERON HIGHLANDS

TARIKH : 26 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 16

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan serta mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun PRU14 telah berlalu dan Kerajaan baharu telah pun dibentuk, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan akan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya

berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik memupuk dan memperteguh perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- c) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- d) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.

- e) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- f) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- g) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- h) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- i) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

- j) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Terbentuknya kerajaan baharu sudah pasti membawa harapan dan aspirasi baharu. Namun, kita perlu memberikan masa untuk pentadbiran baru melaksanakannya. Apa yang penting adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik perlu melindungi keamanan dan keharmonian negara dengan mengelak daripada melakukan provokasi dan keganasan yang boleh menimbulkan konflik dan kekacauan. Justeru, tugas paling mendesak untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan gabungan politik pada masa ini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus dipelihara dan dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD

KAWASAN : MERSING

TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 55

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perpaduan dan integrasi nasional menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat Malaysia dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia. Perpaduan dan integrasi nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang keturunan, kaum dan agama merentasi pelbagai sektor

yang turut merangkumi dasar-dasar sosio-ekonomi yang menjanakan pertumbuhan ekonomi, mengagihkan sumber kekayaan negara secara adil, merapatkan jurang antara kaum, jurang sosial dan antara wilayah serta menggalakkan interaksi melalui pendidikan, latihan, program pembangunan belia, wanita dan sukan, serta pelbagai program dan inisiatif bersama-sama dengan NGO, termasuk program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- a) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
- b) Program Silang Budaya
- c) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
- d) Program MyRukun Negara
- e) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- a) Program Integrasi Komuniti
- b) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- c) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat

Pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan golongan remaja dan belia di negara ini seperti Kelab Rukun Negara di sekolah, Sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi dan Jiran Muda di kawasan Rukun Tetangga. Mekanisme ini diperkasakan sebagai ‘platform’ untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak perpaduan di peringkat akar umbi. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan.

Tambahan pula, Kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah seperti yang dirumuskan di bawah :

- i) sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang;
- ii) melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna; dan
- iii) mengwujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari NGO saling mencapai persefahaman.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan serta mewujudkan integrasi nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah keharmonian pelbagai kaum di negara ini masa kini serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan keharmonian ini terus terjamin dari setiap sudut kepada semua kaum supaya setiap rakyat saling memahami serta menghormati hak, kepercayaan dan amalan agama masing-masing walaupun dari pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama yang berbeza.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Hubungan etnik di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan etnik masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat. Ini kerana masalah integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di Malaysia yang rakyatnya terdiri dari

pelbagai kaum, agama dan budaya seperti Malaysia. Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keharmonian antara kaum terus terjamin dari setiap sudut agar rakyat saling memahami dan menghormati hak, kepercayaan dan amalan agama masing-masing. Antara langkah strategik yang diambil oleh PERPADUAN adalah seperti berikut:

- a) PERPADUAN telah mewujudkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) sebagai satu platform bagi mempromosikan keharmonian antara penganut agama di peringkat akar umbi. Usaha jawatankuasa ini tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat kehamonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan program atau aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak Kerajaan.
- b) Melalui JKMPKA juga, pelbagai program dan aktiviti berunsur kemasyarakatan dilaksanakan bertujuan untuk menangani pelbagai sentimen negatif yang bersangkut-paut dengan isu-isu keagamaan. Contoh program dan aktiviti yang dianjurkan oleh jawatankuasa ini adalah Dialog Antara Penganut Agama, Program "Harmony Walk", Forum Keharmonian Antara Penganut Agama, Lawatan ke Rumah Ibadat dan sebagainya yang membuka minda pelbagai penganut yang menyertai program-program sedemikian

bagi memahami, menghormati dan menghargai kepelbagaian yang wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia.

- c) PERPADUAN juga bekerjasama dengan JKMPKA dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia dalam melaksanakan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week*) dalam bulan Februari setiap tahun dan Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) pada November setiap tahun. Kedua-dua program ini diadakan bagi menggalakkan semua negara anggota PBB mempromosikan nilai-nilai sejagat (*universal values*) yang menjadi pegangan semua agama bagi menjalinkan hubungan rapat dan persefahaman antara penganut pelbagai agama serta menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh merosakkan institusi masyarakat.
- d) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang dimanipulasikan dan diviralkan sehingga boleh menyebabkan perpecahan kaum dengan melakukan aktiviti pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara. Melalui khidmat mediasi tersebut, sebarang isu perkauman atau sentimen agama yang timbul di peringkat komuniti dapat dikawal dan diselesaikan sebelum ianya dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sehingga menular menjadi isu besar.
- e) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di

seluruh negara agar mereka dididik dan dibimbing mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat anak-anak supaya mengamalkan keperibadian mulia dengan sifat cintakan tanah air serta boleh menyesuaikan diri untuk hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan budaya.lebih Dalam masa yang sama untuk menggalakkan dan meningkatkan persefahaman dan interaksi dalam kalangan ibu bapa yang terdiri dari pelbagai latarbelakang etnik, agama, budaya dan bahasa, mereka digalakkan untuk menyertai bersama penganjuran aktiviti-aktiviti Kelas Tabika Perpaduan seperti aktiviti gotong-royong bagi menceriakan suasana Tabika Perpaduan ataupun Hari Keluarga.

- f) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) di mana ia merupakan satu platform bagi para mahasiswa untuk menimba pengalaman kerja di samping mempelajari budaya rakan sekerja mereka di syarikat-syarikat tersebut agar mereka lebih memahami secara mendalam mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia apabila melangkah ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar.
- g) Pelajar-pelajar melalui 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan mahasiswa melalui 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara digalakkan melaksanakan pelbagai program di peringkat

sekolah / institusi masing-masing bagi menerapkan pengamalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Melalui platform ini, pelajar-pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti kenegaraan supaya pelajar mempelajari, mengetahui dan menghormati agama, kepercayaan dan adat resam serta kebudayaan kaum lain.

PERPADUAN akan terus melipatgandakan usaha-usaha membina perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia agar rakyat negara ini dapat menghargai perpaduan yang dikecapi selama ini bagi terus menjamin keamanan dan keharmonian negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON

KAWASAN : TEBRAU

TARIKH : 11 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peruntukan geran tahunan RM6,000 kepada setiap KRT akan ditingkatkan memandangkan kos sara hidup telah meningkat dengan kadar yang ketara.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

KRT adalah organisasi sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN), Jabatan Perdana Menteri dan merupakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dibentuk melalui penetapan sesuatu kawasan yang dipohon oleh pemastautin atau penduduk bagi tujuan memupuk, meningkat dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) amat menyedari tentang peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara pada masa ini. Walau bagaimanapun, pada ketika ini, PERPADUAN

masih mengekalkan kadar geran tahunan berjumlah RM6,000 untuk Rukun Tetangga dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah geran tersebut kepada kadar yang lebih sesuai dengan keperluan semasa Rukun Tetangga. Pada masa yang sama, Rukun Tetangga juga disarankan untuk mencari sumber kewangan lain melalui projek mendayaupayakan komuniti. Contohnya, cawangan komuniti di bawah kelolaan Rukun Tetangga seperti Jiran Wanita, Jiran Muda dan Skuad Elite Jiran Wanita (SEJIWA) bersama dengan komuniti setempat didorong untuk terlibat dalam projek ekonomi melalui Koperasi RT bagi tujuan meningkatkan kebolehupayaan KRT menjana ekonomi dan meningkatkan pembangunan komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN NO. 61

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengembalikan kegemilangan dasar perpaduan dan integrasi nasional ketika tahun 1970an hingga 1990an di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kaum yang mana ketika itu rakyat menuju ke arah pembangunan negara secara bersama kini telah dibiarkan terurai hingga timbul kesangsian antara kaum dan agama.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Perpaduan negara adalah elemen penting dalam memacu kestabilan politik dan kemajuan negara. Usaha berterusan telah dilaksanakan untuk menerapkan elemen perpaduan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Era 1970-an hingga 1990-an dilihat sebagai era kegemilangan perpaduan ekoran daripada kesedaran masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk lebih menghargai perpaduan dan keharmonian selepas tragedi rusuhan hitam pada 13 Mei 1969.

Pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk mencapai proses perpaduan ini dan antara dasar utama ke arah membina perpaduan adalah melalui dasar pendidikan yang menekankan keseragaman sistem persekolahan,

Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan kurikulum yang sama untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara. Di samping itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan panduan pembentukan dan pengekalan identiti rakyat Malaysia serta sebagai mekanisme mengukuhkan perpaduan melalui kebudayaan.

Umumnya, semua dasar sedia ada Kerajaan selama ini telah menyokong ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Kerajaan di bawah Malaysia Baharu sentiasa mendokong dan meletakkan perpaduan dan keharmonian sebagai agenda utama. Pelbagai inisiatif baru telah diperkenalkan agar dasar dan polisi Kerajaan lebih inklusif dan memberi peluang yang saksama kepada semua pihak.

Bagaimanapun, senario pada hari ini adalah jauh lebih berbeza dan usaha-usaha pemupukan semangat perpaduan oleh kerajaan berhadapan dengan situasi yang lebih mencabar. Ini kerana gaya hidup masyarakat terutamanya di bandar sentiasa sibuk menjadikan mereka kurang berinteraksi antara satu sama lain dan bersikap individualistik sehingga menyebabkan wujudnya jurang perhubungan antara mereka.

Kemunculan media sosial secara meluas bermula pada era tahun 2000 menjadikan suasana kehidupan masyarakat dunia lebih mencabar. Kecanggihan teknologi ini memungkinkan maklumat dikongsi dengan kadar segera kepada penerima tanpa mengira sempadan lokasi. Bagaimanapun, tindakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang sengaja memainkan isu sensitif seperti sentimen perkauman dan agama lebih mudah ditularkan melalui media sosial telah sedikit

sebanyak mengganggu-gugat perpaduan negara ini sehingga mengakibatkan kesangsian antara kaum dan agama. Justeru itu, penguatkuasaan undang-undang sedia ada dapat memastikan tindakan tidak bertanggungjawab ini dapat dibendung. Pada masa yang sama, masyarakat juga perlu dididik agar menjadi pengguna media sosial yang matang dan lebih bertanggungjawab agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita palsu yang ditularkan.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam usaha memastikan perpaduan terus terpelihara, pelbagai program dan aktiviti baru dirangka sebagai pendekatan baru untuk melaksanakan program ***outreach*** secara lebih berkesan dan bersistematik dengan penglibatan penduduk setempat. Pendekatan “mendamping dan mendidik”, atau ***engage and educate*** diambil oleh pihak PERPADUAN dalam mendepani cabaran mendatang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat jelata. Antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan persefahaman dalam kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama** (JKMPKA) yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan dalam kalangan penganut-penganut agama.

- b) Menyebarluaskan pendidikan pendamaian dalam kalangan komuniti agar melakukan pencelahan atau intervensi terhadap konflik atau perselisihan antara dua pihak dalam komuniti setempat. Untuk mencapai objektif ini, PERPADUAN melatih pasukan **Mediator Komuniti** sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat dalam menangani sebarang konflik di peringkat komuniti agar isu-isu perkauman dan sensitiviti agama dapat dibendung sebelum ianya menular menjadi isu lebih besar.
- c) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di 103 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar sehingga 2018 yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- d) Pengiktirafan sebagai **Rakan Perpaduan** kepada rakan strategik Jabatan yang telah banyak menyokong dan bekerjasama dalam melaksanakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan Perpaduan ini terdiri daripada badan korporat/swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Menyedari akan kepentingan generasi muda sebagai barisan kepimpinan negara di masa hadapan, PERPADUAN telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menanamkan semangat cintakan

perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan remaja melalui inisiatif berikut:

- a) Mendidik asas silang budaya melalui **Modul Silang Budaya** yang diperkenalkan kepada pelajar dan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaian tersebut.
- b) Pengamalan dan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **My Rukun Negara** yang diperkenalkan di 1,781 **Tabika Perpaduan** dan 6,458 **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan peringkat menengah serta 164 **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.
- c) **Program Latihan Industri Perpaduan** terdiri daripada **PLIP Fasa 1** yang memberi peluang penempatan latihan industri kepada pelajar Bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bukan Bumiputera. Manakala, **PLIP Fasa 2** menempatkan pelajar bukan bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bumiputera. Pelaksanaan program ini sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar sokongan dan kerjasama semua rakyat jelata dapat diteruskan agar keharmonian dan perpaduan negara

dapat terus dipertahankan demi keamanan negara ini dan kesejahteraan hidup semua rakyat dan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI**

KAWASAN : JELUTONG

SOALAN NO. 403

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memupuk sikap toleransi dan perpaduan kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :

- 1) Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanupulasikan sehingga menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum.

Justeru, JKMPKA diwujudkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat. JKMPKA juga mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.

- 2) Satu Pelan Strategik telah dibangunkan oleh JKMPKA yang menggariskan mengenai pengurusan isu dan penganjuran program yang merangkumi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.
- 3) Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan PERPADUAN. Pada tahun 2018, JKMPKA dengan kerjasama PERPADUAN dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dengan melibatkan seramai 6,000 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.
- 4) PERPADUAN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan program di peringkat Kebangsaan seperti Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week – WIHW*) dan Hari Toleransi Sedunia (*International Day for Tolerance*) di mana kedua-dua

sambutan ini telah diisyiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah toleransi, keharmonian dan keamanan sejagat.

5) Penganjuran program-program ini menunjukkan bahawa:

- i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
- ii) Ianya juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing seperti amalan bertoleransi dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.
- iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap toleransi serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.

Penghayatan terhadap mesej yang telah disampaikan semasa pelaksanaan program-program ini hanya boleh dihayati dengan baik dan dirasai oleh masyarakat peringkat akar umbi jika semua pihak memainkan peranan terutamanya pihak media harus berganding bahu dengan pihak kerajaan bagi meningkatkan usaha mereka dalam

menyemarakkan semangat perpaduan melalui hebahan dan promosi yang dibuat agar mesej perpaduan dan kebersatuan yang ingin diwar-warkan dapat difahami, dihayati dan diamalkan bersama oleh semua lapisan masyarakat Malaysia tanpa sebarang prejudis dan sikap *ethnocentrism*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

KAWASAN : BATU GAJAH

SOALAN NO. 431

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap integrasi nasional yang telah dicapai oleh negara kita. Apakah tindakan-tindakan yang wajar diambil terhadap mana-mana pihak yang mengungkit sentimen perkauman dalam usaha merosakkan perpaduan, keharmonian dan keselamatan negara.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dinafikan bahawa perbezaan dari segi etnik, agama, budaya kadang-kala membawa kepada perbezaan pandangan yang mencetuskan perselisihan dan sengketa, yang selanjutnya menjadikan keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat serta integrasi nasional.

Sejak tahun 2018 di mana negara menyaksikan perubahan Kerajaan dalam Pilihanraya Umum Keempat Belas yang berlangsung pada bulan Mei 2018, beberapa isu telah muncul yang menimbulkan kebimbangan, kerisauan dan rasa tidak senang hati di antara kaum-kaum di Malaysia.

Tambahan pula, sikap netizen yang suka menularkan berita palsu dan fitnah menerusi media sosial menjadi cabaran besar dalam mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Mengambil kira perkembangan kurang sihat ini, sedikit sebanyak telah mengganggu integrasi nasional walaupun Malaysia menduduki tempat ke-25 dalam Indeks Keamanan Dunia ataupun *Global Peace Index* pada tahun 2018 berbanding dengan kedudukan ke-29 pada tahun 2017. Pelbagai usaha telah dan sedang berlangsung untuk menangani beberapa isu antara kaum yang dilihat sebagai rumit dan kompleks dan telah berbahang sebelum bermulanya tahun 2019. Pengurusan isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan keterbukaan minda, sikap positif, pendekatan yang membina dan sokongan efektif dari semua pihak, khasnya pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat.

Fokus Kerajaan baharu pada hari ini adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib pribumi dan rakyat Malaysia pelbagai bangsa, agar pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama. Kerajaan baharu yang terpilih dalam pilihan raya Umum ke-14 (PRU14) lalu amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat, selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti. Justeru, kerajaan baharu sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui tindakan-tindakan berikut:

- a) melaksanakan aktiviti intervensi agar dapat mengingatkan pihak yang mengungkit sentimen perkauman supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka dan menekankan bahawa setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakiti hati mana-mana kumpulan kaum dan pengikut agama.
- b) menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutamanya dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.
- c) mengendalikan program-program silang budaya bagi menerapkan sikap saling menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan bagi meneutralkan politik kebencian.
- d) meyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik memandangkan ianya tidak memanfaatkan mana-mana pihak dan sebaliknya mengundang konflik perkauman.
- e) memperkenal dan melancarkan kempen kesedaran dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada

rakyat terhadap proses pembinaan negara yang berterusan di mana PERPADUAN dengan aktif mempromosikan ‘Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian’ supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya agar dapat menghindari dari mengungkitkan sebarang sentimen perkauman.

- f) mendidik pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi agar sentiasa bersikap positif dan rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan di antara agama dan etnik agar tiada pihak yang berasa kurang puashati sehingga mengungkitkan sentimen perkauman.
- g) mendakwa di mahkamah mana-mana pihak yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Walaupun terdapat ideologi politik, pandangan dan pegangan agama yang berbeza, kita perlu kekal menghormati dan menghargai antara satu sama lain seperti kebiasaan kerana kita hidup dalam kalangan masyarakat majmuk dan menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia untuk mempelajari dan memahami sensitiviti kaum dan agama kelompok masyarakat lain di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 14

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan dan program-program sedia ada oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan apakah impak dan kejayaannya setakat ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejak merdeka lagi, negara kita telah terbina sebagai sebuah negara yang bertuah kerana memiliki rakyat yang majmuk iaitu kepelbagaian masyarakatnya yang terdiri dari latar belakang keturunan, kaum, agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Para pemimpin negara yang terdahulu telah mentadbir negara ini dengan berteraskan semangat perpaduan bagi menjamin kebebasan, keadilan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk terus memastikan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Mengambil jejak sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan juga tidak terkecuali dalam memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini menjadi agenda utama negara. Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab. Lebih penting lagi, Kerajaan semasa bertekad akan memastikan semua rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini dapat berkongsi hasil kemakmuran dan kemajuan negara secara adil dan saksama.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil dan memperkasakan beberapa inisiatif bagi mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan semasa seperti berikut:-

- f) Program Sayangi Komuniti (PSK) yang dilaksanakan di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Umpamanya, pelaksanaan PSK membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

- g) Program-program Detik-Detik Kebersatuhan (*Moments of Unity*) yang telah dilaksanakan oleh PERPADUAN melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela serta badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu usaha ke arah mengintegrasikan masyarakat di Semenanjung. Program ini bertujuan mengingatkan seluruh rakyat agar terus bersatu-padu, saling menerima dan berhubung mesra dalam apa jua keadaan tanpa mengira kaum.
- h) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.
- i) Pelbagai aktiviti telah disusun melalui penganjuran program 1SRN 1Komuniti yang merupakan kerjasama antara PERPADUAN dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana mahasiswa dari institut pengajian tinggi awam dan swasta berpeluang mendekati dan menabur bakti kepada komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan keprihatinan generasi muda. Antara pengisian program tersebut yang memanfaatkan komuniti setempat adalah seperti:

- Membaik pulih rumah penduduk yang usang
- Pendawaian elektrik dalam rumah penduduk
- Khidmat jagaan warga emas
- Kelas motivasi dan tuisyen percuma kepada pelajar sekolah
- Aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan perumahan

Jabatan juga melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian antara kaum. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Pengajuran Dialog Keharmonian Antara Agama yang melibatkan perkongsian nilai-nilai murni dan amalan-amalan terbaik (*best practices*) antara agama;
- b) Sambutan Hari Toleransi Sedunia (*International Tolerance Day*) yang diadakan pada 16 November setiap tahun memberi fokus ke arah mendidik masyarakat ke arah persefahaman, keharmonian dan keamanan sejahtera melalui pengamalan sikap kerjasama dan penerimaan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama; dan
- c) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World International Harmony Week*) yang disambut pada 1 - 7 Februari setiap tahun bertujuan mewujudkan kesedaran dan kefahaman antara para penganut semua agama akan kepentingan

memelihara keamanan sejagat dan sentiasa menghargai pendamaian dan menolak sebarang unsur yang boleh menggugat keharmonian.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- a) Kerajaan juga melalui PERPADUAN telah merangka *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) sebagai *way forward* untuk mengharungi perubahan global di masa depan yang semakin mencabar dan kini sedang memuktamadkan Pelan Tindakan bagi melaksanakan syor-syor yang telah dikemukakan melalui *Blueprint* tersebut.
- b) PERPADUAN juga sedang dalam proses membangunkan satu instrumen indeks yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.
- c) Penjenamaan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) merupakan usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis

ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN LIM HUI YING

TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 39

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam sektor pendidikan, sektor swasta dan juga sektor perkhidmatan awam untuk memupuk semangat muhibah dan integrasi pelbagai kaum bagi mewujudkan hubungan etnik yang lebih mesra dan harmoni.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memupuk semangat muhibah dan integrasi pelbagai kaum melalui inisiatif di bawah Sektor Pendidikan seperti berikut:

- a) PERPADUAN melalui **1,781** kelas **Tabika Perpaduan** di seluruh negara mengguna pakai silibus Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan yang meletakkan keutamaan perkembangan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Di samping itu, PERPADUAN juga sentiasa berusaha menerapkan semangat muhibah dan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah bermula seawal 4 hingga 6 tahun melalui pengisian aktiviti merangkumi elemen silang budaya dan nilai-nilai perpaduan. Anak-anak ini dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami, menghayati dan meraikan perbezaannya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.

- b) Penubuhan **Kelab Rukun Negara** (KRN) di sekolah rendah dan menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama erat Kementerian Pendidikan Malaysia. PERPADUAN dari masa ke semasa sentiasa memantau dan mengukur keberkesanannya pelaksanaan pelbagai program yang menyasarkan kepada golongan remaja dan belia melalui penubuhan 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pengajian Tinggi. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan serta menyemaikan rasa cinta kepada negara.
- c) Mendidik asas silang budaya melalui **Modul Silang Budaya** yang diperkenalkan kepada pelajar dan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini

merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaian tersebut.

PERPADUAN sebagai agensi peneraju yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian sentiasa bergerak bersama-sama dan mendapat sokongan dari Sektor Swasta, melalui inisiatif seperti berikut:

- a) Mengadakan jalinan kerjasama dengan **Rakan Perpaduan** yang merupakan rakan strategik PERPADUAN yang telah banyak menyokong dan membantu dalam menjayakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan Perpaduan ini terdiri daripada badan korporat/swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka. Jaringan dan kerjasama strategik bersama pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.
- b) **Program Latihan Industri Perpaduan** terdiri daripada **PLIP Fasa 1** yang memberi peluang penempatan kepada pelajar Bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bukan Bumiputera. Manakala, **PLIP Fasa 2** menempatkan pelajar bukan bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bumiputera. Pelaksanaan program ini

sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum. Pelaksanaan PLIP dilaksanakan dengan jayanya di atas sokongan dan komitmen dari sektor swasta yang terdiri dari syarikat bukan bumiputera dan syarikat di bawah GLC. Seramai lebih dari 1,000 pelajar terlibat dalam program ini setiap tahun.

Di samping itu, PERPADUAN juga sentiasa komited dalam memastikan nilai-nilai perpaduan dan integrasi diterapkan di dalam sektor perkhidmatan awam melalui program-program berikut:

- a) **Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam** memberi peluang kepada Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam untuk lebih mengenali dan memahami adat budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Pengisian program ini disusun untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional bagi memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan.
- b) **Program My Rukun Negara** dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang bertujuan untuk menyuburkan amalan dan pembudayaan prinsip Rukun Negara kepada mahasiswa yang merupakan barisan pemimpin masa depan negara. PERPADUAN juga telah mengambil langkah awal dengan menekankan pelaksanaan Program My Rukun Negara di

peringkat Institut Pendidikan Perguruan sebagai persediaan kepada bakal guru yang akan bertugas sebagai pendidik anak bangsa. Pengisian program ini disusun agar dapat meningkatkan pemahaman, penerimaan dan hormat-menghormati kepelbagaian adat budaya di negara ini kepada bakal pendidik dan guru agar ilmu yang mereka pelajari dapat disampaikan kepada para pelajar mereka untuk turut menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU

TARIKH : 23 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 70

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan strategik Kerajaan dalam memastikan perpaduan kaum dapat dijadikan agenda segar membumi, pada masa yang sama sebarang unsur yang menggugat perpaduan ini ditangani secara tegas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dari masa ke semasa sentiasa menyusun perancangan strategik bagi terus memelihara dan mengekalkan keharmonian antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Antara inisiatif dan strategi strategik yang telah dirancang adalah seperti berikut:-

- a) Menjenamakan semula Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) di mana ianya akan menjadi satu platform ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat kerajaan baharu untuk mewujudkan urus tadbir negara yang baik, progresif dan inklusif ke arah menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama;

- b) Cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony Reconciliation Commission*) bagi menangani isu-isu sensitif yang timbul akibat kesalahfahaman antara masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, etnik, agama, keturunan dan budaya. Penubuhan suruhanjaya ini dapat mengatasi isu dan sentimen perkauman yang cuba dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu bagi kepentingan sendiri bagi memecah-belahkan rakyat;
- c) Pembangunan Instumen Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang meliputi seperti tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos

bangsa, tadbir urus dan pembangunan, kesepaduan sosial dan lain-lain lagi yang akan menjadi kayu pengukur kepada tahap perpaduan negara ini. Indeks ini akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak;

- d) Menjadikan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama dengan meningkatkan bilangan mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum;
- e) Pemerkasaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui langkah meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar mereka dapat berkhidmat kepada komuniti tanpa sebarang prejedis dan prasangka sesama mereka agar selari dengan usaha kerajaan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdikari, inovatif dan kreatif. Selain itu, Jabatan juga telah membuat anjakan paradigma dengan mengadakan kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pelbagai pertubuhan, badan bukan kerajaan (NGO), kelab dan sektor swasta, institusi pengajian tinggi bagi memastikan mereka dapat menyumbang dengan melakukan

usaha-usaha mempromosikan perpaduan sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka melalui pelaksanaan pelbagai program seperti dialog antara penganut agama, larian perpaduan, pemberian pengiktirafan terhadap ikon-ikon perpaduan, hari toleransi, anugerah Rukun Tetatangga, MyHero Awards;

- f) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga komited dalam terus menerajui pendidikan perpaduan memandangkan inisiatif-inisiatif pemupukan perpaduan bermula di peringkat pra-sekolah lagi. Jabatan bercadang meningkatkan kualiti guru-guru di Tabika dan Taska Perpaduan melalui latihan yang lebih komprehensif agar mereka dapat mendidik anak-anak kecil sejak di bangku sekolah lagi untuk menghargai perpaduan yang merupakan hadiah yang tidak ternilai terutamanya di negara ini yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai keturunan kaum, agama dan budaya. Ini kerana sekiranya anak-anak dipupuk dengan pengamalan nilai-nilai murni sejak kecil seperti sikap saling hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, bersifat patriotik dan menghargai kepelbagaian masyarakat yang wujud di Malaysia, nescaya sentimen-sentimen perkauman tidak lagi akan menggugat generasi akan datang dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita yang diviralkan dan anasir-anasir yang jahat;
- g) Meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40)

bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Pelaksanaan PSK telah mencapai sasaran sebanyak 103 lokasi sehingga tahun 2018 dan akan diteruskan di 49 lokasi baru yang disasarkan pada tahun 2019 dan 48 lokasi baru pada tahun 2020 bagi membolehkan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial; dan

- h) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) turut diteruskan kerana ia merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan muda melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2018, seramai 5,218 orang pelajar telah menyertai program ini.

PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan

bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. NUING JELUING
TARIKH : 24 APRIL 2019 (RABU)
SOALAN NO : 28

DR. NUING JELUING minta **PERDANA MENTERI** menyatakan atas sebab apa Malaysia tidak mengesahkan ICERD. Apakah sebab-sebab keputusan tersebut. Apakah kesan negatif dan positif kepada Malaysia dengan tidak mengesahkan konvensyen ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara merdeka sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang belum meratifikasinya lagi.

Antara sebab-sebab Malaysia tidak mengesahkan konvensyen ICERD adalah:

- a) terdapat bantahan daripada rakyat yang tidak memahami secara jelas dengan isi kandungan ICERD; dan
- b) Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, agama dan sebagainya dan perkara yang hendak diratifikasi ini adalah perkara yang rumit dan memerlukan penerimaan rakyat khasnya berhubung kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain seperti mana yang terdapat di dalam Perkara 153.

Salah satu kelebihan ICERD kepada negara-negara yang meratifikasinya adalah ia membuktikan suatu komitmen kukuh serta obligasi sesebuah negara mematuhi semua artikel di dalam ICERD dan memberi perlindungan kepada mana-mana golongan minoriti atas dasar hak kesaksamaan yang ditekankan dalam ICERD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK KESAVADAS A/L
ACHYUTHAN NAIR**

TARIKH : 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO : 52

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan dan mengeratkan perpaduan antara etnik/masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun PRU14 telah berlalu dan Kerajaan baharu telah pun dibentuk, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan akan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya

berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik memupuk dan memperteguh perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- c) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- d) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.

- e) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- f) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- g) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- h) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- i) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-

kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Terbentuknya kerajaan baharu sudah pasti membawa harapan dan aspirasi baharu. Namun, kita perlu memberikan masa untuk pentadbiran baru melaksanakannya. Apa yang penting adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik perlu melindungi keamanan dan keharmonian negara dengan mengelak daripada melakukan provokasi dan keganasan yang boleh menimbulkan konflik dan kekacauan. Justeru, tugas paling mendesak untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan gabungan politik pada masa ini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus dipelihara dan dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 25 APRIL 2019 (KHAMIS)
SOALAN NO : 58

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan memelihara perpaduan dalam negara ini memandangkan hari ini semakin ramai memiliki pemikiran ekstremis disebabkan media sosial dan sebagainya.

Jawapan:

Yang Di-Pertua,

Kita perlu sedar bahawa beberapa isu sensitif yang berunsurkan kaum dan agama telah menimbulkan kejutan kepada rakyat hari ini. Kita menyedari bahawa aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkuuhkan.

Isu-isu sensitif ini perlu diuruskan dengan baik kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Kebebasan bercakap terutamanya melalui media sosial menyebabkan rakyat tidak peduli lagi apa yang dibicarakan sehingga ke tahap mempersendakan agama, bahasa dan kaum.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) mendidik pengguna dan pengendali aplikasi media sosial supaya mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan beretika ketika menggunakan aplikasi tersebut dan tidak menggunakan media sosial untuk mencetuskan sentimen perkauman, menabur fitnah, meracuni fikiran masyarakat sehingga merosakkan ketenteraman awam.
- b) menguatkuaskan undang-undang yang boleh diguna bagi mengawal selia penggunaan Internet dalam negara kita seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286) serta Kanun Keseksaan (Akta 574).
- c) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional di dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- d) menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret

untuk mempromosikan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- e) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi:
 - i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- f) memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- g) melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.

- h) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- i) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- j) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- k) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.
- l) menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- m) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk

sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO : 83

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah jawatankuasa khas dan baru mempromosikan keamanan, perpaduan antara kaum serta agama ini juga mempunyai ruang memberi pandangan atau nasihat mengenai perkara keharmonian kaum termasuk fatwa bagi agama Islam serta agama lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010 di mana keanggotaannya terdiri seramai tiga puluh dua (32) orang. Seramai tujuh (7) orang daripadanya adalah wakil pemimpin agama utama di Malaysia iaitu mewakili agama Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Taoist, Sikh dan Baha'i. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh pakar akademik universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), wakil belia dan individu. Seramai dua (2) orang YB Menteri Penasihat yang bertanggungjawab memastikan JKMPKA ini berfungsi seperti mana hasrat Kerajaan adalah YB Menteri Hal Ehwal Agama dan YB Menteri Perpaduan Negara dan

Kesejahteraan Sosial di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala tiga (3) agensi yang terlibat secara langsung sebagai Sekretariat Bersama melaksanakan urustadbir JKMPKA ialah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Peranan dan fungsi JKMPKA ini adalah tertumpu kepada meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat pelbagai kaum, mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai-nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama pihak-pihak Kerajaan.

JKMPKA mempunyai tanggungjawab seperti berikut:-

- a) Mewujudkan, menggalakkan dan memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta pengikut pelbagai agama agar terbina jambatan persahabatan berteraskan semangat saling hormat-menghormati dan percaya mempercayai serta bekerjasama di semua peringkat kepimpinan serta akar umbi;
- b) Menggalakkan semua penubuhan agama menghormati serta patuh kepada Perlumbagaan Persekutuan khususnya yang berkaitan agama;
- c) Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama dan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat agar menjadi sumber kekuatan negara;

- d) Melaksanakan secara bersama aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebijakan dan pendidikan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan harmoni;
- e) Bertindak sebagai mekanisme dan melaksanakan aktiviti intervensi iaitu secara kaedah mediasi (pengantara) apabila isu keagamaan, salah faham atau pertelingkahan antara penganut pelbagai agama mulai merebak dan berpotensi menjadi isu yang mungkin mengancam keharmonian masyarakat dan ketenteraman negara; dan
- f) Berusaha memastikan semua pertubuhan dan badan agama mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan di semua peringkat sama ada pusat negeri ataupun Persekutuan.

Berdasarkan tanggungjawab ini, JKMPKA berperanan untuk mempromosikan persefahaman antara penganut pelbagai agama dan sebaliknya tidak diberikan mandat untuk mengeluarkan sebarang dasar atau fatwa yang berkaitan agama Islam atau mana-mana agama lain. Fatwa berkaitan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Fatwa Kebangsaan manakala Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah menyediakan Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia.

Walau bagaimanapun, keanggotaan JKMPKA boleh berkongsi pandangan di atas platform forum, dialog, ceramah dan sebagainya untuk memberi pencerahan tentang sesuatu isu kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai penganut agama di Malaysia, namun

harus berhati-hati agar kenyataan tersebut tidak memihak kepada mana-mana agama tertentu. Selain itu, JKMPKA juga aktif mendampingi pelbagai agensi Kerajaan dan Kementerian yang berkaitan bagi membantu permasalahan penganut agama atau paderi, sami mahupun guru agama. Adalah wajar pendampingan seperti ini diteruskan malah dipertingkatkan. JKMPKA juga mencapai prestasi positif apabila Kerajaan berusaha menyediakan pelbagai platform yang bersesuaian untuk mempertingkatkan tahap keharmonian antara penganut agama. Setiap isu sensitif dibincangkan dengan matang dan berjaya mencapai titik persefahaman. Sehingga kini, fungsi JKMPKA masih relevan dan akan ditambahbaik untuk disesuaikan mengikut perubahan masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN

TARIKH : 25 APRIL 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO : 93

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skor ataupun indeks perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia pada tahun ini dan perbandingannya dengan tahun-tahun sebelum ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kumpulan pakar penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedang membangunkan instrumen Indeks Perpaduan Nasional dan dijangka siap pada tahun ini.
2. Kajian pembangunan dan penghasilan indeks yang pertama ini adalah usaha komprehensif untuk membangunkan satu alat pemantauan peringkat nasional yang berfungsi sebagai instrumen bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara. Justeru, buat masa ini tiada sebarang skor yang direkodkan memandangkan indeks ini masih dalam proses pembangunan.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mewujudkan suatu petunjuk yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau “*Societal Stress Index (SSI)*”.
4. IKM dibangunkan bertujuan merekodkan jumlah bilangan kes keganasan, rusuhan, bilangan percaduhan dan serangan, bilangan demonstrasi dan protes secara berkumpulan serta bilangan isu-isu polemik yang dibahaskan dan dilaporkan dalam media massa yang diberi penentuan pemberat (*weightage*) tertentu. Jumlah kes ini kemudiannya dibahagi dengan jumlah sejuta penduduk untuk mendapatkan indeks bilangan kes per sejuta penduduk.
5. Pada tahun 2015, IKM direkodkan pada tahap 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk, tahun 2016 direkodkan pada tahap 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk dan pada tahun 2017 pula, terdapat sedikit peningkatan iaitu direkod pada tahap 11.5 kes bagi setiap sejuta penduduk iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Peningkatan ini merujuk kepada insiden-insiden yang dilaporkan menjelang suku tahun ke-4 seperti protes dan pertikaian mengenai isu-isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Isu penyampaian perkhidmatan, isu kerajaan dan isu agama mendominasi isu-isu sepanjang tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, IKM direkodkan pada tahap 11.6 kes bagi setiap sejuta penduduk akibat beberapa siri demonstrasi dan protes yang diadakan seperti perhimpunan anti-ICERD dan rusuhan kaum akibat insiden di Kuil Sri Maha Mariamman di Seafield, USJ,

Selangor. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL dan STABIL**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM**

TARIKH : 29 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO : 39

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan merangka sebarang pelan tindakan untuk mengembalikan keharmonian serta perpaduan di antara kaum yang kini semakin tegang dan apakah status penubuhan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi.

Perpaduan nasional bukanlah satu anugerah semata-mata, malah ia harus dibina, diurus dan diselenggara dengan baik agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Ikhtibarnya, kita semua perlu berganding bahu dan bersatu tenaga bersama-sama Kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif dan membina bagi memastikan

perpaduan dan keharmonian di negara ini akan terus kekal dan terpelihara.

Justeru bagi mengukuhkan keharmonian dan perpaduan antara kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah merangka pelan tindakan yang meliputi usaha-usaha seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama sebagai usaha ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sedang dalam fasa akhir dalam proses penjenamaan MKPN kepada MPKR di samping sedang dalam proses mengenalpasti dan memuktamadkan pemilihan ahli-ahli yang akan menganggotai MPKR bagi memastikan individu yang berpengalaman serta komited terhadap perpaduan negara dan kesejahteraan sosial rakyat dipilih agar mereka mempunyai kredibiliti, bersifat inklusif, terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat.

Pelantikan Ahli Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) akan dibuat secara pentadbiran setelah berunding dan dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri kelak.

- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- c) Meneliti secara mendalam model yang digunakan di negara luar bagi penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
 - i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubung dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) Pembangunan Instumen Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat

memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak.

- e) Menggunakan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama melalui khidmat 1,130 orang mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum.
- f) Mengadakan kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mengelakkan dari bekerja secara silo dengan membuat hebahan kepada komuniti di peringkat akar umbi dan kawasan kejiranan mengenai Program Advokasi iaitu ‘Klik Dengan Bijak’ dan Kesejahteraan Siber (*Cyber Wellness*) iaitu pendedahan berkaitan dengan ketagihan dan perlindungan kanak-kanak dalam talian. Di samping itu, bekerjasama dalam pemberian latihan teknikal kepada pelbagai pihak berkepentingan seperti pemegang taruh, badan sivil (CSO) dan komuniti setempat yang mempunyai hubungan kerja rapat dengan PERPADUAN untuk membolehkan laporan terus dibuat oleh masyarakat kepada pembekal platform (*platform providers*) seperti *facebook* atau blog palsu bagi membangunkan pengguna media sosial yang lebih beretika dan bertanggungjawab

terutamanya dalam menangani dan menguruskan masalah penyalahgunaan media sosial yang semakin meningkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 30 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 50

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prinsip yang dijadikan asas bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan sesama kaum dan antara kaum di negara ini.

JAWAPAN

Yang di Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa membina dan mengekalkan asas perpaduan yang kukuh menjadi satu cabaran dan tekad yang perlu diteruskan demi masa depan negara. Ini kerana masalah integrasi sesama kaum dan antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di negara kita. Bagi memelihara dan mengekalkan perpaduan yang kukuh ini, rakyat Malaysia perlu terus menjadikan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai pegangan asas supaya dapat hidup di negara ini dengan aman dan damai.

Rukun Negara yang telah diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan mencapai satu pegangan atau pengertian terhadap aspirasi nasional antara pelbagai kaum di Malaysia tanpa mengira asal usul dan keturunan masing-masing. Matlamat asas penciptaan Rukun Negara ini

adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya di mana perbezaan agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepadan sosial malah seharusnya menjadi pedoman hidup bermasyarakat yang menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing, melahirkan kesetiaan kepada pemimpin dan negara serta menjulang undang-undang negara di samping mengamalkan keperibadian diri yang tinggi. Konsep dan matlamat yang terdapat dalam ideologi negara ini harus difahami dan dihayati bersama oleh rakyat Malaysia bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Lima prinsip Rukun Negara tersebut sebenarnya adalah satu falsafah dan ideologi negara yang menekankan kepada dasar kesatuan, perpaduan bangsa serta pedoman kepada kehidupan semua masyarakat pelbagai kaum dan budaya di negara ini.

Justeru, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sentiasa berusaha dan mengambil langkah untuk menerapkan setiap prinsip Rukun Negara di dalam aktiviti/program yang dijalankan. Antara program yang dilaksanakan oleh PERPADUAN adalah:

1) Pendidikan melalui Tabika Perpaduan

Seramai 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun dididik dan dibimbing melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara untuk menguasai prinsip asas Rukun Negara ini. Kanak-kanak ini diajar untuk mengenal kepelbagaiannya yang wujud dalam

masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat anak-anak supaya mengamalkan keperibadian mulia.

- 2) Penubuhan Kelab Rukun Negara (peringkat sekolah) dan Sekreteriat Rukun Negara (peringkat universiti)

Para pelajar melalui 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan mahasiswa melalui 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara digalakkan melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah / institusi masing-masing bagi menerapkan pengamalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Melalui platform ini, pelajar-pelajar didedahkan kepada pelbagai aktiviti kenegaraan supaya pelajar mempelajari, mengetahui dan menghormati agama, kepercayaan dan adat resam serta kebudayaan kaum lain bagi meraikan perbezaan yang wujud di antara mereka.

- 3) Pelaksanaan aktiviti promosi melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)

Selaras dengan prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu “Kepercayaan kepada Tuhan”, PERPADUAN telah mewujudkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) sebagai satu platform bagi mempromosikan keharmonian antara penganut pelbagai agama di peringkat akar umbi. Usaha jawatankuasa ini tertumpu kepada

meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat kehamonian agama dan ketenteraman masyarakat, mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan program atau aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak Kerajaan bagi menjalin hubungan baik dan mengurangkan prejedis dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Selain melalui usaha-usaha ini, PERPADUAN akan sentiasa berusaha untuk menerapkan setiap prinsip Rukun Negara ini melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela secara berterusan.

Penerapan prinsip Rukun Negara ini perlu dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan di Malaysia supaya rakyat negara ini memahami dan menghayati setiap prinsip Rukun Negara dan menjadikannya sebagai amalan dalam hidup bermasyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR**

TARIKH : 30 APRIL 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 83

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil dan sejauh manakah kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan serta badan-badan swasta dan penduduk amnya telah menggunakan **aktiviti sukan** sebagai saluran untuk memupuk perpaduan kaum di negara ini. Jika ada, sejauh manakah keberkesanannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti sukan merupakan satu kegiatan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan hidup seseorang manusia. Ia memberikan manfaat dari pelbagai sudut iaitu dari sudut kesihatan, keseronokan, pengisian masa lapang secara berfaedah serta memupuk semangat bekerjasama sebagai satu pasukan. Aktiviti sukan mampu menjadi satu usaha penyatuan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini disebabkan minat yang sama. Buktinya boleh dilihat apabila masyarakat pelbagai kaum boleh duduk bersama-

sama di dalam stadium ataupun bersorak di kedai mamak tanpa mengira kaum untuk kemenangan pasukan yang disokong.

Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah menjadikan aktiviti sukan sebagai satu kaedah untuk mencapai perpaduan di peringkat akar umbi. Pada tahun 2018, PERPADUAN melalui jentera Rukun Tetangga telah menjalankan sebanyak 3,737 aktiviti sukan di peringkat akar umbi. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti Larian Perpaduan, Marathon, Jogathon, bowling perpaduan, futsal, bola sepak, bola jaring, sukan perpaduan, sukan rakyat dan lain-lain lagi. Rukun Tetangga juga turut melaksanakan aktiviti '*indoor game*' seperti permainan karom, dam, catur dan lain-lain lagi. Tujuannya adalah untuk meningkatkan penyertaan peserta dalam aktiviti perpaduan kerana sukan mampu menarik minat pelbagai peringkat umur masyarakat. Pelaksanaan program ini adakalanya mendapat kerjasama dari Kementerian Belia dan Sukan, agensi-agensi lain dan pihak swasta.

Selain dari aktiviti di atas, PERPADUAN sehingga kini melalui jentera Rukun Tetangga masih menjalankan aktiviti sukan sempena sambutan Hari Sukan Negara yang mana program ini merupakan program yang dicetuskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Pelaksanaan pelbagai aktiviti sukan tersebut mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat tempatan. Baru-baru ini, PERPADUAN dengan kerjasama KRT Tampin, Negeri Sembilan juga turut terlibat dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti sukan rakyat sebagai memberikan sokongan kepada Program Le Tour de Langkawi anjuran Kementerian Belia dan Sukan bagi menarik penyertaan lebih ramai pengunjung ke program ini.

Hubungan dan kerjasama strategik antara PERPADUAN dengan beberapa pihak swasta seperti *Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (ACCCIM), *National Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia* (NCCCIM), *Kuala Lumpur Selangor Chamber of Commerce and Industry* (KLSCCI) dan *Malaysian Retail Chain Association* (MRCA) juga telah berjaya menyuntik kesedaran dan semangat perpaduan di kalangan pihak-pihak swasta untuk mengambil inisiatif sendiri menganjurkan beberapa aktiviti sukan seperti *Unity Run, Bicycle Ride in Putrajaya* dan *Bicycle Ride in Sun Suria City*.

Secara amnya, PERPADUAN melalui jentera Rukun Tetangga dan melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta akan terus melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan faedah kepada masyarakat di peringkat akar umbi termasuk aktiviti sukan dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai agensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terhadap konsep "Malaysia for Malaysian" kerana isu perkauman dan diskriminasi semakin meruncing dalam kalangan anggota masyarakat di negara kita.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Falsafah pentadbiran Kerajaan semasa adalah berlandaskan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara serta visi yang telah dibawa oleh para pejuang negara sebelum ini yang disesuaikan dengan realiti zaman moden dan mendepani cabaran-cabaran mendatang bagi menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Ini adalah selaras dengan perjuangan Kerajaan semasa untuk membawa Malaysia Baharu yang memberi penekanan kepada demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan menghormati kehendak rakyat melalui urus tadbir negara yang baik, inklusif dan progresif.

Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa, dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab.

Kerajaan masih belum membincangkan mengenai konsep “*Malaysian Malaysia*” ini dalam mana-mana platform secara formal dan terbuka sehingga kini memandangkan Kerajaan masih sedang meneliti banyak perkara secara mendalam mengikut keutamaannya bagi memastikan tiada implikasi negatif sekiranya dilaksanakan.

Kerajaan yang mendukung kepada pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sentiasa berusaha memartabatkan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang bertanggungjawab menjaga kepentingan semua kelompok masyarakat Malaysia dan merupakan simbol kepada perpaduan masyarakat Malaysia akan memastikan kepentingan semua kaum di negara ini terus dilindungi dan dijaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ZAHARI BIN SARIP
TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian dalam mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat negara ini yang kelihatan semakin renggang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perpaduan negara adalah elemen penting dalam memacu kestabilan politik dan kemajuan negara. Usaha berterusan telah dilaksanakan untuk menerapkan elemen perpaduan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Umumnya, semua dasar sedia ada Kerajaan selama ini telah menyokong ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Kerajaan di bawah Malaysia Baharu sentiasa mendokong dan meletakkan perpaduan dan keharmonian sebagai agenda utama. Pelbagai inisiatif baru telah diperkenalkan agar dasar dan polisi Kerajaan lebih inklusif dan memberi peluang yang saksama kepada semua pihak.

Bagaimanapun, senario pada hari ini adalah jauh lebih berbeza dan usaha-usaha pemupukan semangat perpaduan oleh kerajaan berhadapan dengan situasi yang lebih mencabar. Ini kerana gaya hidup

masyarakat terutamanya di bandar sentiasa sibuk menjadikan mereka kurang berinteraksi antara satu sama lain dan bersikap individualistik sehingga menyebabkan wujudnya jurang perhubungan antara mereka. Ini ditambah lagi dengan kemunculan media sosial secara meluas di mana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sengaja menularkan isu-isu sensitif seperti sentimen perkauman dan agama melalui media sosial yang telah sedikit sebanyak mengganggu-gugat perpaduan negara ini sehingga mengakibatkan kesangsian antara kaum dan agama.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam usaha memastikan perpaduan terus terpelihara, pelbagai program dan aktiviti baru dirangka sebagai pendekatan baru untuk melaksanakan program **outreach** secara lebih berkesan dan bersistematis dengan penglibatan penduduk setempat. Pendekatan “mendamping dan mendidik”, atau **engage and educate** diambil oleh pihak PERPADUAN dalam mendepani cabaran mendatang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat jelata. Antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan persefahaman dalam kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama** (JKMPKA) yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan dalam kalangan penganut-penganut agama.

- b) Menyebarluaskan pendidikan pendamaian dalam kalangan komuniti agar melakukan pencelahan atau intervensi terhadap konflik atau perselisihan antara dua pihak dalam komuniti setempat. Untuk mencapai objektif ini, PERPADUAN melatih pasukan **Mediator Komuniti** sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat dalam menangani sebarang konflik di peringkat komuniti agar isu-isu perkauman dan sensitiviti agama dapat dibendung sebelum ianya menular menjadi isu lebih besar.
- c) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- d) Pengiktirafan sebagai **Rakan Perpaduan** kepada rakan strategik Jabatan yang telah banyak menyokong dan bekerjasama dalam melaksanakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan Perpaduan ini terdiri daripada badan korporat/swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Menyedari akan kepentingan generasi muda sebagai barisan kepimpinan negara di masa hadapan, PERPADUAN telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menanamkan semangat cintakan

perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan remaja melalui inisiatif berikut:

- a) Mendidik asas silang budaya melalui **Modul Silang Budaya** yang diperkenalkan kepada pelajar dan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaian tersebut.
- b) Pengamalan dan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **My Rukun Negara** yang diperkenalkan di 1,781 **Tabika Perpaduan** dan 6,458 **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan peringkat menengah serta 164 **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.
- c) **Program Latihan Industri Perpaduan** terdiri daripada **PLIP Fasa 1** yang memberi peluang penempatan latihan industri kepada pelajar Bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bukan Bumiputera. Manakala, **PLIP Fasa 2** menempatkan pelajar bukan bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bumiputera. Pelaksanaan program ini sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar sokongan dan kerjasama semua rakyat jelata dapat diteruskan agar keharmonian dan perpaduan negara dapat terus dipertahankan demi keamanan negara ini dan kesejahteraan hidup semua rakyat dan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN

TARIKH : 8 MEI 2019 (RABU)

SOALAN NO. : 5

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan integrasi kaum di kalangan komuniti maya di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia. Perpaduan dan integrasi nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Kemajuan teknologi pada masa kini melalui media sosial telah memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih meluas dan pantas merentasi sempadan. Kemudahan ini juga seringkali menjadi medium untuk segelintir individu dan kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk menyebar luas akan bahan berbaur hasutan dan berita palsu yang seringkali boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Namun, Jabatan Perpaduan Negara dan

Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap meneruskan usaha untuk memupuk perpaduan di segenap lapisan masyarakat mahupun di kalangan komuniti maya.

Golongan belia merupakan kumpulan terbesar pengguna media sosial dan mendominasi komuniti maya di negara ini. Oleh yang demikian, PERPADUAN memberi fokus untuk menggalakkan dan memperkasakan penglibatan golongan muda dalam program-program perpaduan agar integrasi antara mereka dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah PERPADUAN dalam memperkasakan golongan belia ini dapat dirumuskan seperti di bawah:

- i. Melibatkan dan memperkasakan penglibatan generasi muda dalam pelbagai program atau aktiviti PERPADUAN
- ii. Memupuk semangat patriotisme dan jati diri di kalangan golongan muda
- iii. Memperkuuhkan penghayatan dan kesedaran cintakan negara dan jati diri di kalangan generasi muda yang berbilang kaum.
- iv. Meningkatkan sebaran maklumat dan hebahan serta mempromosikan mesej-mesej perpaduan menggunakan medium-medium media sosial dengan meningkatkan lagi kerjasama strategik bersama pihak media dan rakan-rakan strategik yang lain.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dan integrasi

nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- a) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
- b) Program Silang Budaya
- c) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
- d) Program MyRukun Negara
- e) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- a) Program Integrasi Komuniti
- b) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- c) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat

Pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Dalam masa yang

sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Tambahan pula, Kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah dalam menyemai perpaduan di kalangan masyarakat umumnya terutamanya golongan belia melalui usaha-usaha seperti:

- i) sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang;
- ii) melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna; dan
- iii) mengwujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari NGO saling mencapai persefahaman.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan serta mewujudkan integrasi nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian

yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT
GHANI @ ABBAS**

TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO : 14

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi dan usaha yang dilakukan Kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang dilihat semakin rapuh.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perpaduan negara adalah elemen penting dalam memacu kestabilan politik dan kemajuan negara. Usaha berterusan telah dilaksanakan untuk menerapkan elemen perpaduan semenjak negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk mencapai proses perpaduan ini dan antara dasar utama ke arah membina perpaduan adalah melalui dasar pendidikan yang menekankan keseragaman sistem persekolahan, Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dan kurikulum yang sama untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara. Di samping itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan panduan pembentukan dan pengekalan identiti

rakyat Malaysia serta sebagai mekanisme mengukuhkan perpaduan melalui kebudayaan.

Umumnya, semua dasar sedia ada Kerajaan selama ini telah menyokong ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Kerajaan di bawah Malaysia Baharu sentiasa mendokong dan meletakkan perpaduan dan keharmonian sebagai agenda utama. Pelbagai inisiatif baru telah diperkenalkan agar dasar dan polisi Kerajaan lebih inklusif dan memberi peluang yang saksama kepada semua pihak.

Bagaimanapun, senario pada hari ini adalah jauh lebih berbeza dan usaha-usaha pemupukan semangat perpaduan oleh kerajaan berhadapan dengan situasi yang lebih mencabar. Ini kerana gaya hidup masyarakat terutamanya di bandar sentiasa sibuk menjadikan mereka kurang berinteraksi antara satu sama lain dan bersikap individualistik sehingga menyebabkan wujudnya jurang perhubungan antara mereka.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memperkasakan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam usaha memastikan perpaduan terus terpelihara, pelbagai program dan aktiviti baru dirangka sebagai pendekatan baru untuk melaksanakan program **outreach** secara lebih berkesan dan bersistematik dengan penglibatan penduduk setempat. Pendekatan “mendamping dan mendidik”, atau **engage and educate** diambil oleh pihak PERPADUAN dalam mendepani cabaran mendatang bertujuan untuk menyatupadukan rakyat jelata. Antara usaha-usaha tersebut adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan persefahaman dalam kalangan penganut agama melalui **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama** (JKMPKA) yang terdiri daripada wakil pemimpin Islam dan bukan Islam seperti Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Baha'i dengan mengadakan dialog-dialog keagamaan dalam kalangan penganut-penganut agama.
- b) Menyebarluaskan pendidikan pendamaian dalam kalangan komuniti agar melakukan pencelahan atau intervensi terhadap konflik atau perselisihan antara dua pihak dalam komuniti setempat. Untuk mencapai objektif ini, PERPADUAN melatih pasukan **Mediator Komuniti** sebagai kumpulan yang dirujuk oleh masyarakat dalam menangani sebarang konflik di peringkat komuniti agar isu-isu perkauman dan sensitiviti agama dapat dibendung sebelum ianya menular menjadi isu lebih besar.
- c) Meningkatkan interaksi komuniti melalui pelaksanaan **Program Sayangi Komuniti** di lokasi miskin bandar dan pinggir bandar yang menyasarkan kepada kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan kepelbagaian kaum bertujuan untuk mengintegrasikan dan menanamkan sikap saling hormat-menghormati dan kerjasama dalam kalangan komuniti setempat.
- d) Pengiktirafan sebagai **Rakan Perpaduan** kepada rakan strategik Jabatan yang telah banyak menyokong dan bekerjasama dalam melaksanakan program perpaduan dan keharmonian. Rakan Perpaduan ini terdiri daripada badan korporat/swasta dan badan bukan kerajaan yang bersedia menyumbang dana dan sumber ke

arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Menyedari akan kepentingan generasi muda sebagai barisan kepimpinan negara di masa hadapan, PERPADUAN telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menanamkan semangat cintakan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan golongan remaja melalui inisiatif berikut:

- a) Mendidik asas silang budaya melalui **Modul Silang Budaya** yang diperkenalkan kepada pelajar dan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah. Pendidikan melalui modul ini merupakan pendedahan kebersamaan untuk membolehkan para pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain serta menerima dan menghargai kepelbagaiannya tersebut.
- b) Pengamalan dan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **My Rukun Negara** yang diperkenalkan di 1,781 **Tabika Perpaduan** dan 6,458 **Kelab Rukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan peringkat menengah serta 164 **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS.
- c) **Program Latihan Industri Perpaduan** terdiri daripada **PLIP Fasa 1** yang memberi peluang penempatan latihan industri kepada pelajar Bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bukan Bumiputera. Manakala, **PLIP Fasa 2** menempatkan pelajar bukan

bumiputera menjalani latihan industri di syarikat bumiputera. Pelaksanaan program ini sebagai kaedah menggalakkan silang kerjaya untuk pengukuhan perpaduan dan menerapkan unsur-unsur silang budaya, pemahaman antara agama, *inter-faith* dan penerimaan antara kaum.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar sokongan dan kerjasama semua rakyat jelata dapat diteruskan agar keharmonian dan perpaduan negara dapat terus dipertahankan demi keamanan negara ini dan kesejahteraan hidup semua rakyat dan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG

SOALAN NO : 43

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan, aktiviti dan reformasi yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam usaha memperkuuhkan perpaduan dan keharmonian negara di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapa

Jawapan:

Yang di-Pertua,

Pentas politik negara buat pertama kalinya menyaksikan satu sejarah baharu tercipta apabila baton kepimpinan negara bertukar tangan dari kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH) selepas 61 tahun pemerintahan BN.

Walaupun kali pertama dalam sejarah negara menyaksikan berlakunya pertukaran kerajaan di peringkat Persekutuan, kematangan rakyat dalam menerima perubahan menjadikan proses peralihan kerajaan berjalan dengan lancar. Peralihan kuasa yang berlaku dalam keadaan tenang selepas PRU-14 membuktikan sikap terbuka pemimpin politik di negara ini yang menerima amalan demokrasi dan sikap rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kedamaian.

Bagi terus memelihara keamanan dan kesejahteraan negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan telah dan sedang melaksanakan beberapa rancangan, aktiviti dan reformasi dalam usaha memperkuuhkan perpaduan dan keharmonian negara. Di antaranya adalah:

- a) memberikan akses awam kepada *Blueprint* - Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) yang telah disiapkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) untuk mendapatkan maklum balas orang ramai sebagai asas dan panduan dalam merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang bersifat holistik, konkret dan inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan bagi menjayakan pelaksanaan PPKPM tersebut.
- b) menjenamakan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- c) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi:

- i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- d) membuat pindaan kepada Akta Rukun Tetangga 2012 bertujuan untuk memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- e) meneruskan pelaksanaan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Di Kalangan Penganut Agama (JKMPKA).
- f) melatih pemimpin masyarakat dengan kemahiran sebagai pengantara (mediator) komuniti untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan

perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi.

- g) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- h) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- i) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.
- j) menyebar luas mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLC dan badan bukan kerajaan (NGO).
- k) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan badan masyarakat sivil (CSO) secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar

seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN

KAWASAN : TAPAH

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 69

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjaskan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- (ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- (iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- (v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- (vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- (viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di

seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.

- (ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat

dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

KAWASAN : KOTA BHARU

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO : 77

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mendidik masyarakat berbilang kaum dan agama terutamanya di kalangan warga maya bagi mencegah perbuatan menghina agama selain daripada penubuhan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia. Perpaduan nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Kemajuan teknologi pada masa kini melalui media sosial telah memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih meluas dan pantas merentasi sempadan. Kemudahan ini juga seringkali menjadi medium

untuk segelintir individu dan kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk menyebar luas akan bahan berbaur hasutan dan berita palsu yang seringkali boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Namun, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap meneruskan usaha untuk memupuk perpaduan di segenap lapisan masyarakat mahupun dalam kalangan komuniti maya.

Kerajaan pada dasarnya telah mengambil langkah proaktif menuju keputusan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 24 Februari 2010 melalui Mesyuarat Jemaah Menteri. Penubuhan JKMPKA ini dianggotai seramai 32 orang iaitu wakil pemimpin agama Islam, wakil pemimpin agama bukan Islam yang menganggotai *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Sikhism, Hinduism and Taoism* (MCCBCSHT), wakil pemimpin agama Baha'i, pakar akademik, belia dan wakil pemimpin agama dari Sabah dan Sarawak.

Fungsi JKMPKA ini antara lainnya ialah membincangkan isu-isu konflik antara penganut agama di platform terbuka dalam ruang yang tertutup. Semua anggota JKMPKA lantikan YAB Perdana Menteri adalah mereka yang berupaya untuk berkongsi pandangan dan menerima pandangan secara optimis serta mempunyai ilmu pengetahuan yang luas berkaitan hal ehwal agama masing-masing.

Selain itu, JKMPKA juga bertanggungjawab untuk mendampingi masyarakat di peringkat akar umbi melalui sesi dialog, forum, ceramah dan sebagainya yang bersesuaian agar masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, adat resam dan budaya ini boleh

menerima dan meraikan perbezaan serta hidup dalam suasana harmoni serta aman damai.

Peranan JKMPKA juga adalah untuk mengendalikan sesi mediasi sebagai salah satu kaedah intervensi jika berlaku suasana ketegangan antara penganut agama atau kaum agar usaha meredakan konflik secara harmoni ini mampu merapatkan semula hubungan antara pihak-pihak yang bertelagah. Usaha murni ini memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi kerana peranan utama JKMPKA ini adalah untuk mempromosikan keharmonian antara kaum dan antara penganut agama di Malaysia.

Selain itu, keanggotaan JKMPKA yang terdiri daripada wakil-wakil kumpulan agama masing-masing juga merupakan kekuatan jawatankuasa ini kerana mereka mudah mengadakan rundingan dan menjalankan hubungan rapat antara kumpulan penganut-penganut agama lain di Malaysia. Wakil-wakil kepimpinan agama dalam JKMPKA adalah berpengetahuan luas, disegani dan mampu memberi pandangan yang berimpak tinggi untuk memastikan para penganut agama memahami kepentingan semangat muhibah dalam kalangan rakyat Malaysia serta kepentingan memahami Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Secara umumnya, peranan JKMPKA untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama serta tindakan penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Hasutan 1948 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 adalah mencukupi dalam usaha Kerajaan memantau serta mengambil tindakan proaktif terhadap individu dan pihak yang cuba untuk mencetuskan

insiden berkaitan penghinaan agama termasuk di alam maya. Peranan pelbagai agensi dan jawatankuasa seperti ini membolehkan tindakan menyeluruh dibuat secara harmoni dan berintegrasi selain dari pengwujudan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM

Terdapat peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunakan oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja.

Pendakwaan juga pernah dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Kedua-dua Akta ini masih relevan dan digunakan jika berlaku perlakuan yang berunsurkan provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari

semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH

KAWASAN : [LEDANG]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan bagaimanakah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara berjaya mengurangkan isu-isu perkauman dan agama.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi.

Perpaduan nasional bukanlah satu anugerah semata-mata, malah ia harus dibina, diurus dan diselenggara dengan baik agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Ikhtibarnya, kita semua perlu

berganding bahu dan bersatu tenaga bersama-sama kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif dan membina bagi memastikan perpaduan dan keharmonian di negara ini akan terus kekal dan terpelihara.

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara telah ditubuhkan pada bulan September 2013 sebagai usaha Kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar dan kompleks dalam kalangan masyarakat Malaysia serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. MKPN telah ditunjangi oleh Ahli-Ahli Majlis yang mempunyai kredibiliti, bersifat terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif berhubung dengan hal-ehwal perpaduan.

Pelantikan Ahli-Ahli MKPN bagi sesi pertama adalah pada 25 November 2013 dan telah tamat tempohnya pada 21 Oktober 2015. Kejayaan utama MKPN adalah penghasilan satu *Blueprint* iaitu Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2015. *Blueprint* PPKPM telah dirangka berdasarkan input dan maklum balas yang telah diterima melalui 18 Dialog Rakyat yang telah diadakan di seluruh negara dan melibatkan penyertaan seramai 5,530 orang mewakili pelbagai pihak berkepentingan dan sektor masyarakat.

Selaras dengan Janji 56 dalam manifesto kerajaan yang menekankan bahawa perpaduan nasional tetap dan sentiasa menjadi agenda utama

kerajaan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil langkah menjenamakan semula Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) dan telah diluluskan oleh Kabinet pada 12 Jun 2019. MPKR sebagai kesinambungan kepada MKPN akan meneruskan usaha-usaha memelihara dan meningkatkan perpaduan nasional di samping akan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama sebagai usaha ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*).

Tambahan pula, MPKR juga akan bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif dan merentasi semua Kementerian dan Agensi Kerajaan dapat direalisasikan apabila pelan ini diluluskan oleh Kabinet kelak melalui pelaksanaan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia. Manakala, pemilihan ahli-ahli yang akan menganggotai MPKR adalah dalam kalangan individu yang berpengalaman serta komited terhadap perpaduan negara dan kesejahteraan sosial rakyat, mempunyai kredibiliti, bersifat inklusif, terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat.

Penjenamaan semula MKPN kepada MPKR merupakan suatu langkah terbaik Kerajaan kerana ia mampu menjadi tulang belakang Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan kesejahteraan sosial. Sebagai sebuah

badan bebas, MPKR akan bergerak membawa misi perpaduan di bawah pucuk pimpinan kerajaan semasa untuk rakyat dan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID

KAWASAN : [PADANG TERAP]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memastikan perpaduan di antara kaum di negara ini tidak terjejas disebabkan oleh tindakan individu-individu tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan hak Bumiputera yang telah termaktub di dalam Perlembagaan negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi

sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjasakan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan

program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepadan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui

penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkannya perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang

lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 95

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih lanjut sejauh manakah prinsip keterbukaan dan ketelusan yang diamalkan oleh Kerajaan mampu menjamin perkembangan Negara dan khususnya rakyat dari pelbagai latar belakang secara inklusif, oleh Kerajaan PH akan menjamin perkembangan ekonomi negara, keselamatan rakyat (*public order*) dan perkembangan sosial serta memastikan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia akan terjamin.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan akan memastikan keterlibatan segenap lapisan rakyat dan ketelusan dalam urus tadbir negara sebagai asas kepimpinan di bawah Malaysia Baharu demi menjadikan negara ini terus gemilang serta dihormati di persada antarabangsa. Teras-teras kejayaan negara

harus sentiasa dipelihara dan dilindungi berpaksikan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Teras kejayaan negara berasaskan kepada kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada raja dan negara, semangat penerimaan tinggi dan semangat patriotisme jitu perlu dipelihara dan dimantapkan secara berterusan dalam kalangan rakyat negara ini.

Kerajaan meraikan prinsip keterbukaan dan ketelusan dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, adalah penting prinsip keterbukaan dan ketelusan diamalkan dalam lingkungan undang-undang dan norma kehidupan bermasyarakat. Pada masa yang sama, agensi-agensi penguat kuasa juga akan bertindak tegas ke atas individu berdasarkan undang-undang sedia sekiranya mereka memanipulasikan prinsip keterbukaan yang diberikan sehingga mencetuskan sentimen perkauman.

Selaras dengan laporan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016-2017 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menggariskan dasar serta strategi sosio-ekonomi yang dijajarkan semula melalui Kajian Semula Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) untuk tempoh 2018-2020 dengan mengambil kira keutamaan fokus Kerajaan selari dengan hasrat Malaysia Baharu. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menambah baik ketelusan dalam tadbir urus negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dan kemakmuran negara terjamin.

Bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, Kerajaan secara telus telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat tanpa mengira latar belakang sosio-ekonomi dan lokasi geografi.

Dalam hal ini, tumpuan diberi untuk meningkatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti, menyediakan perumahan mampu milik, melaksanakan pelbagai program pencegahan jenayah, memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional serta menggalakkan gaya hidup aktif merentasi semua lapisan masyarakat tanpa meminggirkan mana-mana golongan minoriti.

Justeru, projek pembangunan sosio-ekonomi berimpak tinggi akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan terpinggir dan tertinggal dalam arus perdana selama ini. Selain itu, jurang pembangunan yang masih wujud antara negeri akan dikurangkan dengan memberi penekanan yang lebih besar kepada negeri yang kurang membangun, terutamanya Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis walaupun pucuk pentadbiran di peringkat negeri dan persekutuan mempunyai kecenderungan politik yang berbeza. Langkah ini adalah bagi memastikan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang sejajar dengan prinsip keterbukaan dan ketelusan kerajaan untuk memastikan semua golongan rakyat dapat menikmati kekayaan negara secara adil dan saksama. Lebih banyak inisiatif juga akan dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat, khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) merentasi semua kaum dan agama.

Bagi mengurangkan jurang pendapatan rakyat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 bagi menambah baik kualiti hidup dan daya tahan serta mengurangkan jurang ketidaksamarataan pendapatan secara keseluruhan. Dalam hal ini, program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas akan terus diberikan kepada kumpulan isi rumah miskin dan

berpendapatan rendah. Usaha juga akan dipergiatkan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah B40 untuk menambah baik kebolehpasaran dan produktiviti serta menggalakkan kegiatan keusahawanan melalui inisiatif utama seperti meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti pada semua peringkat, menyediakan program pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadu serta menggalakkan penerimangunaan teknologi moden dan amalan terbaik.

Pelaksanaan pembangunan inklusif akan diperkuuhkan bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia dengan menyediakan peluang yang saksama bagi membolehkan rakyat turut serta dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Sementara itu, usaha akan terus dipergiatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang keturunan, kaum dan agama mereka atas amalan prinsip keterbukaan dan ketelusan. Antara usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan ke arah ini adalah dengan penganjuran Konvensyen Orang Asli Kebangsaan buat pertama kalinya pada 22 April 2019 bagi mengenalpasti dan merungkai isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti ini agar tanggungjawab memaju, menaik taraf serta menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli dapat dilaksanakan secara berkesan walaupun komuniti ini merupakan salah satu kumpulan minoriti di negara ini.

Dari aspek perkembangan sosialnya pula, kerajaan di atas prinsip keterbukaan telah mengambil langkah permulaan pada tahun ini dengan memberikan cuti tanpa rekod kepada penjawat awam yang berketurunan Siam, Sikh dan Kristian dalam merayakan hari kebesaran masing-masing seperti perayaan Songkran, Vaisakhi, *Good Friday*

walaupun perayaan ini hanya disambut oleh golongan minoriti tertentu sahaja. Pada tahun ini, kerajaan juga telah tampil ke depan mengadakan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Vaisakhi di peringkat kebangsaan pada bulan Mei 2019 dengan penyertaan pelbagai golongan masyarakat sebagai satu platform untuk meraikan keunikan masyarakat Malaysia. Ini membuktikan komitmen kerajaan Pakatan Harapan dalam memastikan semua golongan masyarakat walaupun kumpulan minoriti dapat menyambut hari kebesaran kaum masing-masing dengan penuh kesyukuran dan dalam suasana yang selesa dan harmoni.

Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan seperti peningkatan beban penyakit, kemampuan memiliki rumah dan trend jenayah yang sentiasa berubah. Pelaksanaan strategi akan terus diperkuatkan dengan pengenalan inisiatif dan keutamaan baharu dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai langkah ke hadapan.

Kerajaan akan memastikan bahawa manfaat dari perkembangan ekonomi negara, perkembangan sosial dan keselamatan rakyat akan dapat dinikmati oleh semua golongan agar dapat menjamin semangat perpaduan terus utuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED
SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 108

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan serta usaha Kementerian bagi memastikan keharmonian dan perpaduan kaum terus terjamin.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba

memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjasaskan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi

semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui

penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkannya perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang

lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
KAWASAN : TANJUNG MALIM
TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 31

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menggubal undang-undang untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama, seperti Akta Keharmonian Sosial.

JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY] , MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Namun, kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan YB Tanjung Malim. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Multimedia dan

Komunikasi 1998 serta Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Justeru, mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung dengan keharmonian antara kaum dan agama ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya, usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan dan sedang terus dipergiatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
KAWASAN : BUKIT GELUGOR
TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 47

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal satu undang-undang anti perkauman memandangkan isu-isu perkauman semakin berleluasa di kalangan rakyat Malaysia dan sekiranya ya, bilakah ia akan digubal.

JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY]
1. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Namun, kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan YB Bukit Gelugur. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 serta Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Justeru, mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung dengan keharmonian antara kaum dan agama ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya, usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
KAWASAN : NIBONG TEBAL
TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 88

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan strategi pelaksanaan Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini dalam usaha memupuk integrasi nasional mutlak.

JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY] , MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia. Perpaduan dan integrasi nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang keturunan, kaum dan agama merentasi pelbagai sektor

yang turut merangkumi dasar-dasar sosio-ekonomi yang menjanakan pertumbuhan ekonomi, mengagihkan sumber kekayaan negara secara adil, merapatkan jurang antara kaum, jurang sosial dan antara wilayah serta menggalakkan interaksi melalui pendidikan, latihan, program pembangunan belia, wanita dan sukan, serta pelbagai program dan inisiatif bersama-sama dengan NGO, termasuk program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- (i) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*).
- (ii) Program Silang Budaya.
- (iii) Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni.
- (iv) Program MyRukun Negara.
- (v) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- (i) Program Integrasi Komuniti.
- (ii) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam.
- (iii) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat.

Pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, fokus Kerajaan adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib pribumi dan rakyat Malaysia pelbagai bangsa, agar pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama. Kerajaan amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat, selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti. Justeru, Kerajaan sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui tindakan-tindakan berikut:

- (i) melaksanakan aktiviti intervensi agar dapat mengingatkan pihak yang mengungkit sentimen perkauman supaya menjaga sensitiviti

kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka dan menekankan bahawa setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakiti hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama;

- (ii) mengendalikan program-program silang budaya bagi menerapkan sikap saling menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan bagi meneutralkan politik kebencian;
- (iii) meyakinkan semua masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik memandangkan ianya tidak memanfaatkan mana-mana pihak dan sebaliknya mengundang konflik perkauman;
- (iv) memperkenal dan melancarkan kempen kesedaran dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat terhadap proses pembinaan negara yang berterusan di mana PERPADUAN dengan aktif mempromosikan ‘Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian’ supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya agar dapat menghindari dari mengungkitkan sebarang sentimen perkauman;

- (v) mendidik pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi agar sentiasa bersikap positif dan rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan di antara agama dan etnik agar tiada pihak yang berasa kurang puashati sehingga mengungkitkan sentimen perkauman; dan
- (vi) mendakwa di mahkamah mana-mana pihak yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkannya perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan golongan remaja dan belia di negara ini seperti Kelab Rukun Negara di sekolah, Sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi dan Jiran Muda di kawasan Rukun Tetangga. Mekanisme ini diperkasakan sebagai platform untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak perpaduan di peringkat akar umbi. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan.

Tambahan pula, Kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah seperti yang dirumuskan di bawah :

- (i) sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang;
- (ii) melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna; dan
- (iii) mengwujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari NGO saling mencapai persefahaman.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan serta mewujudkan integrasi nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 95

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengukuhkan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini di mana masyarakat berbilang kaum berhadapan perpecahan atas pelbagai isu dan dasar Kerajaan.

**JAWAPAN : [YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY]
1, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga boleh menjaskan keharmonian negara. Justeru,

sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa kadang-kala segolongan masyarakat akan bertindak mengikut naluri (*react instinctively*) apabila sesuatu isu dimanipulasikan sehingga mengungkitkan sentimen perkauman walaupun pada asasnya ia merupakan suatu isu sosial yang hanya menyebabkan ketidakpuasan hati antara individu atau kumpulan kaum yang berbeza. Namun dalam banyak situasi sebegini, masyarakat Malaysia berjaya menyelesaikan isu-isu ini dengan segera melalui mekanisme perundingan atas dasar mengelakkan sebarang konflik yang boleh menjaskan keharmonian negara atau ringkasnya, “***we talk conflict but we walk cohesion***”. Oleh itu, andaian bahawa masyarakat berbilang kaum di negara ini berhadapan dengan perpecahan atas dasar Kerajaan adalah tidak benar sama sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN

TARIKH : 22 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 43

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan mendukung manifesto kebebasan bersuara namun pada masa yang sama bertanggung jawab menjaga sensitiviti dan keharmonian masyarakat majmuk memandangkan kes salah guna media sosial sehingga ke tahap menghina agama kian meningkat.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan akan memastikan keterlibatan segenap lapisan rakyat dan ketelusan dalam urus tadbir negara sebagai asas kepimpinan di bawah Malaysia Baharu demi menjadikan negara ini terus gemilang serta dihormati di persada antarabangsa. Teras-teras kejayaan negara harus

sentiasa dipelihara dan dilindungi berpaksikan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara. Teras kejayaan negara berasaskan kepada kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada raja dan negara, semangat penerimaan tinggi dan semangat patriotisme jitu perlu dipelihara dan dimantapkan secara berterusan dalam kalangan rakyat negara ini.

Kerajaan Pakatan Harapan sememangnya komited dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia dan ini berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kita bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan ini menjamin hak kebebasan bersuara. Walau bagaimanapun, seperti yang diamalkan di seluruh dunia, hak kepada kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak, dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Kerajaan berpandangan kebebasan untuk membincangkan topik secara terbuka dan berterus terang di media sosial perlu dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan pergolakan sosial atau menjejaskan keselamatan negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara khususnya pihak yang menghina Institusi Diraja, etnik dan agama. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunakan oleh pihak Kerajaan

bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap Institusi Diraja, kaum dan agama.

Pendakwaan juga boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadau iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC serta dianggotai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dan SKMM telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan dalam usaha memerangi jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan penghinaan terhadap Institusi Diraja, kaum dan agama.

Sungguhpun Kerajaan meraikan keterbukaan dan kebebasan bersuara, adalah penting kebebasan ini dipraktikkan dalam lingkungan undang-undang dan norma kehidupan masyarakat. Pada masa yang sama, agensi-agensi penguatkuasa juga akan bertindak tegas ke atas individu berdasarkan undang-undang sedia ada sekiranya mereka memanipulasikan prinsip kebebasan yang diberikan sehingga mencetuskan ketegangan dan merosakkan keharmonian masyarakat majmuk. Langkah ini bukan sama sekali bertujuan untuk menyekat kebebasan bersuara, tetapi untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan ucapan berbaur hasutan serta sensitif yang boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap keselamatan negara dan juga perpaduan antara kaum. Justeru, kebebasan bersuara hendaklah

digunakan dengan adil dan bijaksana serta dengan penuh tanggungjawab. Ia seharusnya memberi sumbangan kepada proses membina negara, memupuk keharmonian antara kaum, perpaduan nasional dan keselamatan negara dan bukannya mengganggu-gugat keamanan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD YUSOFF

TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 69

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah baharu yang diambil bagi memupuk semangat perpaduan kaum dalam kalangan pelbagai bangsa di Malaysia, dan adakah pihak Kerajaan melihat perpaduan antara kaum di Malaysia berada pada tahap yang baik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pepaduan kaum di Malaysia masih di tahap baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan kaum masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat Malaysia yang rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya.

Keadaan ini dibuktikan melalui suatu petunjuk yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) yang dikenali sebagai Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) atau “*Societal Stress Index (SSI)*”. Pada tahun 2015, IKM direkodkan pada

tahap 9.6 kes bagi setiap sejuta penduduk, tahun 2016 direkodkan pada tahap 9.2 kes bagi setiap sejuta penduduk dan pada tahun 2017 pula, direkod pada tahap 11.5 kes bagi setiap sejuta penduduk iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Peningkatan ini merujuk kepada insiden-insiden yang dilaporkan menjelang suku tahun ke-4 seperti protes dan pertikaian mengenai isu-isu, menyebabkan suasana sosial menjadi lebih tegang. Pada tahun 2018 pula, IKM direkodkan pada tahap 11.6 kes bagi setiap sejuta penduduk akibat beberapa siri demonstrasi dan protes yang diadakan. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL** dan **STABIL**.

Mengambil kira senario ini, pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara melalui kerjasama dengan Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- v) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara mengikut 3 zon iaitu zon utara, tengah dan selatan dan juga di peringkat 5 negeri melibatkan negeri Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus dan menangani isu

setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.

- vi) Mewujudkan Zon Perpaduan dalam kawasan komuniti melalui kerjasama antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program dan inisiatif mempromosikan perpaduan di samping melaksanakan aktiviti kejiranan bagi menangani isu-isu sosial yang dikenalpasti dalam komuniti setempat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.
- vii) Melaksanakan inisiatif mempromosikan perpaduan melalui aktiviti menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat dan komuniti setempat.
- viii) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.

- ix) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan segenap lapisan masyarakat termasuk golongan minoriti di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK THEODORE DOUGLAS LIND

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 122

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menjamin perpaduan di antara penduduk negara yang berbilang kaum dan agama.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Pepaduan kaum di Malaysia masih baik, namun risiko perkauman didapati semakin meningkat dan sekiranya tidak ditangani dengan baik iaanya akan menyebabkan rakyat mengutamakan kepentingan kaum masing-masing dalam tindakan hidup yang akan membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat. Ini kerana masalah

integrasi antara kaum merupakan fenomena biasa dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di Malaysia yang rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, agama dan budaya seperti Malaysia.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-

isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak

kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.

- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat

dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ZAHARI BIN SARIP
TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 64

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam mengekalkan perpaduan di kalangan penduduk dan masyarakat.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah organisasi sukarela yang bernaung di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan merupakan jentera perpaduan di peringkat akar umbi. KRT dibentuk melalui penetapan sesuatu kawasan yang dipohon oleh pemastautin atau penduduk bagi tujuan memupuk, meningkat dan

mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, kesejahteraan dan kualiti hidup dalam kalangan komuniti.

Umumnya, semua pihak mengetahui akan objektif dan peranan KRT sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Rukun Tetangga 2012 khususnya dalam memupuk kesefahaman dan perpaduan di peringkat akar umbi. Fungsi dan Tugas Jawatankuasa Rukun Tetangga jelas di bawah Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 antaranya seperti berikut:

- (i) menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebijakan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat;
- (ii) mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana; dan
- (iii) menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat;

Keberkesanan KRT bertindak sebagai penggerak utama di peringkat komuniti juga dipacu melalui kecekapan jentera dan cawangan-cawangan komuniti yang bernaung di bawah KRT seperti berikut:

(i) **Skuad Uniti**

Skuad Uniti berfungsi sebagai pasukan sukarelawan yang membantu agensi-agensi kerajaan menguruskan situasi

kecemasan dan bencana melalui khidmat bantu mula dalam aspek sosial dan perkhidmatan kepada komuniti. Selain itu, Skuad Uniti juga membantu menyelaras dan mempercepatkan proses penyaluran maklumat dan perkhidmatan oleh Kerajaan kepada komuniti.

(ii) **Skuad Elite Jiran Wanita (SEJIWA)**

SEJIWA merupakan gabungan Jiran Wanita dari beberapa KRT dalam satu daerah yang berperanan untuk memperkasakan peranan golongan wanita dalam pelbagai aspek untuk memelihara kebijakan wanita dan keluarga serta komuniti. SEJIWA bertindak selaku tenaga penggerak, agen perubahan dan agen penyatuan ke arah membangunkan potensi dan mendayaupayakan komuniti khususnya golongan wanita sendiri.

(iii) **Mediator Komuniti (MK)**

Mediator Komuniti (MK) adalah pihak ketiga yang berusaha menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat. MK merupakan pasukan yang telah diberikan kemahiran dan ditauliahkan dalam membantu menguruskan dan mengendalikan konflik-konflik komuniti.

(iv) **Cawangan-cawangan di bawah setiap Kawasan Rukun Tetangga berdasarkan golongan sasar di peringkat komuniti adalah seperti:**

- (1) **Cawangan Jiran Wanita (JW)** yang dianggotai oleh golongan wanita dan bertindak melaksanakan aktiviti dan inisiatif

pembangunan, kebajikan, pendidikan dan penjanaan ekonomi khusus untuk golongan wanita dan keluarga.

- (2) Tumpuan kepada golongan belia pula diketengahkan di bawah **Cawangan Jiran Muda (JM)** yang bertujuan mewujudkan peluang dan menarik minat golongan muda dalam aktiviti kesukarelawan. Aktiviti dilaksanakan adalah menumpukan kepada inovasi dan kreativiti yang menggalakkan minat golongan muda serta sebagai platform atau landasan latihan kepimpinan kepada generasi muda.
- (3) **Cawangan Jiran Usia Emas (JUE)** diwujudkan sebagai salah satu gerakan dan penglibatan golongan warga emas dalam membantu KRT menyalurkan maklumat, mengukuhkan jaringan dengan pelbagai pihak, perkongsian pengalaman serta kepakaran daripada golongan berkenaan kepada komuniti untuk pembangunan komuniti setempat.

(v) **Skim Rondaan Sukarela (SRS)**

SRS merupakan insiatif pencegahan kegiatan jenayah dan gejala sosial yang dipohon oleh komuniti di dalam KRT bertujuan melaksanakan rondaan dan kawalan keselamatan secara sukarela bagi membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala sosial di peringkat komuniti.

Kesimpulannya, KRT menggunakan jentera dan mekanismenya secara giat untuk memfokuskan kepada isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat agar jalan penyelesaian yang sewajarnya boleh dicari bagi menanganinya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 119

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan di Malaysia kerana Kerajaan dilihat gagal dalam mempromosikan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat susulan dengan pelbagai isu persepsi perbezaan bangsa yang semakin meruncing.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L

PONNUSAMY

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN

SOSIAL)

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan

Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjelaskan keharmonian negara. Walau bagaimanapun, dakwaan bahawa Kerajaan dilihat gagal dalam mempromosikan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat adalah tidak berasas kerana di dalam keadaan biasa dan tenang, keseluruhannya, tahap keharmonian masyarakat di negara ini berada pada situasi **TERKAWAL dan STABIL**.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab

Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi

penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK RABIYAH BINTI ALI

SOALAN NO. 37

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hala tuju dan fokus lebih terarah Kerajaan agar isu perpaduan kaum dan menghormati Agama Islam oleh penganut-penganut lain dapat ditingkatkan menjelang 2020.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Sejak merdeka lagi, negara kita telah terbina sebagai sebuah negara yang bertuah kerana memiliki rakyat yang majmuk iaitu kepelbagaian masyarakatnya yang terdiri dari latar belakang keturunan, kaum, agama, budaya dan bahasa yang berbeza. Para pemimpin negara yang terdahulu telah mentadbir negara ini dengan berteraskan semangat perpaduan bagi menjamin kebebasan, keadilan, kesejahteraan dan keamanan masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini. Justeru, adalah

menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk terus memastikan keharmonian negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin melalui penetapan satu hala tuju yang jelas dan terancang.

Mengambil jejak sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan juga tidak terkecuali dalam memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini menjadi agenda utama negara. Ekoran daripada itu, Kerajaan semasa telah melaungkan satu konsep negara baru iaitu Malaysia Baharu yang memberi penekanan kepada demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan kedaulatan undang-undang dan menghormati kehendak rakyat melalui urus tadbir negara yang baik, inklusif dan progresif berlandaskan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara serta visi yang dibawa oleh para pejuang negara sebelum ini.

Ekoran dari itu, impian pucuk pimpinan Malaysia kini adalah menjadikan Malaysia sebagai negara model kepada dunia sebagai satu negara yang mempunyai bangsa, agama, bahasa dan budaya yang pelbagai tetapi hidup bersatu dalam suasana harmoni, demokratik, progresif dan makmur dengan kerajaan yang berintegriti yang dipimpin melalui tadbir urus yang baik dan bertanggungjawab. Lebih penting lagi, Kerajaan semasa bertekad akan memastikan semua rakyat pelbagai bangsa dan agama di negara ini dapat berkongsi hasil kemakmuran dan kemajuan negara secara adil dan saksama.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN).

PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-

Iain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).

- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui

penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- a) Jabatan PERPADUAN sedang dalam proses akhir membangunkan satu Indeks Perpaduan Nasional yang akan menjadi kayu pengukur bagi tahap perpaduan negara ini. Melalui indeks ini, keberkesanan pelaksanaan program yang dirancangkan melalui Pelan Tindakan dapat dinilai.
- b) Penjenamaan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) yang telah diluluskan Jemaah Menteri merupakan usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang

menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

SOALAN NO. 156

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia memandangkan isu keretakan perpaduan semakin hari semakin jelas.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba

memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan keretakan hubungan antara kaum dan menjadikan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan

program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepadan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui

penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).

- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkannya perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang

lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB

KAWASAN : MACHANG

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 41

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan baru yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan isu sentitif 3R (*race, religion, royalty*) akan kekal dihormati oleh masyarakat berbilang kaum bagi mengekalkan keharmonian di Malaysia.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan mengetahui bahawa pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik serta latar belakang agama,

budaya dan bahasa yang berbeza. Justeru, Kerajaan memahami bahawa isu-isu sensitif yang berkaitan dengan 3R (*race, religion and royalty*) perlu diurus dan ditangani secara halus dan baik agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak yang berkaitan demi mewujudkan sikap saling hormat-menghormati antara rakyat Malaysia dan mengekalkan keharmonian negara.

Mengambil kira kerencaman isu-isu 3R ini, Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme. Antara pendekatan baharu yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan isu sensitif 3R (*race, religion, royalty*) akan kekal dihormati oleh masyarakat berbilang kaum di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) Menggunakan media baru sebagai wacana penyampaian maklumat dengan cara yang lebih moden dan terkini melibatkan forum-forum, blog-blog yang mudah difahami dan ditulis oleh penyampai maklumat yang mengutarkan maklumat yang tepat, berita yang benar serta fakta-fakta yang bernas untuk kepentingan seluruh individu masyarakat secara penuh beretika dan bertanggungjawab di samping memastikan media arus perdana dan agensi penerangan digalakkan untuk mendidik masyarakat akan kepentingan menghormati sensitiviti 3R dalam mengekalkan perpaduan dan keharmonian yang berterusan;

- (ii) Meningkatkan kefahaman silang budaya melalui penganjuran program-program ke arah jalinan integrasi nasional untuk merapatkan hubungan di antara rakyat agar tidak wujud sikap prasangka terhadap satu sama lain seperti program menyantuni masyarakat minoriti melibatkan komuniti Orang Asli, Siam, Baba Nyonya di Semenanjung dan komuniti Rungus di Sabah;
- (iii) Meluaskan program-program pendidikan perpaduan bertujuan mendidik rakyat menghayati pengertian perpaduan serta menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara dan nilai-nilai murni agar dapat membina satu negara bangsa yang utuh dan tidak mudah dimanipulasikan oleh kuasa luar seperti penganjuran Forum Perpaduan Sekretariat Rukun Negara pada Oktober 2019 yang bertajuk “Rukun Negara Bukan Untuk Dihafal”;
- (iv) Melatih pemimpin-pemimpin masyarakat dengan kemahiran pendamaian atau mediasi supaya apa-apa pertelingkahan dan pergeseran yang berlaku di peringkat akar umbi mampu diselesaikan secara baik dan sekaligus menggalakkan interaksi dan penjalinan hubungan baik dalam kalangan komuniti yang terdiri dari pelbagai etnik;
- (v) Menjalankan perkongsian strategik bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi pemikir (*think-tank institutions*) untuk berkongsi hasil kajian, wacana, perbincangan, pandangan mengenai hubungan etnik dan perpaduan nasional seperti penganjuran Program Kau Sumber Inspirasiku bersama Persatuan Siswazah Wanita Malaysia pada bulan Jun 2019;

- (vi) Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut pelbagai agama melalui pendekatan dialog dan wacana supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut pelbagai agama seperti penganjuran Harmony Walk di peringkat negeri dan kebangsaan serta dialog harmoni bertajuk “*The Importance of Inter-Religious Understanding to National Unity*” pada Ogos 2019;
- (vii) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, konferens, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti penganjuran persidangan bertajuk Conference on *Countering Hate Speech and Intolerance in Malaysia* dan bengkel bertajuk “*Identifying and Countering Hate Speech Against Minorities*” serta Wacana Perpaduan di Hati Ke Arah Kelestarian dan Pengukuhan Hubungan Etnik pada bulan Julai 2019;
- (viii) Menganjurkan Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*) secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar yang merentasi golongan kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat seperti Karnival Membudayakan Perpaduan dan Meraikan Kepelbagaian, Festival Baba Nyonya, *Mid Autumn Festival Unity 2019*, Cafe Perpaduan : Demi Negara Tercinta dan Konvoi Muhibah dari bulan Jun – September 2019;

- (ix) Memperluas dan mempergiatkan usaha-usaha promosi dan menyebarluaskan mesej-mesej perpaduan dalam memupuk nilai dan semangat perpaduan sepanjang tahun dengan penglibatan pelbagai Kementerian dan agensi serta badan-badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta melalui pelaksanaan pelbagai program seperti forum perpaduan, *Unity Fun Run, Run for Peace, Fun Walk* : 10 Ribu Langkah Perpaduan, *MyHero Awards, Unity Fiesta, Say Something Nice, National Unity Week bersama IOI City Mall* di Putrajaya, AEON di Ipoh, Perak dan Pusat Membeli-Belah Alamanda, Putrajaya dari bulan Julai – September 2019;
- (x) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara di seluruh negara melalui jaringan kerjasama strategik antara kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA), Badan Bukan Kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO) serta badan-badan korporat di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA, NGO, CSO dan badan-badan korporat serta pihak swasta agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat;
- (xi) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan

masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita sensitif mengenai 3R yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga; dan

- (xii) Menguatkuasakan undang-undang sedia ada untuk mempertahankan keharmonian dan kedaulatan Institusi Diraja. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah membangkitkan isu-isu sensitif melibatkan agama, kaum dan Institusi Diraja.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan perhubungan manusia yang rapat sehingga akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Namun, memandangkan usaha mempromosikan perpaduan adalah tanggungjawab bersama maka adalah menjadi harapan kerajaan agar semua pihak termasuk ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat, aktivis-aktivis negara dan rakyat sendiri memainkan peranan masing-masing sebagai warga negara yang bertanggungjawab dengan tidak mengeluarkan ataupun menularkan sebarang kenyataan berunsur perkauman dan agama supaya tidak menimbulkan sebarang sensitiviti

dan prejudis antara masyarakat Malaysia demi menjaga dan memelihara hubungan baik antara mereka.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
KAWASAN : PARIT SULONG
TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 43

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor yang menjadi penghalang Kerajaan dalam merangka mekanisme dan inisiatif bagi memupuk perpaduan berbilang kaum yang makin meruncing di dalam negara.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Pada hakikatnya, masyarakat Malaysia bukan berasal daripada satu bangsa yang sama, satu kepercayaan agama yang serupa dan bahasa yang serumpun. Perpaduan yang kita bina selama ini dan berjaya dipertahankan sehingga sekarang adalah kerana atas dasar saling mempercayai dan hormat-menghormati antara rakyat Malaysia. Justeru, semangat perpaduan antara kaum di negara ini perlu dipupuk dan dipelihara secara berterusan. Namun, antara cabaran-cabaran yang sering menjadi penghalang dalam merangka mekanisme dan inisiatif bagi memupuk perpaduan adalah:

(i) **Faktor Kepelbagaian Masyarakat**

Malaysia merupakan sebuah negara pluralistik dengan kelompok majoriti bangsa Melayu diikuti dengan etnik Cina, India, kelompok peribumi kecil seperti Dayak, Bidayuh, Kadazan-dusun dan Bajau di Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli. Selepas mencapai kemerdekaan, usaha-usaha ke arah pengukuhan hubungan antara etnik telah dipergiatkan. Manakala selepas penyertaan Sabah dan Sarawak bersama Semenanjung menjadi negara Malaysia pada tahun 1963, usaha-usaha mengintegrasikan masyarakat antara wilayah telah diperkuuh dan diperluaskan. Selain itu, pemahaman dan penerimaan masyarakat Semenanjung terhadap budaya hidup masyarakat di Sabah dan Sarawak adalah kurang dan begitu juga di sebaliknya. Justeru, aspek kepelbagaian yang meliputi perbezaan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa menyebabkan masyarakat kita kadang kala mengalami ketidakserasan dan ini seterusnya menjadikan usaha ke arah penyatuan nasional.

(ii) **Faktor Politik**

Sememangnya sikap tidak bertanggungjawab dalam kalangan segelintir ahli-ahli politik dan pemimpin masyarakat menyebabkan usaha mempromosikan perpaduan nasional tergugat. Ini kerana mereka pada kebiasaannya sering menimbulkan isu-isu perkauman dan agama dan memanipulasikannya sehingga mewujudkan sensitiviti antara etnik yang menguatkan lagi sikap prejudis dan mengakibatkan semangat perkauman yang tinggi. Ini menjadikan pengaruh perkauman turut merebak merentasi institusi keluarga dan sektor pendidikan. Apabila situasi sebegini berlaku, maka, setiap etnik akan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan agama, bahasa, budaya dan pendidikan dan seterusnya mengakibatkan perpecahan berlandaskan unsur perkauman.

(iii) Agama dan Kebudayaan

Setiap kumpulan etnik mempunyai agama dan kebudayaan yang berlainan. Setiap kaum pula mempunyai adat resam, bahasa, kesenian, budaya dan sistem nilai yang berbeza. Masing-masing kurang mengenali dan memahami antara satu sama lain dan sering kali menganggap mereka sahaja yang terbaik. Sikap ini menguatkan prasangka buruk yang akan menghalang pergaulan baik antara pelbagai kaum.

(iv) Pengaruh Media Sosial

Pengaruh media sosial menjadi ancaman baharu perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini berikutan tindakan pihak tidak bertanggungjawab menggunakan untuk menyebarkan fitnah dan berita-berita palsu yang boleh menjelaskan keharmonian rakyat. Pengguna media sosial perlu berhenti berkongsi cerita yang tidak disahkan kebenarannya kerana ia hanya membawa kepada perpecahan masyarakat. Masyarakat tidak boleh tunduk dan terpengaruh dengan ideologi yang disebarluaskan bertujuan menyemai rasa kebencian dan syak wasangka antara kaum dan agama di negara ini.

(v) Identiti Nasional

Sebenarnya ideologi kebangsaan negara iaitu Rukun Negara telah menggariskan dengan jelas mengenai identiti nasional yang perlu dimiliki oleh setiap warganegara ini di mana dalam mukadimahnya sendiri telah ditekankan kepada pencapaian perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara cara hidup berdemokratik, mencipta satu masyarakat yang adil dan saksama, menjamin satu cara hidup yang kaya dengan pelbagai corak serta membina satu masyarakat yang progresif. Namun, masih terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak mempertahankan identiti nasional atau prinsip asas kenegaraan. Ini kerana mereka masih gagal memahami dan menghayati intipati dan roh Rukun

Negara yang sebenarnya yang turut menjadi faktor penghalang dalam menyemarakkan semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Untuk mencapai matlamat perpaduan negara yang kukuh, seluruh masyarakat perlu berganding bahu dan melangkah seiring dengan usaha murni kerajaan melalui dasar-dasar dan rancangan baru. Hubungan masyarakat yang harmoni menjadi tunggak kejayaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih maju, kompetitif dan progresif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN

KAWASAN : TAPAH

TARIKH : 10 OCTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku sehingga boleh mengganggu gugat keharmonian yang telah dipelihara selama ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya

berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- ii) Melaksanakan perancangan strategi dan inisiatif yang dicadangkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-

isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

- iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang sehingga kini telah melibatkan seramai 5,728 orang pelajar dalam tempoh 2015 hingga 2019.
- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika

Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.

- ix) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.
- x) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- xi) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

KAWASAN : BATU GAJAH

TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 9

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam proses integrasi rakyat yang sering kali terancam akibat isu-isu perkauman yang amat sensitif yang boleh membinasakan negara jika tidak terkawal. Sejauh manakah program-program integrasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan diterima oleh rakyat di peringkat akar umbi.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadang-kala membawa kepada perbezaan pandangan yang mencetuskan perselisihan dan sengketa, yang selanjutnya boleh menjaskan

keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat serta integrasi nasional.

Sikap netizen yang suka menularkan berita palsu dan fitnah menerusi media sosial menjadi cabaran besar dalam mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk menangani beberapa isu antara kaum yang dilihat sebagai rumit dan kompleks dan telah berbahang sebelum bermulanya tahun 2019. Pengurusan isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan keterbukaan minda, sikap positif, pendekatan yang membina dan sokongan efektif dari semua pihak, khasnya ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan aktivis-aktivis negara.

Fokus Kerajaan baharu pada hari ini adalah untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan bersatu padu dalam membela nasib rakyat Malaysia pelbagai bangsa, agar pembangunan dan kesejahteraan ekonomi dapat dikongsi bersama secara adil dan saksama. Kerajaan amat komited untuk memenuhi harapan serta amanah rakyat, selain melaksanakan tanggungjawab secara dedikasi, ikhlas, jujur dan berintegriti. Justeru, kerajaan baharu sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian dan integrasi rakyat terus terpelihara melalui pelaksanaan program-program yang diterima di peringkat akar umbi dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:

- a) Melaksanakan program secara bersepadu dan terancang untuk menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi rakyat secara

langsung dan tidak langsung melalui program pembangunan belia dan sukan, program seni budaya serta sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia yang telah dijadikan program nasional sempena sambutan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Gawai Dayak, Tadau Kaamatan dan sambutan Hari Krismas;

- b) Mengendalikan program-program silang budaya bagi menerapkan sikap saling menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan;
- c) Memperkenal dan melancarkan kempen kesedaran dari masa ke semasa untuk memberi fokus sasaran dan dorongan kepada rakyat terhadap proses pembinaan negara yang berterusan di mana PERPADUAN dengan aktif mempromosikan pelaksanaan program-program ‘Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian’ supaya rakyat bukan sahaja menerima kerencaman kaum bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian agama dan budaya;
- d) Melaksanakan Program Ekonomi Rukun Tetangga yang merupakan contoh terbaik dalam usaha mempercepatkan proses integrasi sosial kerana keberhasilannya mempunyai serampang dua mata iaitu pembangunan ekonomi dalam komuniti dan meningkatkan pemahaman budaya, adat resam, agama dan sensitiviti rakan kaum lain;
- e) Meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40)

bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera;

- f) Melaksanakan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) sebagai salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan; dan
- g) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI

KAWASAN : SIBUTI

TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 25

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani isu perpaduan dan keharmonian dalam negara yang sejak kebelakangan ini dilihat tidak diurus dengan baik sehingga prejedis dan prasangka berleluasa dan apakah langkah Kerajaan untuk menyuntik naratif baru bagi mewujudkan Malaysia yang bertoleransi.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya

berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- ii) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- iii) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.

- iv) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang sehingga kini telah melibatkan seramai 5,728 orang pelajar dalam tempoh 2015 hingga 2019.
- vi) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- vii) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus

dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.

- viii) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- ix) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Dalam usaha Kerajaan meningkatkan lagi persefahaman dan keharmonian dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini bagi mengelakkan sikap prejedis dan prasangka antara mereka demi mewujudkan rakyat Malaysia yang bertoleransi, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah baharu seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai

platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- ii) Melaksanakan perancangan strategi dan inisiatif yang dicadangkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- iii) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.
- iv) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepodu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan. Melalui jaringan kerjasama secara menyeluruh ini, pihak Jabatan dapat menyebarluaskan lagi mesej-mesej perpaduan

demi mewujudkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelbagai kumpulan sasar yang terlibat.

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-babit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, naratif baru perpaduan dapat disuntik sehingga semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

KAWASAN : PORT DICKSON

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah segera yang diambil Kerajaan bagi menangani dan mengendurkan ketegangan berikutan kian meluasnya isu-isu sensitif perkauman dan keagamaan yang boleh menjurus kepada malapetaka nasional jika ianya gagal ditangani.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya

berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Jabatan PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme. Antara langkah segera yang diambil Kerajaan bagi menangani dan mengendurkan ketegangan berikutnya kian meluasnya isu-isu sensitif perkauman adalah seperti berikut:

- (i) PERPADUAN dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) yang akan bertindak sebagai forum rasmi mengenalpasti isu-isu yang menjadi polemik yang berupaya menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat sehingga mengancam ketenteraman awam serta meningkatkan sinergi agensi-agensi yang terlibat dalam menangani isu perpaduan dan keharmonian secara bersepadu. JPIP dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi dan di antaranya adalah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA),

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan (JaPen) dan beberapa agensi lain yang berkaitan;

- (ii) PERPADUAN turut berkongsi dan menyalurkan isu-isu berbentuk polemik dan berupaya menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat di peringkat akar umbi kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) agar isu-isu tersebut sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa supaya tidak mencetuskan pertikaian yang lebih besar atau tidak ditularkan secara meluas sehingga boleh menimbulkan rusuhan kaum dan agama;
- (iii) Selain memantau, agensi-agensi tersebut juga mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia ada untuk mempertahankan keharmonian dan kedaulatan Institusi Diraja. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah membangkitkan isu-isu sensitif melibatkan agama, kaum dan Institusi Diraja.
- (iv) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang

dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga; dan

Jabatan PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan perhubungan manusia yang rapat sehingga akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Namun, memandangkan usaha mempromosikan perpaduan adalah tanggungjawab bersama maka adalah menjadi harapan kerajaan agar semua pihak termasuk ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat, aktivis-aktivis negara dan rakyat sendiri memainkan peranan masing-masing sebagai warga negara yang bertanggungjawab dengan tidak mengeluarkan ataupun menularkan sebarang kenyataan berunsur perkauman dan agama supaya tidak mewujudkan sebarang sensitiviti dan prasangka buruk antara masyarakat Malaysia demi menjaga dan memelihara hubungan baik antara mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI

KAWASAN : BAGAN SERAI

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 17

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia, memandangkan banyak isu berkenaan kaum dan agama dibincangkan sekarang dan apakah strategi terkini untuk meningkatkan perpaduan antara kaum di Malaysia.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Menurut Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), UKM yang memperkenalkan konsep kesepadan sosial di Malaysia, tahap hubungan kaum di Malaysia berada pada tahap ketegangan yang stabil (*stable tension*).

Apa yang dimaksudkan sebagai ketegangan yang stabil adalah, apabila kita dapat melihat secara keseluruhannya rakyat boleh terus hidup secara aman dan harmoni, walaupun kadang kala terdapat pertelingkahan yang kecil melibatkan kumpulan tertentu. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera melalui proses perundingan dengan izin, “*we talk conflict, but we walk cohesion*”.

Malah, negara Malaysia juga adalah antara negara yang paling aman jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Menurut Laporan Indeks Keamanan Sedunia (*Global Peace Index*) pada tahun 2019, Malaysia berada pada kedudukan ke-16 sebagai sebuah negara paling aman dalam kalangan 163 buah negara di dunia.

Malaysia berada di kedudukan ke-35 daripada 156 buah negara dalam senarai negara paling bahagia di dunia berdasarkan kajian oleh World Happiness Report 2018 yang dijalankan oleh United Nations Sustainable Development Network (SDSN).

Pemantauan juga dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui instrumen Petunjuk Ketegangan Masyarakat (PKM). PKM merupakan suatu indikator yang digunakan untuk melihat tahap ketegangan masyarakat di Malaysia yang dimanifestasikan melalui tindakan keganasan, rusuhan, demonstrasi, protes, serangan, pergaduhan dan isu-isu yang dilaporkan di media sosial dan media massa yang boleh menggugat perpaduan. Fenomena ketegangan di kalangan kelompok masyarakat masih berada di tahap stabil dan terkawal dengan nilai PKM pada tahun 2018 berada pada 11.6 kes per

sejuta penduduk yang mana di bawah paras yang ditetapkan iaitu 18 kes persejuta penduduk.

Kesemua petunjuk-petunjuk di atas jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat hidup bersatu padu.

Sebagai *the way forward*, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Institut Hubungan Etnik (KITA), UKM telah membangunkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNAS) yang akan memantau tahap perpaduan negara serta memberi gambaran keadaan negara bangsa masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Kerajaan akan mengambil beberapa inisiatif strategik mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- (i) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama;
- (ii) menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret

untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia;

- (iii) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional yang akan melaksanakan fungsi:
 - (a) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - (b) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - (c) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.
- (iv) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti (MK) di seluruh negara;
- (v) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara;

- (vi) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya dalam kalangan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui latihan *internship* dengan menyertai Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs). Bermula dari 2015 hingga 2019, seramai 5,728 orang pelajar telah menyertai program ini;
- (vii) menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO);
- (viii) mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu. Melalui jaringan kerjasama secara menyeluruh ini, pelbagai aktiviti kejiranan dapat dilaksanakan secara bersepadu bagi mengurus dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat; dan
- (ix) mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan

masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita sensitif mengenai 3R yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.

Jabatan PERPADUAN akan terus melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini demi memelihara semangat perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI

KAWASAN : HULU SELANGOR

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum khususnya ahli-ahli politik dan pemimpin negara yang membuat kenyataan berunsur perkauman dan agama.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

- i) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.
- ii) menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.
- iii) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.
- iv) melalui tindakan mahkamah di mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat akan didakwa di mahkamah di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah membangkitkan isu-isu sensitif melibatkan agama, kaum dan Institusi Diraja.

v) cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas bagi menangani isu-isu perkauman dan agama sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*). PERPADUAN telah membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada yang telah disediakan oleh MKPN pada tahun 2014 dan kini sedang mengkaji kewujudan model lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di beberapa negara luar untuk melihat kesesuaianya di Malaysia. Dengan adanya suruhanjaya ini kelak, usaha-usaha yang lebih konkret, holistik dan secara bersepadu dapat dilaksanakan bagi membina bangsa Malaysia yang lebih bersatu padu, adil dan saksama tanpa sebarang diskriminasi dan jenayah kebencian sebagaimana yang dihasratkan oleh barisan pemimpin dan rakyat negara ini demi memelihara keamanan negara dan keharmonian masyarakat.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya ahli-ahli politik, aktivis-aktivis masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW

KAWASAN : WANGSA MAJU

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 13

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosi oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kepelbagaian agama, etnik dan budaya akan terus menjadi teras kepada kekuatan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju.

Perpaduan jitu yang dibentuk oleh rakyat negara ini adalah asas kepada pengukuhan Malaysia sebagai sebuah negara aman dan harmoni.

Sungguhpun begitu, perpaduan yang jitu ini jika tidak diurus dan dipelihara dengan baik boleh menyebabkan negara berada dalam suasana genting dan huru hara memandangkan masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai latar belakang keturunan, agama, budaya dan bahasa.

Justeru itu, beberapa langkah dan tindakan perlu diambil dan dikenalkan dalam usaha memastikan rakyat di Malaysia ini terus bersatu padu dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Menghormati dan memelihara kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sesuatu kaum. Setiap individu berhak mengamalkan adat resam kaum masing-masing dengan harmoni. Sewajarnya sikap saling menghormati dan memahami budaya sesama kaum ini perlu dipertahankan demi kesinambungan perpaduan negara;
- (ii) Mencipta detik-detik perpaduan melalui pelbagai kegiatan dan aktiviti yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum dengan penglibatan dan penyertaan semua pihak termasuk badan-badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO) dan pihak swasta;
- (iii) Mengambil tindakan tegas dan pantas oleh pihak penguatkuasa ke atas kesalahan pelaku di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa bagi mencegah budaya ekstremisme; dan

- (iv) Mendidik masyarakat untuk memahami dan menghormati undang-undang. Kegagalan rakyat untuk menghormati undang-undang akan menggugat keharmonian negara memandangkan masyarakat tidak lagi saling menghormati antara satu sama lain sehingga boleh mengakibatkan sikap stereotaip, prejedis dan perkauman yang menebal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum khususnya ahli-ahli politik dan pemimpin negara yang membuat kenyataan berunsur perkauman dan agama.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

- i) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.
- ii) menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.
- iii) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.
- iv) melalui tindakan mahkamah di mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat akan didakwa di mahkamah di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Antaranya Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah membangkitkan isu-isu sensitif melibatkan agama, kaum dan Institusi Diraja.

v) cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas bagi menangani isu-isu perkauman dan agama sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*). PERPADUAN telah membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada yang telah disediakan oleh MKPN pada tahun 2014 dan kini sedang mengkaji kewujudan model lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di beberapa negara luar untuk melihat kesesuaianya di Malaysia. Dengan adanya suruhanjaya ini kelak, usaha-usaha yang lebih konkret, holistik dan secara bersepadu dapat dilaksanakan bagi membina bangsa Malaysia yang lebih bersatu padu, adil dan saksama tanpa sebarang diskriminasi dan jenayah kebencian sebagaimana yang dihasratkan oleh barisan pemimpin dan rakyat negara ini demi memelihara keamanan negara dan keharmonian masyarakat.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya ahli-ahli politik, aktivis-aktivis masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH

KAWASAN : LEDANG

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 7

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara serta apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut :

- (i) Menyemai nilai-nilai murni dan nilai-nilai kebersamaan kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik dan dibimbing mengenai kepelbagaian yang wujud di negara ini agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat awal;
- (ii) Pelbagai program dilaksanakan untuk menyemai rasa cinta akan negara dan memupuk semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan generasi muda melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (iii) Aktiviti silang budaya seperti Kem Silang Budaya dan 1SRN 1Komuniti turut dilaksanakan melalui KRN dan SRN bagi memberi pendedahan, penerapan serta penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara secara praktikal kepada generasi muda melalui penggunaan Modul Silang Budaya bagi menggalakkan interaksi dan komunikasi dalam amalan hidup seharian;
- (iv) Kerjasama strategik dan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia terus digerakkan melalui Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan program mengikut kluster dan secara bersepadu bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap lima (5) Prinsip Rukun Negara;

- (v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang merupakan satu platform bagi para mahasiswa lebih memahami mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia apabila melangkah ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar;
- (vi) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan korporat, syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) dalam melaksanakan program-program yang menyemarakkan semangat patriotisme seperti *Merdeka Fun Run, Run for Unity, Say Something Nice, Raising National Flag, Merdeka Fiesta*, Konvoi Muhibah yang bertujuan menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan dan cintakan negara.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan sentiasa mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja serta tugas dan tanggungjawab pasukan tentera dan polis seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan undang-undang sedia ada. Sistem kenegaraan Malaysia ini telah berjalan dengan baik selama 62 tahun sehingga Malaysia telah maju ke depan melalui pembangunan yang pesat, mempunyai sistem pertahanan dan keselamatan negara yang baik dan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam banyak aspek di persada antarabangsa, maka ini membuktikan bahawa semangat kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara dan kepercayaan rakyat terhadap badan-badan beruniform telah

terpelihara sekian lama dan akan terus dimartabatkan di bawah Malaysia Baharu.

Kerajaan juga perlu giat menggalakkan media massa supaya menyebarluaskan pemahaman mengenai Institusi Diraja, kerjaya tentera dan polis kepada rakyat agar Institusi dan pasukan beruniform ini sentiasa dihormati dan dipandang tinggi. Selain itu, kerajaan juga akan mendakwa di mahkamah di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa mana-mana pihak yang sengaja mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain sehingga menimbulkan sensitiviti kaum dan agama dan membawa kepada kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat dan perpecahan dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
KAWASAN : NIBONG TEBAL
TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan usaha-usaha Kerajaan bagi menangani ucapan-ucapan serta kenyataan- kenyataan kebencian kaum dan agama yang mengancam keharmonian dan perpaduan kaum oleh ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat dan aktivis-aktivis pelbagai jenis.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)

Yang di-Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaiannya seperti Malaysia.

Perpaduan nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Kemajuan teknologi pada masa kini melalui media sosial telah memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih meluas dan pantas merentasi sempadan. Kemudahan ini juga seringkali menjadi medium untuk segelintir individu dan kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk menyebar luas akan bahan berbaur hasutan dan berita palsu yang seringkali boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Namun, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap meneruskan usaha untuk memupuk perpaduan di segenap lapisan masyarakat mahupun dalam kalangan komuniti maya.

Kerajaan pada dasarnya telah mengambil langkah proaktif menuju keputusan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 24 Februari 2010 melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri. Penubuhan JKMPKA ini dianggotai seramai 32 orang iaitu wakil pemimpin agama Islam, wakil pemimpin agama bukan Islam yang menganggotai *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Sikhism, Hinduism and Taoism* (MCCBCSHT), wakil pemimpin agama Baha'i, pakar akademik, belia dan wakil pemimpin agama dari Sabah dan Sarawak.

Fungsi JKMPKA ini antara lainnya ialah membincangkan isu-isu konflik antara penganut agama di platform terbuka dalam ruang yang tertutup. Semua anggota JKMPKA lantikan YAB Perdana Menteri adalah mereka yang berupaya untuk berkongsi pandangan dan menerima pandangan

secara optimis serta mempunyai ilmu pengetahuan yang luas berkaitan hal ehwal agama masing-masing.

Selain itu, JKMPKA juga bertanggungjawab untuk mendampingi masyarakat di peringkat akar umbi melalui sesi dialog, forum, ceramah dan sebagainya yang bersesuaian agar masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, adat resam dan budaya ini boleh menerima dan meraikan perbezaan serta hidup dalam suasana harmoni serta aman damai.

Peranan JKMPKA juga adalah untuk mengendalikan sesi mediasi sebagai salah satu kaedah intervensi jika berlaku suasana ketegangan antara penganut agama atau kaum agar usaha meredakan konflik secara harmoni ini mampu merapatkan semula hubungan antara pihak-pihak yang bertelagah. Usaha murni ini memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi kerana peranan utama JKMPKA ini adalah untuk mempromosikan keharmonian antara kaum dan antara penganut agama di Malaysia.

Selain itu, keanggotaan JKMPKA yang terdiri daripada wakil-wakil kumpulan agama masing-masing juga merupakan kekuatan jawatankuasa ini kerana mereka mudah mengadakan rundingan dan menjalankan hubungan rapat antara kumpulan penganut-penganut agama lain di Malaysia. Wakil-wakil kepimpinan agama dalam JKMPKA adalah berpengetahuan luas, disegani dan mampu memberi pandangan yang berimpak tinggi untuk memastikan para penganut agama memahami kepentingan semangat muhibah dalam kalangan rakyat

Malaysia serta kepentingan memahami Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Secara umumnya, peranan JKMPKA untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama serta tindakan penguatkuasaan undang-undang melalui instrumen perundangan khusus seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 adalah mencukupi dalam usaha Kerajaan memantau serta mengambil tindakan proaktif dalam menangani ucapan dan kenyataan kebencian kaum dan agama. Ketiga-tiga Akta ini adalah masih relevan dan digunakan jika berlaku perlakuan yang berunsurkan provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

- i) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.
- ii) menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam

persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.

- iii) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.
- iv) mendakwa di mahkamah mana-mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya ahli-ahli politik, aktivis-aktivis masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

KAWASAN : KEPONG

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Kerajaan akan menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian bagi menyekat polemik berkaitan agama dan kaum yang dilihat semakin meruncing di negara ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal suatu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Anti Diskriminasi sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2014.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan agar cadangan draf-draf rang undang-undang (RUU) yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Ekoran dari hasil semakan dan penelitian, Kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum diperkuuhkan di bawah Kanun Keseksaan.

Untuk makluman YB Kepong, Kerajaan walau bagaimanapun bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada yang telah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2014 dengan mengambil kira kewujudan lain-lain model suruhanjaya serta bidang kuasanya seperti yang terdapat di negara luar.

Sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan telah ditubuhkan untuk meneliti dan memperhalusi cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional sama ada cadangan tersebut mempunyai pertindihan dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 atau sebaliknya sebelum mengemukakan sebarang syor kepada Kerajaan untuk pertimbangan berhubung penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA
KAWASAN : SEGAMAT
TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Malaysia merancang untuk mewujudkan perpaduan antara kaum dengan lebih erat. Apakah strategi dan langkah taktikal yang telah diambil.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dari masa ke semasa sentiasa merancang strategi dan inisiatif tertentu melalui pelan strategik Jabatan bagi terus memelihara dan mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) di mana ianya akan menjadi satu platform ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan;
- ii) menjadikan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama dengan meningkatkan bilangan mediator komuniti dan melatih kembali (*retraining*) mereka dengan pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah mediasi terbaru mengikut peredaran zaman;
- iii) meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar mereka dapat berkhidmat kepada komuniti tanpa sebarang prejedis dan prasangka sesama mereka supaya selari dengan usaha kerajaan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdikari, inovatif dan progresif;
- iv) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga komited dalam terus menerusi pendidikan perpaduan memandangkan inisiatif-inisiatif pemupukan perpaduan bermula di peringkat pra-sekolah lagi. Jabatan bercadang meningkatkan kualiti guru-guru di Tabika dan Taska Perpaduan melalui latihan yang lebih komprehensif agar mereka dapat mendidik anak-anak kecil sejak di

bangku sekolah lagi untuk menghargai perpaduan yang merupakan hadiah yang tidak ternilai terutamanya di negara ini;

- v) meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera.
- vi) pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) turut diteruskan kerana ia merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan mahasiswa melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2019, seramai 5,728 orang pelajar telah menyertai program ini.

Antara langkah taktikal lain yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-

inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan;

- (ii) mengubah strategi dan pendekatan lama serta menggantikan aktiviti-aktiviti sedia ada bagi memberikan wajah dan imej baru kepada Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di semua sekolah dan universiti supaya para pelajar dari pelbagai kaum lebih tertarik dalam menyertai KRN dan SRN;
- (iii) meningkatkan pengetahuan dan menyebarluaskan maklumat-maklumat dan usaha-usaha kerajaan untuk membantu kaum Bumiputera di peringkat akar umbi bagi mencapai tahap ekonomi yang lebih tinggi melalui kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain;
- (iv) menyebarluaskan maklumat-maklumat yang boleh membantu kaum minoriti melibatkan diri dalam arus pembangunan perdana sebagaimana yang dihasratkan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL

KAWASAN : LEMBAH PANTAI

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 21

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menggubal suatu akta khusus untuk membendung ekstremisme dan fahaman perkauman sempit, di samping membina masyarakat yang bersatu padu dan hidup berharmoni.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan oleh YB Lembah Pantai. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Di bawah undang-undang sedia ada, mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (i) Seksyen 298A - Kanun Keseksaan (Akta 574)
- (ii) Seksyen 233 - Akta Komunikasi dan Multimedia (AKMM) 1998

Sebenarnya apa yang diperlukan ialah tindakan tegas dan pantas oleh pihak penguatkuasa undang-undang ke atas kesalahan pelaku di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, masyarakat juga perlu dididik untuk memahami dan menghormati undang-undang. Kegagalan rakyat untuk menghormati undang-undang akan menggugat keharmonian negara dan mencetuskan suasana tidak aman.

Ketiadaan undang-undang spesifik berhubung dengan keharmonian antara kaum dan agama ketika ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat terus diabaikan, sebaliknya usaha menyatupadukan kaum di negara ini akan terus dipergiatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS

KAWASAN : HULU LANGAT

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berdasarkan suhu politik semasa yang sering dieksplorasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, perlukah Kerajaan meminda atau memperkuatkan lagi Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta751), khususnya Seksyen 8 (a)-(d) mengenai peranan Mediator Komuniti dalam menyelesaikan masalah sensitif di peringkat akar umbi.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan sesebuah Kerajaan yang berdaulat untuk menjamin keharmonian rakyatnya. Malaysia sebagai

sebuah negara dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa tidak terlepas berhadapan dengan insiden-insiden yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) sedia maklum bahawa dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat, kita perlu menangani perselisihan faham yang kadang kala berlaku di antara satu sama lain supaya mengelakkan daripada tercetusnya ketegangan atau kejadian yang lebih serius sehingga boleh mengakibatkan rusuhan kaum.

Maka pendekatan perdamaian diperkenalkan melalui proses mediasi komuniti. Mediator Komuniti (MK) merupakan pihak ketiga yang berkecuali yang akan berusaha mencari jalan perdamaian di antara pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik. MK ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin KRT dan pegawai-pegawai kerajaan yang dilatih khas untuk membantu menyelesaikan pertikaian atau konflik di peringkat akar umbi dan sekaligus memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Justeru, Kerajaan sememangnya berhasrat untuk memantapkan jentera akar umbi di dalam memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini melalui pindaan kepada Akta Rukun Tetangga 2012 atau Akta 751 sedia ada. Pindaan bertujuan untuk memperkasakan pengurusan Rukun Tetangga (RT), pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan juga pelaksanaan Mediator Komuniti (MK)

di seluruh negara. Sehingga 30 September 2019, seramai 1,130 orang MK telah berjaya ditauliahkan oleh PERPADUAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG

KAWASAN : AYER HITAM

SOALAN NO. 10

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat dan apakah kesediaan Kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional yang mampu menyekat penularan sentimen perkauman dan ekstremis di negara ini, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Perpaduan nasional bukanlah satu anugerah semata-mata, malah ia harus dibina, diurus dan diselenggara dengan baik agar kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Ikhtibarnya, kita semua perlu berganding bahu dan bersatu tenaga bersama-sama kerajaan mengambil langkah-langkah yang positif dan membina bagi memastikan

perpaduan dan keharmonian di negara ini akan terus kekal dan terpelihara.

Selaras dengan Janji 56 dalam manifesto kerajaan yang menekankan bahawa perpaduan nasional tetap dan sentiasa menjadi agenda utama kerajaan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah mengambil langkah menjenamakan semula Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) kepada Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) dan telah diluluskan oleh Kabinet pada 12 Jun 2019. MPKR sebagai kesinambungan kepada MKPN akan meneruskan usaha-usaha memelihara dan meningkatkan perpaduan nasional di samping akan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama sebagai usaha ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*).

Pada masa ini, Kerajaan melalui PERPADUAN telah membuat pemilihan ahli-ahli yang akan menganggotai MPKR dan sedang menguruskan pelantikan ahli-ahli tersebut oleh YAB Perdana Menteri. Keanggotaan MPKR adalah terdiri dari kalangan individu yang berpengalaman serta komited terhadap perpaduan negara dan kesejahteraan sosial rakyat, mempunyai kredibiliti, bersifat inklusif, terbuka, neutral dan mempunyai pandangan konstruktif serta mewakili semua lapisan masyarakat. Sebagai sebuah badan bebas, MPKR akan bergerak membawa misi perpaduan di bawah Malaysia Baru.

Berhubung dengan pengubalan Rang Undang-Undang (RUU) Keharmonian Nasional, Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri

bertarikh 30 Januari 2019 telah memutuskan bahawa RUU ini tidak perlu kerana Kerajaan mendapati peruntukan yang dicadangkan sudah pun termaktub dan dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang dalam proses mempertimbangkan cadangan pewujudan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission*) sebagai suruhanjaya bebas bagi menangani isu-isu perkauman dan agama serta mengenal pasti langkah penyelesaian yang baik dan sewajarnya. Oleh itu, maklum balas daripada pelbagai pihak berkaitan diperlukan sebelum Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dapat dimuktamadkan. Justeru, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) masih dalam proses mendapatkan input, cadangan dan maklum balas termasuk mengkaji contoh-contoh model suruhanjaya yang berada di luar negara bagi membolehkan cadangan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dapat diterima baik oleh semua pihak dan hanya selepas itu PERPADUAN akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai cadangan ini untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS

KAWASAN : JELEBU

SOALAN NO. 86

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah tambahan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki perpaduan antara kaum di Malaysia yang dilihat semakin goyah.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- i) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- ii) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- iii) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- iv) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169

Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

- v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang sehingga kini telah melibatkan seramai 5,728 orang pelajar dalam tempoh 2015 hingga 2019.
- vi) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- vii) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.
- viii) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui

penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

- ix) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Dalam usaha Kerajaan meningkatkan lagi persefahaman dan keharmonian dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini bagi mengelakkan sikap prejedis dan prasangka antara mereka demi mewujudkan rakyat Malaysia yang bertoleransi, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah baharu seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- (ii) Melaksanakan perancangan strategi dan inisiatif yang dicadangkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret

untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

- (iii) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.
- (iv) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan. Melalui jaringan kerjasama secara menyeluruh ini, pihak Jabatan dapat menyebarluaskan lagi mesej-mesej perpaduan demi mewujudkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelbagai kumpulan sasar yang terlibat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini.

Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, naratif baru perpaduan dapat disuntik sehingga semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM

KAWASAN : PENDANG

SOALAN NO. 140

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam jangka masa pendek dan panjang bagi menyatukan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia daripada segi politik, ekonomi dan sosial yang sekarang ini semakin rapuh.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dari masa ke semasa sentiasa merancang strategi dan inisiatif tertentu melalui pelan strategik Jabatan bagi terus memelihara dan mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) di mana ianya akan menjadi satu platform ke arah penyatuan nasional (*national reconciliation*) bagi mengurangkan polarisasi kaum dan membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Penubuhannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks serta merintis jalan penyelesaian ke arah merapatkan jurang yang menghalang perpaduan. Selain itu, Majlis ini akan berperanan mewujudkan kesedaran dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersikap moderat bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi dan hasrat kerajaan baharu untuk mewujudkan urus tadbir negara yang baik, progresif dan inklusif ke arah menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat negara ini tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama;
- ii) Menjadikan kaedah mediasi komuniti sebagai usaha berterusan untuk menangani pertikaian, pertelingkahan dan persengketaan dalam komuniti setempat yang terdiri dari penghuni yang berbilang kaum dan agama dengan meningkatkan bilangan mediator komuniti yang terlatih di seluruh negara. Dengan cara ini, konflik yang wujud di peringkat akar umbi dapat ditangani dengan lebih berkesan sebelum ianya menular menjadi lebih besar dan mencetuskan pergaduhan, serangan ataupun rusuhan kaum;
- iii) Pemerkasaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui langkah meremajakan agen-agen perpaduan di peringkat akar umbi agar mereka dapat berkhidmat kepada komuniti tanpa

sebarang prejudis dan prasangka sesama mereka agar selari dengan usaha kerajaan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdikari, inovatif dan progresif. Selain itu, Jabatan juga telah membuat anjakan paradigma dengan mengadakan kerjasama dan kolaborasi strategik dengan pelbagai pertubuhan dan persatuan, badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan korporat, organisasi masyarakat sivil (CSO), kelab dan sektor swasta serta institusi pengajian tinggi bagi memastikan mereka dapat bersama menyumbang dengan melakukan usaha-usaha mempromosikan perpaduan sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka melalui pelaksanaan pelbagai program seperti dialog harmoni antara penganut agama, larian perpaduan, pemberian pengiktirafan terhadap ikon-ikon perpaduan, hari toleransi, forum perpaduan, anugerah Rukun Tetatangga, *MyHero Awards*, *Unity Fiesta*, *Raising National Flag* dan *Say Something Nice*;

- iv) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga komited dalam terus menerajui pendidikan perpaduan memandangkan inisiatif-inisiatif pemupukan perpaduan bermula di peringkat pra-sekolah lagi. Jabatan bercadang meningkatkan kualiti guru-guru di Tabika dan Taska Perpaduan melalui latihan yang lebih komprehensif agar mereka dapat mendidik anak-anak kecil sejak di bangku sekolah lagi untuk menghargai perpaduan yang merupakan hadiah yang tidak ternilai terutamanya di negara ini yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai keturunan kaum, agama dan budaya. Ini kerana sekiranya anak-anak dipupuk dengan pengamalan nilai-nilai murni sejak kecil seperti sikap saling

hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, bersifat patriotik dan menghargai kepelbagaian masyarakat yang wujud di Malaysia, nescaya sentimen-sentimen perkauman tidak lagi akan menggugat generasi akan datang dan mereka tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita yang diviralkan dan anasir-anasir yang jahat;

- v) Meneruskan pelaksanaan program-program sedia ada seperti Program Sayangi Komuniti (PSK) yang telah disasarkan untuk dilaksanakan di 456 lokasi miskin bandar dan pinggir bandar (B40) bagi meningkatkan keharmonian masyarakat setempat agar mereka hidup dengan selamat, aman dan sejahtera. Pelaksanaan PSK telah mencapai sasaran sebanyak 152 lokasi sehingga Julai 2019 bagi membolehkan Jabatan PERPADUAN melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersama penduduk melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung, menangani dan menyelesaikan isu/masalah yang dihadapi oleh penduduk sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan masyarakat pelbagai kaum di kawasan ini agar dapat terus memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial; dan
- vi) Pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) turut diteruskan kerana ia merupakan salah satu platform untuk mengintegrasikan golongan mahasiswa melalui program *internship* di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) sebagai usaha untuk menggalakkan perkongsian silang kerjaya dan budaya antara golongan mahasiswa universiti yang

terdiri dari pelbagai kaum dan latarbelakang keturunan. Bermula dari 2015 hingga 2019, seramai 5,728 orang pelajar telah menyertai program ini.

Antara langkah jangka panjang yang dirancang oleh Kerajaan ke arah memelihara perpaduan negara dan kesejahteraan sosial adalah seperti berikut:

- i) Pembangunan Indeks Perpaduan Nasional sebagai suatu model struktur yang komprehensif di peringkat nasional untuk mengukur dan memantau tahap pencapaian perpaduan di Malaysia secara saintifik dan sistematik menggunakan data empirikal yang diperolehi daripada masyarakat Malaysia. Indeks ini dibina berdasarkan beberapa konstruk tertentu yang meliputi seperti tahap keetnikan, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa, tadbir urus dan pembangunan, kesepadan sosial dan lain-lain lagi yang akan menjadi kayu pengukur kepada tahap perpaduan negara ini. Indeks ini akan menjadi alat pemantauan peringkat nasional yang dapat memperlihatkan keperluan program intervensi sebenar oleh Kerajaan kepada masyarakat berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku kerana nilai indeks yang diukur akan menjadi satu petunjuk sebenar pencapaian tahap perpaduan di Malaysia kelak;
- ii) Kerajaan juga melalui Jabatan PERPADUAN telah merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang merupakan rangka kerja yang bakal memandu pelaksanaan *Blueprint* – Pelan Perpaduan, Kesepadan dan Penyatupaduan Malaysia merentasi pelbagai agensi Kerajaan. Pelan ini adalah bersifat spesifik, inklusif dan holistik yang merangkumi tindakan-tindakan yang telah

diterjemahkan daripada rumusan yang telah dibuat ke atas hasil utama dan cadangan dari dialog perpaduan. Pelan ini dijangka akan menggerakkan usaha-usaha kerajaan ke arah penyatuan nasional untuk mengurangkan ketegangan, konflik dan polarisasi kaum.

- iii) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan. Melalui jaringan kerjasama secara menyeluruh ini, pihak Jabatan dapat menyebarluaskan lagi mesej-mesej perpaduan demi mewujudkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelbagai kumpulan sasar yang terlibat.

Jabatan PERPADUAN telah merancang untuk melipatgandakan pelbagai usaha untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu-padu dan berintegrasi di negara ini, namun usaha-usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan tanpa kerjasama semua pihak kerana usaha memelihara perpaduan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN**

KAWASAN : BATU

SOALAN NO. 465

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian telah memotong peruntukan bagi KRT daripada RM6000 setahun kepada RM3500, di mana pembayaran pertama berjumlah RM1400 dan dikhabarkan setiap KRT akan menerima RM2100 lagi dalam masa terdekat.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
SOSIAL)**

Yang di-Pertua,

Geran Rukun Tetangga 2019 diagihkan berdasarkan kepada penilaian keaktifan setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Penilaian keaktifan Rukun Tetangga Tahun 2019 adalah menggunakan kaedah yang menggabungkan penilaian melalui Sistem e-Rukun Tetangga dan

Penilaian oleh Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) terhadap keaktifan setiap KRT. Melalui Sistem e-Rukun Tetangga, setiap KRT dinilai berdasarkan laporan pelaksanaan program dan aktiviti, pengurusan mesyuarat dan pengurusan kewangan RT. Manakala penilaian oleh PPD pula merupakan kaedah yang memberi peluang kepada pegawai sendiri untuk menilai keaktifan KRT yang wujud di bawah pemantauannya. Pengiraan penilaian keaktifan KRT adalah seperti pecahan berikut:

- Sistem e-Rukun Tetangga : 40%
- Penilaian PPD terhadap Keaktifan KRT : 60%

(i) **Sistem e-Rukun Tetangga (40%)**

AJK Rukun Tetangga perlu mengunci masuk perkara-perkara seperti berikut :

- Pelaksanaan aktiviti sekurang-kurangnya 6 program/aktiviti setahun.
- Pelaksanaan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 kali mesyuarat setahun.
- Pengurusan kewangan dibuat setiap sebulan sekali.

Sekiranya Rukun Tetangga dapat mengunci masuk berdasarkan perkara-perkara dan kekerapan yang dinyatakan, maka KRT tersebut mencapai markah 100% di dalam Sistem Penilaian e-Rukun Tetangga.

(ii) **Penilaian PPD terhadap Keaktifan KRT (60%)**

Penilaian Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) terhadap KRT pula merupakan kaedah yang memberi peluang kepada PPD sendiri untuk

menilai keaktifan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kerana PPD merupakan pemantau terhadap kegiatan KRT yang berada di bawah seliaannya.

Pada awalnya, pengagihan Geran Rukun Tetangga 2019 dirancang berdasarkan tahap keaktifan yang telah dinilai seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	PERANCANGAN AGIHAN GERAN
80% - 100%	Paling aktif	RM6,000
45% - 79%	Aktif	RM4,000
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM2,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Namun begitu, di bawah kelulusan bajet 2019 pihak Jabatan PERPADUAN hanya menerima peruntukan yang begitu terhad dan peruntukan ini disalurkan kepada Jabatan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Pada Fasa 1, jumlah peruntukan yang telah diterima hanya membolehkan Jabatan PERPADUAN mengagihkan Geran Rukun Tetangga seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	AGIHAN GERAN FASA 1 (JAN - JUN 2019)
80% - 100%	Paling aktif	RM1,800
45% - 79%	Aktif	RM1,400
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM1,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Manakala pada Fasa 2, iaitu pada pertengahan Ogos 2019, PERPADUAN telah menerima peruntukan yang disalurkan pada kadar

yang tidak menepati perancangan awal Jabatan Pengagihan Geran Fasa 2 seperti berikut:

PENCAPAIAN PERATUS KEAKTIFAN	KATEGORI	AGIHAN FASA 2 (JUL - DIS)
80% - 100%	Paling aktif	RM3,200
45% - 79%	Aktif	RM2,100
21% - 44%	Sederhana Aktif	RM1,000
0% - 20%	Tidak Aktif	TIADA

Justeru, secara keseluruhannya, agihan Geran Rukun Tetangga 2019 berdasarkan penilaian keaktifan adalah seperti berikut:

KATEGORI	AGIHAN FASA 1 (JAN - JUN)	AGIHAN FASA 2 (JUL - DIS)	JUMLAH SETIAP RT
Paling Aktif	RM1,800	RM3,200	RM5,000
Aktif	RM1,400	RM2,100	RM3,500
Sederhana Aktif	RM1,000	RM1,000	RM2,000
Tidak Aktif	-	-	-

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 9 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila penubuhan suruhanjaya keharmonian dan rekonsiliasi nasional akan menjadi kenyataan memandangkan agak perlunya ditubuhkan masa kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya cadangan tiga (3) draf Rang Undang-Undang (RUU) yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian yang telah dibuat kemudiannya, Kerajaan telah memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum akan diperkuuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian

dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya seperti yang terdapat di negara luar.

Jabatan PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]. Berdasarkan hasil maklum balas dari sesi libat urus tersebut, satu Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan selewat-lewatnya pada awal tahun 2020.

Sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dipersetujui oleh Kerajaan, sesi libat urus seterusnya akan diadakan bersama Jabatan Peguam Negara untuk mendraf RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional untuk tujuan pembentangan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM**

TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan setakat ini untuk membendung masalah perkauman yang semakin melarat sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara secara berterusan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Justeru, pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkuatkkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (engage and educate) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- (i) Memperkasakan kepimpinan 8,205 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (ii) Melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).
- (iii) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- (iv) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang sehingga kini telah melibatkan seramai 5,728 orang pelajar dalam tempoh 2015 hingga 2019.

- (vi) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi supaya mereka lebih memahami dan menghayatinya suasana perpaduan masyarakat dan keharmonian negara ini.
- (vii) Mengadakan program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara yang melibatkan kepimpinan Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh negara bagi memantapkan interaksi dan hubungan kerjasama antara RT, RA dan NGO agar dapat bersama-sama melaksanakan program dan aktiviti kejiranan secara bersepadu dalam mengurus dan menangani isu setempat untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kesejahteraan komuniti setempat.
- (viii) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (ix) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- (x) Melaksanakan perancangan strategi dan inisiatif yang dicadangkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (xi) Mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di media sosial peringkat Jabatan termasuk pejabat perpaduan negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan (*counter*) penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat menyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya dengan isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.
- (xii) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mendepani cabaran-cabaran perpaduan dengan baik dan secara berkesan demi mewujudkan suasana keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan pelbagai kumpulan sasar yang terlibat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkuatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program perpaduan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, naratif baru perpaduan dapat disuntik sehingga semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertolak-ansur dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH

TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan 'Mediator Community' dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan apakah bentuk imbuhan yang diberikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Mediator Komuniti (MK) adalah salah satu program *flagship* Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) bertujuan untuk mewujudkan perdamaian dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

MK adalah pihak ketiga atau orang tengah yang berusaha mendapatkan persetujuan/penyolesaian antara pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu konflik untuk mencapai pendamaian dan seterusnya meningkatkan perhubungan yang lebih positif di antara pihak-pihak yang berkonflik tersebut.

MK berperanan memberikan perkhidmatan mediasi secara sukarela kepada pihak-pihak yang memerlukan dengan cara mententeramkan ketegangan antara pihak-pihak yang bertelagah serta memulihkan

perhubungan di antara mereka, membantu mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh pihak yang bertelagah bagi memelihara keharmonian masyarakat, menjalankan mediasi secara profesional, adil dan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang imbuhan/balasan. Barisan mediator ini juga sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran mediasi melalui latihan dan perkongsian pengalaman secara berterusan.

Sejak PERPADUAN memulakan program MK pada tahun 2008 dan sehingga 30 November 2019, PERPADUAN telah berjaya melahirkan seramai 1,027 orang MK bertauliah yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin Rukun Tetangga, Ketua-Ketua Masyarakat dan termasuk pegawai PERPADUAN.

Statistik mulai tahun 2014 sehingga 2018 menunjukkan bahawa sebanyak 1,281 kes berjaya diselesaikan oleh barisan MK di seluruh negara. Antara kes-kes yang berjaya diselesaikan secara menang-menang (*win-win*) meliputi kes-kes kejiranan yang menimbulkan perasaan tidak puas hati seperti isu pembuangan sampah, isu bunyi bising, isu pertembungan gaya hidup, isu kontrak, isu persempadanan, isu hal ehwal keluarga, isu pergaduhan jiran dan sebagainya.

Demi menyokong peranan MK, beberapa insentif yang telah disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Perlindungan skim insurans berkelompok 24 jam;
- b) Tawaran mengikuti Persijilan dan Pentaulahan Mediasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan

- c) Latihan Tahunan seperti Program Sidang Mediator Komuniti dan *Case Conferencing* bertujuan meningkatkan kemahiran Mediator Komuniti melalui perkongsian idea dan pengalaman.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Manfaat di bawah Skim Insurans Berkelompok

Bil	Faedah	Nilai Perlindungan (RM)
1.	KEMATIAN akibat kemalangan (Semasa bertugas)	40,000.00
2.	KEMATIAN akibat kemalangan (Di luar Waktu Bertugas)	20,000.00
3.	KECACATAN KEKAL (Menyeluruh Akibat Kemalangan) (Semasa Bertugas)	20,000.00
4.	ELAUN HARIAN HOSPITAL (Akibat Kemalangan Semasa Bertugas) (Maksimum 60 hari dalam setahun)	50.00 sehari
5.	KECACATAN TIDAK KEKAL (Akibat Kemalangan Semasa Bertugas) (Maksimum 60 hari dalam setahun)	50.00 sehari
6.	ELAUN PERUBATAN HOSPITAL (Akibat Kemalangan Semasa Bertugas) (Maksimum Setiap Kemalangan)	1,500.00
7.	KHAIRAT KEMATIAN (Semua Sebab)	1,500.00

BILANGAN KES DITANGANI MEDIATOR KOMUNITI
DI SELURUH NEGARA
(MULAI TAHUN 2014 – 2019)

NEGERI	KES PERTIKAIAN KELUARGA <i>(Family Dispute)</i>						KES PERTIKAIAN KEJIRANAN <i>(Neighbourhood Dispute)</i>						JUM LAH
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2014	2015	2016	2017	2018	2019	
PERLIS	3	2	2	0	3	4	7	5	6	10	18	4	64
KEDAH	3	0	3	1	3	3	10	12	12	15	12	5	79
PENANG	5	2	5	3	2	5	12	15	10	12	15	24	110
PERAK	4	2	6	8	9	4	14	12	12	10	13	11	105
SELANGOR	5	6	10	13	8	5	13	12	13	15	25	16	141
WPKL	5	2	12	14	10	3	16	15	10	15	21	22	145
PUTRAJAYA	2	1	5	5	7	2	8	9	10	12	23	8	92
N.SEMBILAN	3	2	4	4	2	1	9	8	6	7	9	6	61
MELAKA	3	4	6	5	1	0	8	10	5	3	6	4	55
PAHANG	3	2	6	6	2	2	9	8	6	5	9	8	66
TERENGGANU	2	2	5	3	1	1	10	10	9	8	8	2	61
KELANTAN	1	3	3	5	1	3	9	12	10	8	6	4	65
JOHOR	2	4	12	10	8	4	12	12	20	14	25	18	141
SABAH	1	2	2	0	0	9	8	7	6	4	7	9	55
SARAWAK	1	2	2	0	0	0	6	10	7	4	9	0	41
JUMLAH	43	36	83	77	57	46	151	157	142	142	206	141	1,281

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK THEODORE DOUGLAS LIND

TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 35

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan satu akta baru bagi mengatasi salah guna isu perkauman dan agama yang semakin membimbangkan dan dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan politik mereka, sekali gus mengancam perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama sekiranya tidak dikawal di peringkat awal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal suatu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Kaum dan Agama. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya draf Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kebencian Kaum dan Agama yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian tersebut kemudiannya, Kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di

bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum akan diperkuuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di negara luar.

Jabatan PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]. Berdasarkan hasil maklum balas dari sesi libat urus tersebut, Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan selewat-lewatnya pada awal tahun 2020.

Sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dipersetujui oleh Kerajaan, sesi libat urus akan diadakan bersama Jabatan Peguam Negara untuk mendraf RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional untuk tujuan pembentangan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 46

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah tahap pencapaian indeks ketegangan etnik di Malaysia sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14; dan
- (b) adakah Kementerian akan melibatkan sesi konsultasi bersama Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang dalam penggubalan akta-akta baharu seperti Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pilihan raya perlulah dilihat sebagai suatu tapak yang menstabilkan, mengintegrasikan (mencari kesepakatan dalam perbezaan) secara demokratik berbanding sebagai tapak yang memecah-belahkan atau memisahkan masyarakat.

Dalam konteks Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia yang telah diadakan sebanyak empat belas kali, hanya satu sahaja keputusan PRU yang mengundang konflik iaitu pada tahun 1969.

Sebaliknya, sejumlah 13 lagi PRU yang telah diadakan berjalan dengan lancar dan terkawal termasuk yang terakhir pada 9 Mei 2018. Tiada rusuhan yang dilakukan, tiada tempat awam yang dibakar dan tiada pengisytiharan darurat yang mencerminkan bahawa *Business as usual* di seluruh negara. Malah ramai rakyat yang mengambil kesempatan untuk keluar bercuti tanpa rasa gusar untuk meraikan cuti umum yang diberikan oleh Kerajaan Baharu pada dinihari keputusan PRU diketahui pada 10 Mei 2018.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) mulai tahun 2008 telah membangunkan suatu petunjuk iaitu Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) untuk mengukur tahap keharmonian dan perpaduan rakyat berdasarkan kepada bilangan kes atau insiden ketegangan yang dilaporkan setahun berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia. Setiap petunjuk diberi wajaran meliputi bilangan kes / insiden seperti Keganasan Sosial (Keganasan dan Rusuhan), Keingkaran Sosial (Demonstrasi, Protes, Serangan, Pergaduhan Antara Kaum (Sumber data PDRM) dan Pertelingkahan (Isu semasa).

Pemantauan dilakukan oleh PERPADUAN terhadap isu-isu yang menimbulkan ketegangan masyarakat sebelum PRU14 bermula sejak awal 2018 tidak menampakkan intensiti isu-isu tegang yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat. Skor IKM sebelum PRU14 bermula Januari hingga Jun 2018 adalah 4.7 kes per sejuta penduduk.

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan tahap ketegangan masyarakat selepas PRU14 apabila skor IKM untuk bulan Jun hingga Disember 2018 adalah 6.9 kes per sejuta penduduk. Peningkatan ini adalah susulan daripada tercetusnya insiden-insiden perkauman dan agama seperti bantahan umum terhadap ICERD, Perhimpunan Aman Keadilan Untukmu Adib dan Penghinaan terhadap Nabi Muhamad pada suku tahun kedua 2018.

Tahap ketegangan yang berlaku di Malaysia adalah bersifat “pasang surut” mengikut situasi semasa. Ada kalanya sesuatu isu perkauman dan agama yang tercetus akan membangkitkan kebimbangan dan mengundang kemarahan serta reaksi negatif dalam kalangan rakyat. Namun, apabila sesuatu isu tersebut berjaya ditangani secara bijaksana dan berhemah, isu tersebut akan mula menampakkan suasana reda dan seterusnya rakyat kembali kepada keadaan yang normal.

Keseluruhannya, tahap hubungan kaum di Malaysia masih berada pada tahap ketegangan yang stabil (*stable tension*). Apa yang dimaksudkan sebagai ketegangan yang stabil adalah, apabila kita dapat melihat secara keseluruhannya rakyat boleh terus hidup secara aman dan harmoni, walaupun kadangkala terdapat pertelingkahan yang kecil melibatkan kumpulan tertentu. Walaupun wujud pertengkarannya kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera melalui proses perundingan dengan izin, “*we talk conflict, but we walk cohesion*”.

- (b) Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal suatu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Anti Diskriminasi. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya draf Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kebencian Agama dan Kaum yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian tersebut kemudiannya, Kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum diperkuuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di negara luar.

PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan bersifat telus (*transparent*) maka sudah pasti Ahli Parlimen Kerajaan dan

Pembangkang akan turut dilibatkan kelak bagi mendapatkan input beras terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya tersebut.

Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan selewat-lewatnya pada awal tahun 2020. Sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dipersetujui oleh Kerajaan, sesi libat urus akan diadakan bersama Jabatan Peguam Negara untuk mendraf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional untuk tujuan pembentangan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE

TARIKH : 17 DISEMBER 2019 (SELASA)

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memupuk kesejahteraan masyarakat dan perpaduan di antara kaum (bagi tahun ini) dan jelaskan kesan/impaknya dalam mengurangkan jurang perkauman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dalam memupuk kesejahteraan masyarakat dan perpaduan di antara kaum (bagi tahun ini) ialah:

- (a) Forum Perpaduan Sekretariat Rukun Negara (FPSRN) peringkat kebangsaan telah dilaksanakan dengan penglibatan sebahagian besar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari seluruh negara. Di antara tujuan FPSRN adalah untuk memberi pendedahan berkenaan isu-isu perpaduan melalui platform forum di mana ahli-ahli panel berkongsi idea dan pandangan mereka dengan para peserta yang merupakan ahli Sekretariat Rukun

Negara serta memberi kefahaman mengenai matlamat dan prinsip Rukun Negara bagi membolehkan para peserta lebih menghayatinya.

- (b) Program Fiesta Perpaduan Di Hati Peringkat Negeri Selangor merupakan program yang dirangka untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan keunikan dan kepelbagaian adat resam, budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum. Pengisian program yang unik dilihat mampu menarik penyertaan dalam kalangan generasi muda umpamanya melalui *Segmen Runway Fashion* yang telah membuka peluang kepada perekapereka pakaian pelbagai etnik untuk mengetengahkan fesyen pakaian pelbagai kaum, Pertandingan *E-Games FIFA 2019* yang merupakan pertandingan permainan video yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum serta Pertandingan Masakan yang telah mempelbagaikan citarasa mengikut tradisi kaum dan etnik masing-masing.
- (c) Pertandingan Video Pendek Perpaduan yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penerangan Negeri Selangor dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah berjaya mencungkil bakat dan kemahiran kreatif dalam mempromosikan perpaduan. Video-video pendek bertemakan “Kepelbagaian Kaum Penyatuan Bangsa” yang mempunyai mesej-mesej perpaduan yang menarik dan unik telah disebarluaskan melalui media sosial bagi tujuan mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

- (d) Penganjuran Program Sambutan Kemerdekaan di Pusat Beli-Belah (*Mall*) juga merupakan satu inisiatif baru oleh badan-badan korporat dalam usaha meningkatkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Program yang dirangka melalui kerjasama antara Pusat Beli-Belah dan PERPADUAN ternyata berjaya menarik penyertaan masyarakat pelbagai kaum dan peringkat umur. Sejumlah 24 Pusat Beli-Belah di seluruh negara telah melaksanakan program ini. Pengisian program dilihat dapat meningkatkan interaksi masyarakat pelbagai kaum dan menyemai semangat cintakan negara. Secara tidak langsung, penglibatan pusat beli belah ini membuktikan kesediaan dan komitmen badan korporat dan pihak swasta dalam mengambil tanggungjawab bagi memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat di negara ini.
- (e) Program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara dilaksanakan bertujuan membina hubungan mesra, interaksi dan memupuk persefahaman melalui kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mengelakkan persaingan tidak sihat antara mereka. Program ini telah dijalankan sebanyak 8 siri melibatkan 16 buah negeri mengikut pecahan 6 zon dengan konsep pelaksanaan berbentuk seminar, forum dan dialog. Hasil daripada pelaksanaan program

tersebut telah menunjukkan semangat kerjasama dan penerimaan yang tinggi di kalangan pemimpin RT, RA, NGO dan badan korporat serta semua PERPADUAN Negeri dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) Negeri yang turut melibatkan penyertaan peserta dari pelbagai kaum dalam program tersebut.

- (f) Program keharmonian antara penganut agama turut dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri melalui pengajuran aktiviti seperti dialog, forum dan program komuniti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan penganut agama. Contohnya, aktiviti seperti Solidariti Kedamaian di Dataran Merdeka, Bengkel Perbincangan Meja Bulat Antara Penganut Agama, Jom Santuni Masyarakat Negeri Kedah, Jelajah Wacana Muhibah Budaya Negeri Kelantan, *Harmony Walk Programme* WP Kuala Lumpur, Festival Baba Nyonya Negeri Melaka, *Interfaith Dialogue* Negeri Terengganu, Dialog Keharmonian Negeri Sabah, Forum Keharmonian Antara Penganut Agama Negeri Sarawak dan sebagainya. Pengajuran program seperti ini diadakan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Agama dan Sosial serta agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.
- (g) Mengajurkan lebih banyak sesi perbincangan, konferens, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan pengupasan isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti pengajuran persidangan bertajuk Conference on *Countering Hate Speech and Intolerance in Malaysia* dan bengkel bertajuk “*Identifying and*

Countering Hate Speech Against Minorities" serta Wacana Perpaduan di Hati Ke Arah Kelestarian dan Pengukuhan Hubungan Etnik yang telah diadakan sepanjang tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABDUL GHANI BIN MOHAMED YASSIN

TARIKH : 18 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 70

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosikan oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kita perlu sedar bahawa budaya ekstremisme yang berunsurkan kaum dan agama telah menimbulkan kejutan kepada masyarakat Malaysia pada hari ini dan menyedarkan kita bahawa aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkuatkan algi.

Isu-isu sensitif ini perlu diurus dengan baik kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Kebebasan bercakap terutamanya melalui platform media sosial menyebabkan rakyat tidak peduli lagi apa yang dibicarakan sehingga membawa ke tahap mempersendakan agama,

bahasa dan kaum komuniti lain.

Justeru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik melalui pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) bagi menangani gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi bagi memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- (a) mendidik pengguna dan pengendali aplikasi media sosial supaya mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan beretika ketika menggunakan aplikasi tersebut dan tidak menggunakan media sosial untuk mencetuskan sentimen perkauman, menabur fitnah, meracuni fikiran masyarakat sehingga merosakkan ketenteraman awam.
- (b) menguatkuasakan undang-undang bagi mengawal selia penggunaan Internet dalam negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286) serta Kanun Keseksaan (Akta 574).
- (c) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkuuh perpaduan negara dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.

- (d) menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkret untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (e) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan penggubalan Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional dan Rekonsiliasi yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
 - (i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataaan.
 - (ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - (iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan isu kaum dan agama dan mengenal pasti penyelesaian melalui kaedah mediasi.
- (f) memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (g) melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan

penganut-penganut agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.

- (h) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,027 orang Mediator Komuniti dan 60 orang Mediator Agama di seluruh negara.
- (i) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (j) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- (k) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak bawah 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi supaya mereka lebih memahami dan menghayatinya suasana perpaduan masyarakat dan keharmonian negara ini.

- (l) menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (m) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Pendirian Kerajaan adalah jelas bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang sengaja menyalahgunakan hak kebebasan bersuara bagi membangkitkan sensitiviti kaum dan mengganggu-gugat keamanan negara melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Di samping itu, fahaman pelampau / ekstrebris kaum dan agama yang merentasi sempadan agama, kaum dan pertubuhan akan disusuli dengan tindakan afirmatif oleh agensi-agensi penguatkuasaan agar fahaman dan gerakan kumpulan pelampau tidak berakar umbi di negara ini.

Sekian, terima kasih.